

## PENDAHULUAN

### ANALISIS HADITH *AL-RAHN* DALAM *AL-KUTUB AL-SITTAH*

#### **Pengenalan**

Kajian ini merupakan salah satu daripada kajian Hadith- hadith fiqh mu'āmalah yang kini mendapat perhatian masyarakat umum. Penulis beranggapan kajian seperti ini begitu menarik untuk dikupas dan diterokai kerana ia berkait rapat dengan perkembangan dan keperluan semasa.

Fokus utama kajian iaitu *al-Rahn* dipilih kerana keperluannya masa kini sehingga jika tidak diterjemahkan pengertiannya pun masyarakat sudah memahami apa itu *al-Rahn*. Kajian Hadith-hadith *al-Rahn* dikhususkan kepada *al-Kutub al-Sittah* kerana kitab-kitab ini merupakan rujukan utama umat Islam dalam membahaskan hal-hal yang berkaitan dengan hadith.

#### **Latar Belakang Masalah Kajian**

Melihat kepada perkembangan negara pada masa ini, masyarakat Islam mula sedar akan kepentingan fiqh muamalat Islam . Banyak institusi kewangan di Malaysia telah menjalankan sistem yang berasaskan kewangan Islam seperti *Bay' bi thaman ajil, Qard Al-Hasan, Bay' Wafā* dan sebagainya. Tidak sahaja kepada sistem kewangan malah ia telah mula berkembang kepada sistem perlindungan diri , keluarga dan harta benda.

Perkembangan ini telah membawa kepada perbincangan yang lebih bersifat ilmiah dan didiskusikan secara terbuka. Namun demikian, terdapat beberapa kelemahan yang ketara dalam membicarakan aspek yang berkaitan dengan perkara ini. Kurangnya bahan rujukan dan sandaran dari al-Quran dan al-Ḥadith dalam membincangkan sistem muamalat Islam menjadi faktor kelemahan yang perlu diatasi. Antara perkara lain yang diabaikan ialah kurangnya diketengahkan kualiti nas naqli yang mana para pengkaji Islam jarang yang menitikberatkan perkara ini sedangkan ianya amat penting bagi dijadikan hujah di dalam mempertahankan pandangan.

Sehubungan dengan itu, penulis akan melakukan penyelidikan berdasarkan kepada beberapa perkara yang menjadi persoalan bagi menyelesaikan permasalahan-permasalahan yang wujud di dalam kajian yang dilakukan . Persoalan-persoalan tersebut iaitu ;

1. Bagaimanakah kedudukan Ḥadith-ḥadith *al-Rahn* di dalam *al-Kutub al-Sittah*?
2. Berapakah bilangan Ḥadith-ḥadith *al-Rahn* di dalam *al-Kutub al-Sittah* mengikut kategori Hadith berautoriti iaitu Ḥadith Ṣaḥīḥ dan Ḥasan?
3. Bagaimanakah aspek takhrij al-Hadith dilakukan di dalam *al-Kutub al-Sittah* untuk mengenal pasti darjah dan kualiti Hadith-hadith *al-Rahn*?
4. Apakah hukum-hukum fiqh yang boleh dikeluarkan daripada hadith-hadith *al-Rahn* dalam *al-Kutub al-Sittah* berdasarkan pada kitab sharḥ al-Ḥadith.

## Objektif Kajian

Kajian terhadap tajuk ini cuba untuk memperolehi objektif-objektif berikut ;

1. Mengenalpasti Hadith-hadith *al-Rahn* dalam *al-Kutub al-Sittah* untuk dinilai dan dianalisis hadith-hadith tersebut.
2. Melakukan analisis terhadap teks Hadith-hadith yang dikumpulkan mengikut kategori kualiti Hadith yang boleh dijadikan sandaran hukum syarak.
3. Melakukan *takhrij* terhadap Hadith-hadith yang dikumpulkan mengikut kategori kualiti Hadith.
4. Menganalisis hukum fiqh *al-Rahn* daripada perspektif hukum Islam melalui sumber turāth berautoriti seperti kitab Sharh al-Hadith dan kitab-kitab fiqh Islāmi.
5. Membuat penelitian tentang pelaksanaan hukum *al-Rahn* dalam muamalah semasa di Malaysia.

## **Kepentingan Dan Rasional Kajian**

1. Dapat memberi penjelasan secara terperinci mengenai konsep *al-Rahn* menurut pandangan Islam berdasarkan sumber yang sebenar iaitu al-Hadith.
2. Menjadi rujukan kepada pencinta ilmu untuk menambahkan lagi ilmu pengetahuan melalui pembacaan dan kajian-kajian yang dijalankan terhadap hadith-hadith *al-Rahn* di dalam *al-Kutub al-Sittah*.
3. Dapat memberi kefahaman yang lebih jelas terhadap kedudukan dan darjat Hadith-hadith yang berkaitan dengan *al-Rahn* melalui proses takhrij yang dilakukan.
4. Menganalisis perbahasan hukum-hukum fiqh di dalam Hadith-hadith yang berkaitan dengan *al-Rahn* melalui sumber-sumber *turāth* dan kontemporari yang dihasilkan.

## **Skop Kajian**

Kajian akan difokuskan kepada dua bahagian. Bahagian yang pertama ialah mengenalpasti Hadith-hadith yang disabitkan dengan *al-Rahn* di dalam *al-Kutub al-Sittah*. Manakala dalam bahagian kedua ia memfokuskan kepada analisis hukum yang berhubung dengan *al-Rahn* menurut perspektif Islam.

Pada bahagian yang pertama, penulis akan mengemukakan Hadith-hadith yang berkenaan dengan *al-Rahn* dan melakukan penelitian terhadap darjah serta kualiti hadith-hadith tersebut. Hadith-hadith tersebut akan diambil dari *kutub al-Sittah* sebagai sumber utama.

Manakala pada bahagian kedua, penulis akan menumpukan perhatian kepada analisis terhadap hukum *al-Rahn* yang terdapat di dalam kitab-kitab *Sharḥ al-Ḥadith* dan kitab-kitab fiqh yang dirujuk dari kitab-kitab klasik dan kontemporari.

### **Definisi Istilah-Istilah**

Penyelidikan ini bertajuk " Analisis Ḥadith *Al-Rahn* Dalam *Al-Kutub Al-Sittah*". Sebelum membicarakan lebih lanjut mengenai tajuk ini, penulis akan menghuraikan terlebih dahulu istilah-istilah penting yang terdapat di dalam tajuk.

### **Analisis**

Analisis bermaksud penyelidikan atau penghuraian sesuatu (seperti keadaan, masalah, persoalan dan lain-lain) untuk mengetahui pelbagai aspeknya (ciri-cirinya dan lain-lain) secara terperinci atau mendalam<sup>1</sup>.

Di dalam penyelidikan ini, penulis akan membuat analisis mengenai jumlah Hadith-hadith *al-Rahn* yang terdapat di dalam *al-Kutub al-Sittah* dan seterusnya

---

<sup>1</sup> Teuku Iskandar (1997), *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 4.

membuat penilaian sama ada ia adalah *Ḥadīth Ṣaḥīḥ*, *Ḥasan Ṣaḥīḥ*, *Ḥasan* atau *Da'īf*. Setelah itu, penulis akan melakukan takhrij terhadap Hadith-hadith tersebut. Penulis juga tidak ketinggalan membicarakan berkenaan dengan fiqh Hadith yang berkaitan dengan *al-Rahn*.

## **Ḥadīth**

Ia berasal dari perkataan ( حَدَّثَ ) yang bermaksud baru iaitu lawan kepada lama (qadim), perkhabaran, perbualan dan cerita. <sup>2</sup>

Dari segi bahasa bererti perkhabaran, cerita dan perbualan sama ada tentang keagamaan atau keduniaan, peristiwa sejarah atau perkara semasa. Apabila perkataan ini digunakan sebagai kata adjektif, ia bermakna baru.<sup>3</sup>

Menurut ahli Hadith, perkataan Hadith digunakan untuk sesuatu yang telah diriwayatkan dengan keizinan (autoriti) daripada Rasulullah s.a.w. baik tentang perbuatan, perkataan (percakapan), perlakuannya berdiam diri sebagai tanda membenarkan sesuatu atau penerangan tentang sifat atau ciri-ciri fizikal baginda yang zahir. Bagaimanapun, ciri-ciri fizikal nabi s.a.w. tidaklah termasuk dalam definisi yang digunakan oleh para fuqahā'.<sup>4</sup>

---

<sup>2</sup> Abu Ṭāhir Majd al-Dīn Muhammad b. Ya'qūb b. Muhammad b. Ibrāhīm b. 'Amr al-Shīrāzī al-Fairūz Abādī al-Shāfi'ie (1313 H), *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, j. 1, Kaherah : Taba'ah al-Maymaniyyah, h. 164.

<sup>3</sup> Muhammad Mustafa Azami (1989), "*Kajian Metodologi Dan Penulisan Hadith*", K.L : Dewan Bahasa & Pustaka, h.2.

<sup>4</sup> Ibid., h. 6-7.

Oleh itu penulisan Hadith ialah penulisan yang mengandungi riwayat kehidupan Nabi s.a.w. dan perkara-perkara yang diakui oleh baginda. Bagaimanapun, istilah ini kadang-kadang digunakan dalam pengertiannya yang lebih luas lagi iaitu yang merangkumi riwayat para sahabat dan khalifah.<sup>5</sup>

Dalam keadaan tertentu, beberapa perkataan lain juga digunakan dengan makna yang sama seperti *Khabar* dan *Athar*. Kebanyakan ulama' Hadith menggunakan tiga istilah ini iaitu Hadith, *Khabar* dan *Athar* dengan makna yang sama. Tetapi para ulama' terutamanya yang tinggal di daerah Khurasan menggunakan *Khabar* dan *Athar* dalam pengertiannya yang berbeza-beza. Mereka menggunakan *Khabar* sama dengan perkataan Hadith manakala *Athar* hanya terhad untuk kata-kata dan keputusan para sahabat sahaja.<sup>6</sup>

Kebanyakan ulama' Hadith tidak membezakan makna al-Hadith dan al-Sunnah dari segi istilah. Mereka mengistilahkan Hadith dan al-Sunnah sebagai ucapan, perbuatan, pengakuan akhlak dan sifat-sifat kejadian Rasulullah s.a.w. sama ada sebelum baginda diutus menjadi rasul termasuklah ibadat-ibadat baginda di gua Hira' atau selepas diutus menjadi Rasul. Segala ajaran, khabar, kenyataan dan segala yang membabitkan Rasulullah s.a.w. dari segi fungsi dan peranannya sama juga dengan al-Sunnah.<sup>7</sup>

Manakala ulama' usul fiqh mantakrifkan al-Sunnah sebagai setiap apa yang disabitkan kepada Rasulullah s.a.w. samada perkataan, perbuatan dan pengakuan Rasulullah s.a.w. yang boleh ditetapkan atau dijadikan sebagai satu hukum. Sebahagian

---

<sup>5</sup> Jurjāni, Al-Sharīf 'Ali, "*Risālah fi Fann Uṣūl al-Hadīth*(t.t.). Dicitak bersama Jami' Tirmidhi, Delhi, h. 302.

<sup>6</sup> Muhammad Mustafa Azami (1989), op.cit., h. 7.

<sup>7</sup> Abdul Halim al-Muhammadiyah (1991), "*Islam dan Hadith*", c. 1, K.L: ABIM, h.3.

ulama' usul menyatakan bahawa al-Sunnah ialah segala apa yang dilakukan oleh sahabat Rasulullah s.a.w. sama ada ia berpunca dari al-Quran atau ijtihad dari sahabat sendiri sebagaimana yang dilakukan oleh sebahagian sahabat yang mengumpulkan al-Quran.<sup>8</sup>

### ***Al-Rahn***

Kalimah *al-Rahn* dari sudut bahasa membawa erti tetap dan kekal (al-thubūt wa al-dawām) atau penahanan ( *al-habs*).<sup>9</sup> Sebagai satu istilah Fiqh, ia bermakna menjadikan sesuatu harta sebagai cagaran atau gadaian atas sesuatu hutang untuk menjamin pembayaran balik hutang tersebut. Dalam *Mughniy al-Muhtāj*, al-Syarbiniy al-Khatīb menyebut :<sup>10</sup>

Makna “*rahn*” ialah menjadikan sesuatu harta sebagai cagaran atas sesuatu hutang yang akan dijelaskan dengannya apabila hutang itu tidak boleh dibayar balik setelah sampai tempohnya “.

Daripada pengertian yang telah diutarakan oleh al-Syarbiniy al-Khatib tadi, jelas menunjukkan bahawa gadaian itu merupakan satu bentuk transaksi yang bertujuan menjamin pembayaran balik hutang yang telah diberikan oleh pemegang gadai kepada penggadai.<sup>11</sup>

---

<sup>8</sup> M. Muhammad Abu Zahw (1984), *"Al-Hadith wa Muhaddithūn"*, Beirut : Dar-al-Khitab al-'Arabi, h. 8-9.

<sup>9</sup> Ibn Manzūr(1994), *Lisan al- 'Arab*, j. 3, Qahirah : Dar al-Ma'arif (t.t.) di bawah perkataan “ رهن ”

<sup>10</sup> Shekh Muhammad Khatīb Sharbiniy al-(t.t), *Mughni al-Muhtāj*, juz 2,Misr : Dar al-Fikr, h. 122.

<sup>11</sup> Shamsiah Bt. Mohamad(1994), *Perlaksanaan Gadaian Islam Di Institusi Gadaian Islam Di Malaysia. Kajian Kes Di Muassasah Gadaian Islam Terengganu*, Ijazah Sarjana Syariah Akademi Islam (1994) h. 14.



Menurut Imam Ibn Qudāmah di dalam kitab *al-Mughni*, *al-rahn* adalah sesuatu benda yang dijadikan kepercayaan dari suatu hutang untuk dipenuhi dari harganya , apabila yang berhutang tidak sanggup membayarnya dari yang memberi hutang.<sup>12</sup>

Imam Abu Zakaria al-Anshary dalam kitabnya *Fath al- Wahab* mendefinisikan *al-rahn* adalah menjadikan benda yang bersifat harta benda sebagai kepercayaan dari suatu yang dapat dibayarkan dari harta benda itu apabila hutang tidak dibayar.<sup>13</sup>

### ***Al-Kutub Al-Sittah***

*Al-Kutub* adalah berasal dari perkataan " الكتاب " (*al-Kitab*) yang membawa maksud kitab atau buku. *Al-Kutub* adalah dari perkataan jama' *al-Kitab* yang bermaksud kitab-kitab<sup>14</sup> Namun begitu , menurut istilah Muhaddithīn ialah susunan kitab hadith berdasarkan kepada bab-bab fiqh. Hadith yang terdapat di dalam sunan ialah hadith-hadith *Marfū'* sahaja dan tidak termasuk hadith-hadith *Mauqūf* atau *Maqtū'* kerana hadith-hadith *Mauqūf* dan *Maqtū'* tidak dinamakan Sunnah pada istilah tetapi dinamakan Hadith.<sup>15</sup>

*Al-Kutub al-Sittah* ialah enam buah kitab yang terdiri dari Şahih Bukhārī<sup>16</sup>, Şahīh Muslim<sup>17</sup>, Sunan Abī Dawūd<sup>18</sup>, Sunan Tirmīdhī<sup>19</sup>, Sunan Nasā'ī<sup>20</sup> dan Sunan Ibn

---

<sup>12</sup> Ibn Qudāmah(1970), *al-Mughni*, j. 4, Misr : Maktabat al-Qahirah, h. 245.

<sup>13</sup> Sudarsono , Heri, (2003), "*Bank & Lembaga Keuangan Syariah, Deskripsi dan Ilustrasi*", Yogyakarta : Ekonisia, h. 157.

<sup>14</sup> Kamus *al-Munjid fi al-Lughah wa al-'Alam* (1994),c. 34,Beirut : Dar al-Mashriq, h. 7.

<sup>15</sup> Maḥmūd al-Ṭahhān Dr. (1996), *Uṣūl Takhrīj wa Dirāsah al-Asānīd*, c.3, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashar wa al-Tawzi, h.115.

<sup>16</sup> Abi 'Abd Allah Isma'il b. Ibrahim al-Ja'fi al-Bukhāri, selepas ini disebut al-Bukhārī (1998), *Al-Jāmi' al-Şahīh al-Musnad min hadīth Rasul Allah s.a.w. Sunnah wa Ayyamuh*, Riyadh,: Dar al-Salam.

<sup>17</sup> Muslim bin al-Hajjāj al-Qushairy al-Naysābūrī (1998), *Al-Jāmi' al-Şahīh atau Şahīh Muslim atau Şahīh Muslim*. Riyadh : Dar al-Salam.

<sup>18</sup> Sulayman bin al-Ash'ath Abi Dawūd al-Sajastānī, selepas ini disebut Abu Dāwūd , *Sunan Abi Dāwūd* , Taḥqīq : Muhammad May al-Dīn Abd al-Hamid, Beirut: Dar al-Fikr.

Mājah<sup>21</sup>. Terdapat khilaf di kalangan ulama' hadith berhubung kedudukan Sunan Ibn Mājah sebagai salah satu dari *Kutub al-Sittah*. Sebahagian ulama' menyatakan kitab yang keenam ialah kitab Muwatta' Imam Malik<sup>22</sup>.

### **Kajian-kajian Lepas**

Memang tidak dapat dinafikan bahawa persoalan mengenai *al-rahn* telah banyak diperbincangkan sama ada melalui buku-buku, makalah, rencana, seminar-seminar, kertas kerja dan latihan ilmiah.

Penulis telah pun menjalankan penyelidikan di beberapa buah institusi pengajian tinggi berkenaan dengan buku-buku, tesis, latihan ilmiah, jurnal, risalah dan seminar yang membicarakan tentang *al-rahn*. Antara buku-buku yang terdapat di Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) ialah *Al-Rahn Al-Ṭhalīq Li al-Manqūl : Dirāsah Muqāranah* oleh Dr. Ahmad Salamah<sup>23</sup>, *Al-Ḥuquq al-‘Ainiyyah al-Ta‘mināt al-‘Ainiyyah : Al-Rahn al-Rasmī – Al-Rahn al-Hiyāzī – Ḥuquq al-Imtiyāzi* oleh Ibrahim al-Dasuqi Abu Al-Lail<sup>24</sup>, *Sharah Al-Qānūn Al-Madanī Al-‘Ainiyyah Al-Tābi‘yyah Al-Rahn Al-Mujarrad, Al-Rahn Al-Ḥiyāzī, Ḥuquq Al-Imtiyāz* oleh Mohamad Wahīd al-Dīn<sup>25</sup>, *Al-Bayān Fi Fiqh Al-Imam Al-Shāfi‘i* oleh Al-Imam Yahya B. Abi Al-Khair B.

---

<sup>19</sup> Abi Isa Muhammad 'Isa b. Surah al-Tirmīdhī, selepas ini al-Tirmīdhī (W. 279H). *Al-Jāmi' al-Ṣahīh atau Sunan Tirmīdhī*. Taḥqīq : Mustafa Muhammad Husyn al-Dhahabī, Kaherah, Dar al-Hadith.

<sup>20</sup> Abi Abd. Rahmān Ahmad b. Shu'ayb b. Ali al-Nasā'ī, selepas ini disebut al-Nasā'ī (W 330 H), *Sunan al-Nasā'ī, Taḥqīq* : Abd. al-Fatāh Abu Ghuddah, Halab, Maktabah al-Matbu'ah al-Islamiyyah.

<sup>21</sup> Abi Abd Allah Muhammad b. Yazīd b. Mājah Qazwaynī, selepas ini disebut Ibn Mājah (W.887H), *Sunan Ibn Mājah*. Ta'liq : Imam al-Busayri, Taḥqīq : al-Shaykh Khalil Mak'mun Shiha, Beirut : Dar al-hadith.

<sup>22</sup> Mālik bin Anas al-Asbahi al-Madīni (t.t.), *Al-Muwatta'*, Taḥqīq : Muhammad Fuad 'Abd al-Bāqī, Kaherah, Dar al-Hadith.

<sup>23</sup> Ahmad Salāmah Dr.(1968), *Al-Rahn Al-Ṭalīq Li al- Manqūl : Dirāsah Muqāranah*, Maṭba‘ah Jāmi‘ah ‘Ain Shams.

<sup>24</sup> Ibrāhīm al-Dasūqī Abu al-Lail Dr. (t.t.), *Al-Ḥuquq al-‘Ainiyyah al-Ta‘mināt al-‘Ainiyyah : Al-Rahn al-Rasmī – Al-Rahn al-Hiyāzī – Ḥuquq al-Imtiyāzi*, Jāmi‘ah al-Kuwait.

<sup>25</sup> Mohamad Wahīd al-Dīn Suar(1995), *Sharah Al-Qānūn Al-Madanī Al-‘Ainiyyah Al-Tābi‘yyah Al-Rahn Al-Mujarrad, Al-Rahn Al-Ḥiyāzī, Ḥuquq Al-Imtiyāz, al-Kitāb al-Thālith*, Maktabah Dar al-thaqāfah, Jordon.

Sālim B. As‘ad <sup>26</sup>. Di dalam buku-buku ini dijelaskan perkara berkenaan dengan definisi, dalil-dalil, konsep, kaedah dan pelaksanaan al-Rahn menurut fiqh Islam.

Terdapat juga sebuah buku di dalam Bahasa Melayu yang bertajuk *Gadai Syariah Di Indonesia – Konsep, Implementari Dan Institusionalisasi* oleh Dr Abdul Ghofur Anshori S.H. M.H.<sup>27</sup>, Di dalam buku ini dinyatakan tentang pengertian, konsep dan pelaksanaannya dalam syariah Islamiah di Indonesia. Di samping itu dijelaskan persamaan dan perbezaan antara al-Rahn dengan gadai dan juga implementasi al-Rahn secara praktikalnya.

Terdapat juga beberapa buah tesis seperti *Majmū‘ah Al-Rasāil Al-‘Ilmiyyah – Rahn Al-Safīnah* oleh Al-Fusayli Al-Ṭaib<sup>28</sup>, kertas projek seperti *Al-Rahn Dalam Perundangan Islam Dan Perlaksanaannya di Bank Rakyat* oleh Zurina Abd. Khalid<sup>29</sup>. Kajian ini dimulai dengan menceritakan latar belakang sejarah yang berkaitan dengan amalan gadaian yang dilakukan oleh orang melayu. Seterusnya beliau menjelaskan tentang definisi, hukum dan kaedah serta perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan *al-Rahn* dari sudut perundangan Islam. Bab yang terakhir beliau memfokuskan perbincangan kepada pelaksanaan al-Rahn di Bank Rakyat.

---

<sup>26</sup> Yahya B. Abi Al-Khair B. Sālim B. As‘ad al-Imam (2002), *Al-Bayān Fi Fiqh Al-Imam Al-Shāfi‘I*, Juz 7, Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

<sup>27</sup> Abdul Ghofur Anshori S.H. M.H Dr. (2006), *Gadai Syariah Di Indonesia – Konsep, Implementari Dan Institusionalisasi*, Gadjah Mada University Press.

<sup>28</sup> Fusayli al-Ṭaib al- (t.t.), *Majmū‘ah Al-Rasāil Al-‘Ilmiyyah – Rahn Al-Safīnah*, Jāmi‘ah ‘Ain Shams.

<sup>29</sup> Zurina Abd. Khalid(1995), *Al-Rahn Dalam Perundangan Islam Dan Perlaksanaannya di Bank Rakyat*, Kursus Diploma Undang-undang Dan Pentadbiran Kehakiman Islam.

*Al-Rahn – Suatu Cadangan di Johor* oleh Adam Tumiran<sup>30</sup> membicarakan tentang definisi, konsep, kaedah dan pelaksanaan *al-Rahn* dan difokuskan perbincangan kepada cadangan pelaksanaannya di negeri Johor setelah dibentangkan kebaikannya melalui institusi-institusi tertentu yang telah melaksanakannya.

Di Perpustakaan Akademi Islam, Za'ba dan Undang-undang Universiti Malaya (UM) pula banyak kajian ilmiah mengenai gadaian telah dijalankan, antaranya ialah *Perlaksanaan Gadaian Islam Di Institusi Gadaian Islam Di Malaysia. Kajian Kes Di Muassasah Gadaian Islam Terengganu* oleh Shamsiah Bt. Mohamad.<sup>31</sup> Di dalam kajian ini dijelaskan berkenaan dengan konsep, objektif dan kaedah gadaian menurut syariat Islam. Seterusnya beliau menegaskan tentang gadaian Islam merupakan alternatif kepada gadaian tradisional dan konvensional. Di dalam bab ketiga diterangkan pentadbiran Muassasah Gadaian Islam Terengganu dan perkembangan operasinya pada tahun 1992- 1993. Di dalam bab terakhir dijelaskan analisis terhadap keselarasan operasi Muassasah Gadaian Islam Terengganu dengan syariat Islam dan juga pencapaian objektif penubuhannya.

Di dalam kajian yang lain bertajuk *Penerimaan Pelanggan Terhadap Skim Pajak Gadai Islam (Al-Rahn) : Kajian Di Kedai Ar-Rahn Bank Rakyat Cawangan Alor Setar, Kedah* oleh Muhammad Saiful Islami B. Mohd Taher.<sup>32</sup> beliau telah membicarakan berkenaan dengan konsep gadaian Islam dan kemudian memfokuskan kepada Skim Pajak Gadai Al-Rahn di Kedai Al-Rahn Bank Rakyat Alor Setar, Kedah dari aspek latar belakang, operasi dan pencapaiannya.

---

<sup>30</sup> Adam Tumiran(1999), *Al-Rahn – Suatu Cadangan di Johor*, Kursus Diploma Undang-undang Dan Pentadbiran Kehakiman Islam.

<sup>31</sup> Shamsiah Bt. Mohamad (1994) op.cit. h.1

<sup>32</sup> Muhammad Saiful Islami B. Mohd Taher(2006), *Penerimaan Pelanggan Terhadap Skim Pajak Gadai Islam (Al-Rahn) : Kajian Di Kedai Ar-Rahn Bank Rakyat Cawangan Alor Setar, Kedah*, Jabatan Syari'ah Dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, UM.

*Sistem Gadaian Islam : Sambutan Masyarakat Terhadap Skim Ar-Rahn di Bank Rakyat* oleh Rohani Ismail<sup>33</sup> pula memulakan perbicaraan dengan menerangkan tentang gadaian dalam teori fiqh dan kemudiannya disusuli dengan menjelaskan tentang pelaksanaan Skim Al-Rahn di Bank Rakyat. Seterusnya beliau menjuruskan kajian kepada sambutan rakyat terhadap Skim Al-Rahn di Bank Rakyat dari tahun 1996 hingga 2001.

Di dalam kajian bertajuk *Konsep Ar-Rahn : Satu tinjauan dari segi amalannya di Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad* oleh Anuar Hj. Talib<sup>34</sup> bab satu membicarakan soal konsep al-Rahn manakala di dalam bab dua menjelaskan tentang skim *al-Rahn* yang dijalankan oleh Bank Rakyat bermula dengan penubuhan, matlamat dasar dan konsepnya. Bab ketiga membicarakan berkenaan dengan modus operandi *al-Rahn* dan perbezaannya dengan pajak gadai konvensional. Bab keempat pula menyentuh berkenaan dengan evaluasi skim *al-Rahn* dan kritikan terhadap operasinya.

Saiful Anuar Bin Hambali di dalam kertas projeknya, *Perlaksanaan Skim Pajak Gadai Islam Di Bank Rakyat : Satu Penilaian*<sup>35</sup> menjelaskan di dalam bab dua berkenaan dengan gadaian dari sudut fiqh al-muamalat dan isu-isu mengenai gadaian. Di dalam bab tiga menyatakan tentang pelaksanaan Skim Pajak Gadai Islam di Bank Rakyat dari sudut sejarah penubuhan, penyertaannya dalam Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF), matlamat dan konsep serta operasi Skim al-Rahn (SAR) Bank Rakyat. Manakala di dalam bab empat menjelaskan tentang prestasi operasi SAR Bank Rakyat

---

<sup>33</sup> Rohani Ismail(2002), *Sistem Gadaian Islam : Sambutan Masyarakat Terhadap Skim Ar-Rahn di Bank Rakyat*, Akademi Pengajian Islam, UM.

<sup>34</sup> Anuar Hj. Talib(1995), *Konsep Ar-Rahn : Satu tinjauan dari segi amalannya di Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad*, Akademi Pengajian Islam, UM.

<sup>35</sup> Saiful Anuar Bin Hambali(1997), *Perlaksanaan Skim Pajak Gadai Islam Di Bank Rakyat : Satu Penilaian*, Akademi Pengajian Islam, UM.

dari bulan Oktober tahun 1993 hingga bulan Oktober tahun 1996 dan perbandingannya dengan institusi gadaian lain iaitu Muassasah Gadaian Islam Terengganu dan Kedai Al-Rahn Permodalan Kelantan Berhad.

Di dalam kertas projek yang bertajuk *Perlaksanaan Sistem Gadaian Islam : Kajian Kes Ke atas Kedai Al-Rahn di Kelantan* oleh Anisah Mohamad<sup>36</sup> beliau memulakan kajiannya dengan menceritakan tentang latar belakang, operasi dan pencapaian sistem gadaian Islam kedai *Al-Rahn* di Kelantan. Seterusnya kajian diteruskan dengan membuat perbandingan di antara Kedai Al-Rahn, pajak gadai konvensional, Muassasah Gadaian Islam Terengganu dan Bank Rakyat.

Melalui seminar pula ialah *Seminar Kebangsaan Pajak Gadai Islam (al-Rahn)*<sup>37</sup> dan *Seminar Undang-undang dan Pengguna* .<sup>38</sup> yang mana di dalam seminar ini, beberapa ketetapan telah dibuat antaranya ialah menggesa Kerajaan Malaysia supaya meminda semua peruntukan dan peraturan di bawah Akta Pajakgadai (1972) untuk menghapuskan sebarang unsur-unsur yang bertentangan dengan syari'at Islam terutamanya Seksyen 17 dan Seksyen 23(1) (a) dan menyeru semua kerajaan-kerajaan negeri di Malaysia supaya melaksanakan Sistem Pajakgadai Islam (al-Rahn) sebagai satu saluran bantuan pinjaman yang mudah kepada golongan miskin dengan kadar upah yang nominal.

---

<sup>36</sup> Anisah Mohamad(1997), *Perlaksanaan Sistem Gadaian Islam : Kajian Kes Ke atas Kedai Al-Rahn di Kelantan*, Akademi Pengajian Islam ,UM.

<sup>37</sup> Mahmud Saedon Awang Othman Prof.Dato Dr., Hj. Muhamad Nasir Yusuf, Hassan Haji Ahmad dan Haji Abdul Aziz b. Nawi, *Seminar Kebangsaan Pajak Gadai Islam (al-Rahn)* anjuran Persatuan 'Ulama' Malaysia yang telah diadakan pada 13 November tahun 1993 di Hotel Subang Merlin Kuala Lumpur.

<sup>38</sup> Nik Ramlah Mahmood, *Seminar Undang-undang dan Pengguna*, telah diadakan pada 5 Mac 1984 di Semenyih , Selangor.

Manakala kertas-kertas kerja konvensyen ialah *Konvensyen Pajak Gadai Islam (Ar-Rahn) Serantau*<sup>39</sup> yang telah diadakan pada 27-28 Oktober 2002 di Kuala Lumpur oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia. Di dalam konvensyen ini sebanyak sebelas tajuk berkenaan dengan skim *al-Rahn* telah diutarakan bermula dengan tajuk berkenaan dengan model mikro kredit, potensinya di Singapura dan Indonesia, Kompuchea dan Patani. Konvensyen juga membicarakan tentang pengukuhan kerjasama serantau yang mana ia melibatkan negara Malaysia dengan negara-negara di sekitarnya.

Terdapat juga jurnal mengenai gadaian iaitu *Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 : Suatu Analisa Dari Perspektif Islam* oleh Shamsiah Mohamad,<sup>40</sup> yang mana di dalam jurnal ini diterangkan tentang latar belakang Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 dan beberapa pertentangan antara akta tersebut dengan syariat Islam. Pertentangan tersebut dibuktikan dengan dalil-dalil dari ayat-ayat al-Quran dan al-hadith.

Di dalam Monograf Syariah terdapat sebuah tajuk yang berkaitan dengan pajak gadai iaitu *Kaedah Dan Peraturan Pajak Gadai Mengikut Kehendak Islam* oleh Hassan Haji Ahmad<sup>41</sup> yang mana ia menyatakan tentang definisi, konsep, kaedah dan peraturan pajak gadai mengikut hukum Islam.

---

<sup>39</sup> Abibullah Hj. Samsudin, Abd. Ghafar Hj. Ismail, Azura Sanusi, Rofirozeli Hj. Ismail, Mohd Hamdan Hj. Adnan, Tn. Hj. Mokhtar Abd. Razak dan Mohd Sharif Baharuddin (2002), dianjurkan oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia pada 27-28 Oktober pada tahun 2002 di Kuala Lumpur.

<sup>40</sup> Shamsiah Mohamad (1995), *Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 : Suatu Analisa Dari Perspektif Islam*, Jurnal Syariah 3, bil. 2.

<sup>41</sup> Hassan Haji Ahmad (1994), *Kaedah Dan Peraturan Pajak Gadai Mengikut Kehendak Islam*, monograf Syariah, j. 2-3, c. 1 1994, Fakulti Syariah Akademi Islam, UM, Vinlin Press.

Di Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) terdapat beberapa buah buku antaranya bertajuk *Bab-bab Tentang Crediet-verband, gadai & Fiducia* yang ditulis oleh Mariam Darus Badruzaman<sup>42</sup>, *Gadai Syariah di Indonesia : Konsep, Implementasi dan Institusionalisasi* oleh Abdul Ghofur Anshori<sup>43</sup> dan *Hukum Islam Tentang Riba' , Utang-Piutang, Gadai* oleh Ahmad Azhar Basyir<sup>44</sup>.

Di dalam kitab *Mausū'ah al-Fiqh al-Islāmī al-Mu'aşir* oleh Dr. Wahbah al-Zuhaili<sup>45</sup> membicarakan tentang sebab-sebab perbezaan pendapat dan pandangan dari sudut hukum fiqh dan di antaranya ialah perbezaan 'ulama' tentang kewajipan akad al-Rahn.

Manakala tesis yang membicarakan berkenaan dengan gadaian bertajuk *Institusi Al-Rahn : Kaedah dan Strategi Pengurusan Ekonomi Islam Di Ar-Rahn Kota Bharu Kelantan* oleh Kamarulzaman B. Sulaiman<sup>46</sup>. Beliau telah memulakan perbincangannya dengan menjelaskan konsep dan kaedah *al-Rahn*. Seterusnya menerangkan tentang pengurusan pajak gadai mengikut Akta Pemegang Pajak Gadai 1972. Di dalam bahagian ini dinyatakan tentang kelemahan akta dalam beberapa sudut dan dikemukakan langkah penguatkuasaan alternatif. Beliau melanjutkan perbincangan dengan menjelaskan strategi pengurusan ekonomi Islam di *al-Rahn* dan akhirnya membuat rumusan terhadap tajuk perbincangan.

---

<sup>42</sup> Mariam Darus Badruzaman S.H. Prof.Dr. (1979), *Bab-bab Tentang Crediet-verband, gadai & Fiducia*, Penerbit Alumni : Bandung.

<sup>43</sup> Abdul Ghofur Anshori S.H. M.H Dr. (2006), *op.cit.*

<sup>44</sup> Ahmad Azhar Basyir(1983), *Hukum Islam Tentang Riba' , Utang-Piutang, Gadai*, Al-Ma'arif: Bandung.

<sup>45</sup> Wahbah Zuhaili Dr. (2007), *Mausū'ah al-Fiqh al-Islāmī al-Mu'aşir*, Juz 4, Al-Ṭaba'ah al-Ūlā, Dar al-Maktabī, Damshik.

<sup>46</sup> Kamarulzaman B. Sulaiman(2001) *Kaedah dan Strategi Pengurusan Ekonomi Islam Di Ar-Rahn Kota Bharu Kelantan*, Fakulti Pengajian Islam UKM.



Di Perpustakaan Awam Pusat Islam Kuala Lumpur hanya terdapat dua buah buku berkaitan dengan gadaian iaitu buku yang bertajuk *Al-Rahn Sebagai Alternatif Sistem Pajak Gadai Di Malaysia* oleh Azizian Abdul Hamid.<sup>47</sup> dan *Hukum Islam Tentang Riba', Utang Piutang, Gadai* oleh Ahmad Azhar Basyir<sup>48</sup>. Di dalam buku ini dinyatakan tentang pengertian, konsep dan kaedah pelaksanaan gadaian menurut hukum Islam.

Melalui pengamatan kasar penulis, buku-buku, hasil latihan ilmiah, seminar, konvensyen, jurnal dan monograf yang telah diperbincangkan, masih belum lagi menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan kualiti hadith dan darjah kesahannya. Perkara ini perlu diketengahkan bagi memantapkan lagi hujah dan kredibiliti sistem muamalat Islam.

Sebagai contoh kitab-kitab di dalam bahasa Arab seperti *Al-Rahn Al-Thalīq Li al-Manqūl : Dirāsah Muqāranah* oleh Dr. Ahmad Salamah, *Al-Huquq al-'Ainiyyah al-Ta'mīnāt al-'Ainiyyah : Al-Rahn al-Rasmī – Al-Rahn al-Hiyāzī – Huqūq al-Imtiyāzī* oleh Ibrahim al-Dasuqi Abu Al-Lail, *Sharah Al-Qānūn Al-Madanī Al-'Ainiyyah Al-Tābi'yyah Al-Rahn Al-Mujarrad, Al-Rahn Al-Hiyāzī, Huqūq Al-Imtiyāz* oleh Mohamad Wahīd al-Dīn dan *Al-Bayān Fi Fiqh Al-Imam Al-Shāfi'i* masih lagi menggunakan pendekatan lama iaitu lebih menekankan kepada soal hukum fiqh seperti gadaian terhadap minyak petrol dan gadaian harta perang. Begitu juga dengan perbezaan penggunaan istilah dan pembahagian gadaian itu sendiri menjadi pertikaian hukum .

---

<sup>47</sup> Azizian Abdul Hamid(t.t.), *Al-Rahn Sebagai Alternatif Sistem Pajak Gadai Di Malaysia*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

<sup>48</sup> Ahmad Azhar Basyir(1983),op.cit.

Manakala kebanyakan tesis dan kajian ilmiah yang telah dijalankan, lebih tertumpu kepada pelaksanaan operasi yang telah dilakukan oleh Bank Rakyat dan juga kedai al-Rahn seperti yang dilakukan di dalam kajian ilmiah *Al-Rahn Dalam Perundangan Islam Dan Perlaksanaannya di Bank Rakyat, Penerimaan Pelanggan Terhadap Skim Pajak Gadai Islam (Al-Rahn) : Kajian Di Kedai Ar-Rahn Bank Rakyat Cawangan Alor Setar, Kedah* oleh Muhammad Saiful Islami Mohd Taher, *Sistem Gadaian Islam : Sambutan Masyarakat Terhadap Skim Ar-Rahn di Bank Rakyat* oleh Rohani Ismail, *Konsep Ar-Rahn : Satu tinjauan dari segi amalannya di Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad* oleh Anuar Hj. Talib dan *Perlaksanaan Sistem Gadaian Islam : Kajian Kes Ke atas Kedai Al-Rahn di Kelantan* oleh Anisah Mohd.

*Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 : Suatu Analisa Dari Perspektif Islam* oleh Shamsiah Mohamad,<sup>49</sup> dinyatakan tentang dua peruntukan di dalam akta yang menyalahi Syariat Islam iaitu seksyen 17 dan seksyen 23(1)(a) yang mana di dalam seksyen 17 membenarkan mengambil keuntungan atas sesuatu pinjaman yang diberi atas sesuatu sandaran sebagai dengan cara bunga . Manakala di dalam seksyen 23(1)(a) pula membenarkan barang gadaian menjadi harta pemegang gadai jika ia tidak ditebus sebelum tamat enam bulan dari tarikh dipajak gadai.

*Seminar Kebangsaan Pajak Gadai Islam (al-Rahn)*<sup>50</sup> pula membicarakan beberapa tajuk, antaranya Akta pajak gadai (1972) dari pandangan Islam dan hubungannya dengan ar-Rahn oleh Prof.Dato Dr. Mahmud Saedon Awang Othman yang mana di dalamnya dinyatakan juga dua peruntukan yang bercanggah dengan Islam dan diberikan jalan penyelesaian sebagai alternatif kepada seksyen –seksyen tersebut.

---

<sup>49</sup> Shamsiah Mohamad(1995), *Akta Pemegang Pajak Gadai 1972, op.cit.*

<sup>50</sup> Mahmud Saedon Awang Othman (Prof.Dato Dr.), Hj. Muhamad Nasir Yusuf, Hassan Haji Ahmad dan Haji Abdul Aziz b. Nawawi, *Seminar Kebangsaan Pajak Gadai Islam (al-Rahn) op.cit.*

Tajuk yang lain ialah Perancangan , Permodalan & Pengurusan Operasi Pajak gadai Islam (ar-Rahn) oleh Hj. Abdul Aziz b. Nawi yang memberikan jalan penyelesaian melalui penubuhan pajak gadai alternatif yang berasaskan Islam.

Berdasarkan kajian dan penelitian yang telah dilakukan oleh penulis, mendorong beliau untuk menjangkau lebih jauh lagi terhadap persoalan yang berkaitan dengan *al-Rahn* yang mana ia lebih menjurus kepada kuantitatif Hadith-hadith dan darjatnya. Seterusnya kajian terhadap aplikasi institusi-institusi kewangan tertentu berdasarkan matan Hadith yang telah dikemukakan.

## **METODOLOGI PENYELIDIKAN**

Metodologi penyelidikan yang dilakukan oleh penulis adalah lebih tertumpu kepada penyelidikan perpustakaan. Sehubungan dengan itu, empat metode utama digunakan iaitu metode penentuan subjek, metode pengumpulan data , metode analisis data dan metode temu bual.

### **1) Metode Penentuan Subjek**

Melalui metode ini, analisis hadith *al-Rahn* dalam *al-Kutub al-Sittah* telah dipilih dengan bertujuan untuk mengeluarkan dan mengkaji hadith-hadith yang terdapat di dalam *al-Kutub al-Sittah* serta melebarluaskan jaringan kemanfaatannya kepada masyarakat umum.

## 2) Metode Pengumpulan Data

Untuk mendapatkan data, penulis akan mengumpul data dan maklumat yang dikehendaki melalui bahan-bahan bercetak seperti buku-buku ilmiah, rencana akhbar, majalah, artikel dan bahan-bahan lain yang berkaitan.

Penulis menggunakan beberapa perpustakaan antaranya ialah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Kuala Lumpur, Perpustakaan Za'aba Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Pusat Islam Kuala Lumpur, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kuala Lumpur, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi dan Perpustakaan Kolej Universiti Islam Malaysia, Nilai.

Antara metode yang digunakan untuk mengumpul data ialah;

### a. Metode Historis

Metode ini digunakan dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat yang benar dan tepat mengenai sesuatu perkara atau kejadian. Data-data yang dikumpulkan haruslah mempunyai nilai sejarah contohnya latar belakang penubuhan institusi yang terlibat dalam mengendalikan sistem *al-Rahn* di Malaysia.

### b. Metode dokumentasi

Metode dokumentasi merupakan satu cara pengumpulan data dengan mengkaji data-data yang berhubung dengan masalah yang dikaji. Melalui metode ini, penulis berusaha untuk mengkaji segala bentuk dokumen yang berkaitan dengan topik sama ada dalam bentuk catatan, buku, majalah dan sebagainya. Penulis menggunakan metode ini untuk memahami pengertian

terjemahan, kaedah dan teknik terjemahan terutamanya terjemahan teks Bahasa Arab ke Bahasa Malaysia.

### **3) Metode temu bual**

Metode ini dijalankan bagi mendapatkan maklumat secara langsung dari sumber yang sebenar selain dapat bertukar-tukar fikiran serta memberikan pendapat. Segala maklumat yang diperolehi akan dikumpul dan dimurnikan agar ia mempunyai kesinambungan dengan maklumat yang diperolehi melalui pembacaan.

### **4) Metode analisis data**

Metode ini digunakan di dalam bab dua dan tiga yang bertujuan untuk menyaring, mengenalpasti dan mengkategorikan hadith-hadith *al-Rahn* dalam *al-Sunan al-Sittah*. Metodologi yang digunakan bagi tujuan analisis data di dalam kajian ini iaitu metodologi kuantitatif dan kualitatif. Ia berbentuk kuantitatif kerana ia berkaitan dengan bilangan hadith *al-Rahn* dalam *al-Kutub al-Sittah* serta peratusan yang berkaitan dengannya juga dilakukan.

Dalam menganalisis hukum-hukum fiqh di dalam hadith *al-Rahn* dan menentukan kualiti Hadith-hadith tersebut kepada kategori sahih dan hasan, penulis akan menggunakan metodologi kualitatif. Kualitatif berasal dari perkataan kualiti iaitu merujuk kepada darjah kecemerlangan dan tinggi mutunya. Kualitatif berdasarkan kualiti, berkaitan kualiti dan mutu. Penyelidikan kualitatif ialah yang menggunakan data selain dari angka atau bilangan dengan sendirinya data dianalisis secara kualitatif. Dalam menganalisis hukum fiqh yang terdapat di dalam hadith-hadith *al-Rahn*, penulis

menggunakan metodologi kualitatif dengan merujuk kepada kitab-kitab *Sharh al-Hadith* seperti berikut iaitu ;

1. *Al-Fath al-Bāri bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, karya Al-Ḥāfiẓ Ahmad bin ‘Ali Ḥajar al-Asqalāni, bab al-Rahn, h. 422- 433.
2. *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawāwī*, karya Abu Zakaria Yaḥyā bin Sharf bin Murrī al-Nawawī , juz 10, h. 39-40.
3. *Tuḥfah al-Aḥwādhi bi Sharḥ Jami' al-Tirmīdhī*, karya al-Hafiz Abī al-‘Ulā Muhammad ‘Abd al-Rahman Ibn ‘Abd al-Rahman Ibn ‘Abd al-Raḥīm al-Mubārakfūrī, h. 461- 464.
4. *Sunan Ibn Mājah* , karya al-Ḥāfiẓ Ibn Abdulah Muhammad B. Yazid al-Qazwayni di dalam kitab(bahagian) Al-Marhūn, h. 815 – 816.
5. *Subul al-Salām Sharḥ Bulūgh al-Marām min Jam’i adillah al-aḥkām*, karya al-Mujtahid Muhammad b. Ismail, juz 3, h.41-42.
6. *Nayl al-Auṭār, Sharḥ Muntaqa al-Akḥbār Min Aḥādīth sayyid al-Akhyār* oleh Muhammad B. ‘Ali B. Muhammad al-Syawkāni, kitab al-Rahn, juz 5, h. 263-266.
7. *‘Awn al-Ma‘būd Sharḥ Sunan Abī Dāwūd*, karya Abī al-Ṭayyib Muḥammad Shams al-Haqq al-A’zīm Abadī, bab al-Rahn, h. 21 .

## **Sistematika Penulisan**

Bab pendahuluan, penulis menjelaskan pengenalan, latar belakang masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, ulasan penulisan dan metodologi penulisan yang digunakan oleh penulis sebagai satu gambaran keseluruhan perbincangan tajuk.

Bab pertama menerangkan tentang pengenalan *al-Rahn* dari segi definisinya dan penulis menyatakan kedudukan dan sumber Hadith-hadith *al-Rahn*, bilangan Hadith dan jumlah keseluruhan hadith-hadith tersebut di dalam *al- Kutub al-Sittah*.

Bab kedua membincangkan secara khusus mengenai darjat dan kualiti hadith serta analisis hadith-hadith tersebut di dalam *al-Kutub al-Sittah*. Oleh yang demikian, penulis akan melakukan proses takhrij untuk melakukan saringan terhadap Hadith-hadith yang berkaitan dengan *al-Rahn*.

Bab ketiga pula menyentuh secara khusus berkenaan dengan analisis hukum-hukum fiqh yang terdapat di dalam Hadith-hadith *al-Rahn* dengan membawakan perbincangan dan perbahasan melalui kitab-kitab Sharḥ Hadith berdasarkan kepada empat mazhab-mazhab utama iaitu Shafi'i, Hanafi, Maliki dan Hambali.

Bab keempat menyatakan tentang pelaksanaan sistem *al-Rahn* dalam mu'amalah semasa di Malaysia berdasarkan kepada hadith-hadith yang terdapat di dalam *Kutub al-Sittah*. Pelaksanaan sistem ini akan dilihat dari beberapa buah institusi

seperti Bank Rakyat, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) dan lain-lain.

Bab kelima menjelaskan tentang perkembangan *al-Rahn* di Malaysia berdasarkan kepada isu-isu yang dibangkitkan. Di samping itu langkah-langkah dikemukakan bagi menarik minat masyarakat terhadap *al-Rahn*.

Pada bab yang terakhir iaitu bab yang keenam merupakan kesimpulan terhadap kajian yang telah dilakukan oleh penulis. Ianya adalah hasil dapatan keseluruhan kajian yang telah dijalankan melalui kaedah-kaedah dan metodologi tertentu serta beberapa saringan yang telah ditetapkan. Dinyatakan juga saranan-saranan dari penulis kepada pihak-pihak yang berkenaan bagi diambil tindakan yang sewajarnya agar mereka dapat melebar luaskan lagi kajian yang telah dilakukan.

## **Kesimpulan**

Penulis berharap agar kajian ini dapat membantu semua pihak dalam memperkembangkan khazanah ilmu khususnya di dalam bidang hadith-hadith mu'amalah. Bagi pihak penulis sendiri, kajian seperti ini banyak memberikan pengetahuan sama ada yang berbentuk duniawi mahupun ukhrawi. Pengetahuan dalam bentuk pentakhrijan hadith dan penelitian di dalam kitab-kitab sharah hadith juga penggunaan perisian komputer seperti Maktabah Shamilah, merupakan satu pengalaman yang amat besar ertinya kepada penulis.



## BAB PERTAMA

### ḤADĪTH-ḤADĪTH AL-RAHN : DEFINISI DAN SUMBER

#### 1.1 Pendahuluan

Di dalam bab ini, penulis akan memberikan pengertian *al-Rahn* yang didasarkan dari ayat al-Quran dan kitab-kitab yang muktabar. Seterusnya penulis akan menyatakan lokasi hadith-hadith tersebut mengikut kitab dan bab di dalam *Kutub al-Sittah*. Untuk tujuan itu, penilaian secara kuantitatif terhadap hadith-hadith tersebut akan dilakukan. Bab 1 ini akan diakhiri dengan ulasan terhadap peratus keseluruhan darjat hadith-hadith yang terdapat di dalam *al-Kutub al-Sittah* setelah dilakukan penilaian terhadapnya.

#### 1.2 Definisi al-Rahn

Dari segi bahasa, *al-Rahn* diertikan sebagai apa yang diletakkan di sisi manusia daripada harta untuk diberikannya hutang kepada pemilik harta tersebut. Perkataan *al-Rahn* jama'nya ialah “رهون”, “رهن”, “رهني”.<sup>51</sup>

Di dalam Munjid<sup>52</sup> *al-Rahn* bermaksud mencagarkan sesuatu kerana berhutang atau menahan sesuatu secara mutlak. Kadang-kadang perkataan *al-Rahn* dinyatakan dari segi bahasa sebagai jaminan ataupun cagaran kepada hutang dengan dihubung maf'ūl (مفعول) dan maṣḍar (مصدر).<sup>53</sup> Ada di kalangan fuqaha' memberi pengertian *al-Rahn* sebagai al-ḥabsu (الحبس) iaitu menahan sesuatu. Shamsuddin Muhammad

---

<sup>51</sup> Ibn Manzur, al-Imam al-'Allāmah Abi al-Faḍlu Jamaluddin Muhammad b. Makram (1968), *Lisan al-'Arab*, juz 13, Beirut : al-Ṭaba'ah al-Nashr, h.188.

<sup>52</sup> *Munjid Fi al-Lughah Wa al-I'lam*(1986), Beirut: Dar al-Mashriq,h. 284.

<sup>53</sup> Wahbah al-Zuhaili Dr. (1989),*al-Fiqh al-Islāmi Wa adillatuhu*, juz 5.Dimashq: Dar al-Fikr, h.180.

memberikan pengertian *al-Rahn* sebagai al-thubūt ( الثبوت ) iaitu tetap dan tertahan yang mana perkataan *al-Rahn* disandarkan kepada penggadai itu sendiri.<sup>54</sup>

Riwayat al-Tarmizi, Ibn Majah dan Ahmad menggunakan perkataan “marhūnah”, bermaksud yang terlekat atau tertahan padanya. Ertinya tertahan di alam barzakh sekiranya hutangnya masih belum diselesaikan ketika kehidupannya di dunia.<sup>55</sup> Perbezaan pengertian dari sudut lafaz dan bahasa tidak mencatitkan atau membuka ruangan perbezaan kaedah pelaksanaan bahkan sebenarnya ia saling lengkap melengkapi antara satu sama lain sehingga terbentuk satu sistem yang boleh berdikari dalam pelaksanaannya.

Perkataan gadaian dalam bahasa Melayu memberi pengertian pinjaman wang yang dibuat dengan menyerahkan sesuatu barang sebagai cagar pada peminjam bagi tempoh yang tertentu.<sup>56</sup>

Gadaian dalam bahasa Inggeris pula disebut sebagai “pawn “ yang bermaksud meninggalkan sesuatu barang dengan tujuan untuk memperolehi wang dan barang tersebut ditebus semula dengan bayaran wang sebanyak mana yang telah diperolehi.<sup>57</sup>

Berdasarkan kepada pengertian dari ketiga-tiga bahasa tersebut, sebenarnya tiada perbezaan antara pandangan para ulama’ dan pakar bahasa, hanya terdapat perbezaan pengertian dari segi susunan bahasa sahaja dan bukanlah perselisihan dari segi maksud dan pengertian yang sebenar.

---

<sup>54</sup> Shamsuddin Muhammad b. Abi al-Abbas Ahmad(1938),*Nihayah al-Muhtāj*,juz 4. Misr : Maktabah wa Matba’ah Mustafa al-Bābi al-Halabi, h. 233.

<sup>55</sup> Muhammad al-Khatīb al-Sharbini(t.t.), *Mughni al-Muhtāj*,juz 2.Misr:Dar al-Fikr, h.121.

<sup>56</sup> *Kamus Dewan*(1989),Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, h.329.

<sup>57</sup> As Hornby, *Oxford Advanced Learner’s Dictionary*, Penerbitan Edisi 4.

Gadaian atau *al-Rahn* dari segi shara' ialah menjadikan sesuatu barang atau harta yang bernilai sebagai sandaran atau cagar hutang yang boleh dibayar dengannya ketika hutang tersebut tidak dapat dijelaskan.<sup>58</sup>

### 1.3 Dalil-dalil al-Quran

Di dalam al-Quran al-Karim, terdapat tiga ayat yang menyebut perkataan *al-Rahn* iaitu di dalam surah al-Baqarah ayat 283, surah al-Muddathir ayat 38 dan surah al-Ṭur ayat 21. Namun begitu, ia memberi maksud yang berbeza kerana ia bergantung kepada keseluruhan ayat tersebut. Sebagai contoh, ayat 283 di dalam surah al-Baqarah memberikan pengertian *Rihān* sebagai gadaian. Ayat tersebut iaitu ;

وَإِنْ كُنْتُمْ عَلَىٰ سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوا كَاتِبًا فَرِهَانٌ مَّقْبُوضَةٌ

Berdasarkan ayat di atas, di dalam Tafsir Mubīn memberi penegasan bahawa urusan pinjam-meminjam hendaklah dilakukan secara bertulis dan mempunyai saksi dalam setiap keadaan. Ianya terkecuali dalam keadaan darurat seperti musafir. Ketika darurat, suatu gadaian yang berfungsi sebagai cagar atas pinjaman hendaklah diberikan.

Sebaliknya jika pihak yang berurusan itu saling percaya mempercayai antara satu sama lain, maka urusan surat menyurat dan bergadai adalah tidak diperlukan. Syaratnya adalah orang yang meminjam itu hendaklah amanah dan segera membayar hutang itu dengan disertai sifat takwa kepada Allah S.W.T.<sup>59</sup>

<sup>58</sup> Ibrahim al-Bajuri(t.t.), *Hāshiah al-Bājūrī* 'Ala Ibn Qāsim, juz 1. Surabaya dan Singapura : Sulayman Mar'i, h.360.

<sup>59</sup> Salahuddin Abdullah, Omar Khalid(2009), *Tafsir Mubīn*, j.1.DBP Kuala Lumpur, h. 204.

Di dalam Tafsir Ibn Kathīr memberi pengertian *Rihān* sebagai barang tanggungan. Ia menyatakan, jika terjadi hutang – piutang dalam perjalanan dan dalam masa yang sama tidak ada penulis, maka hendaklah dilakukan dengan memegang barang tanggungan oleh orang yang memberi hutang. Tetapi jika masing-masing percaya –mempercayai, maka boleh tanpa tanggungan tetapi Allah mengingatkan supaya yang berhutang agar membayar hutang tepat pada waktunya dan jangan khianat kerana takut kepada ancaman Allah S.W.T.

Ibn ‘Abbas R.a. menyatakan semasa musafir, jika ada penulis tetapi tidak ada alat tulisnya maka hukumnya sama sahaja iaitu hendaklah dilakukan gadaian. Jika masing-masing percaya- mempercayai maka hendaklah mereka menunaikan amanahnya.

Abu Sa’id al-Khudriy berkata, ayat ini memansuhkan ayat yang sebelumnya iaitu kewajiban menulis itu berubah menjadi tidak wajib. Begitu juga soal persaksian, jika sudah saling percaya walaupun tidak ditulis dan tidak dipersaksikan maka ia tidak menjadi satu kesalahan. Hanya Allah menekankan agar mereka menjaga benar-benar takwanya, jangan sampai menyalahi amanah.<sup>60</sup>

Tafsir Āyāt al-Ahkām juga memberi pengertian yang sama iaitu gadaian. Menurut tafsir tersebut, penghubungan antara perkataan *al-Rahn* dengan musafir bukanlah kerana musafir itu menjadi syarat sah gadaian, bahkan ia menunjukkan bahawa jaminan secara gadaian boleh menggantikan tempat jaminan secara catatan bertulis yang dianggap sukar untuk dilakukan ketika bermusafir.<sup>61</sup>

---

<sup>60</sup> H. Salim Bahreisy, H. Said Bahreisy(1988),*Terjemah Mukhtasar Ibn Kathīr*, j. 1,c.1, Victory Agencie, Kuala Lumpur, h. 520-521.

<sup>61</sup> Muhammad ‘Aliy Subayhal-Sayis(t.t),*Tafsir Āyāt al-Ahkām*, Misr : Matba’ah, h. 175.

Manakala di dalam Tafsir al-Manār, al-Syeikh Muhd ‘Abduh menyatakan penghubungan antara keharusan bergadai dengan musafir dan ketiadaan penulis yang membuat catatan untuk penjaminan hutang bukanlah bertujuan menjadikannya sebagai syarat tetapi ianya adalah penjelasan tentang kelonggaran yang diberi untuk meninggalkan catatan bertulis kerana keuzuran. Gadaian tersebut menggantikan tempat catatan dalam soal penjaminan ketika ia sukar dilakukan seperti ketika musafir.<sup>62</sup>

Sementara itu di dalam Surah al-Ṭur ayat 21, *Rahīn* membawa maksud terikat (bertanggungjawab) sebagaimana ayatnya yang berbunyi;

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَاتَّبَعَتْهُمْ ذُرِّيَّتُهُمْ بِإِيمَانٍ أَلْحَقْنَا بِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَمَا أَلَتْنَهُمْ مِّنْ عَمَلِهِمْ مِّنْ شَيْءٍ  
كُلُّ أَمْرٍ بِمَا كَسَبَ رَهِينٌ<sup>٤</sup>

Maksudnya; Dan orang-orang yang beriman, dan yang anak cucu mereka mengikuti mereka dalam keimanan, kami hubungkan anak cucu mereka dengan mereka[1426], dan kami tiada mengurangi sedikitpun dari pahala amal mereka. Setiap manusia terikat dengan apa yang dikerjakannya.

Ibn ‘Abbas r.a. menyatakan, Allah Subhanahu Wata ‘ala akan mengangkat darjat dan taraf kedudukan anak pinak dan cucu cicit para penghuni syurga itu untuk dapat tinggal bersama-samanya di dalam syurga walaupun pada asalnya anggota zuriatnya tidak layak mendapat taraf setinggi itu dengan tujuan agar mereka bertambah gembira dan suka cita, lalu dibacakan ayat ini.<sup>63</sup>

<sup>62</sup> ‘Abduh(1959),*Tafsir al-Manār*, jil. 3, Qahirah: Maktabah al-Qahirah, h.131.

<sup>63</sup> Muhammad b. Ahmad al-Qurṭubi(t.t), *al-Jamī ‘ li Ahkām al-Qurān*, Beirut : Dar al- Turath, h. 66.

Ayat ini mengingatkan orang mukmin supaya memberi pelajaran dan didikan agama kepada keluarga dan zuriat keturunannya supaya dapat mereka berhimpun dan bergembira bersama-sama di dalam syurga nanti.<sup>64</sup>

Sementara di dalam Surah al-Muddaththir ayat 38, *Rahīnah* juga membawa maksud terikat(bertanggungjawab). Ayat 38 Surah al-Muddaththir berbunyi;

كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ رَهِينَةٌ

Maksudnya; Tiap-tiap diri bertanggung jawab atas apa yang telah diperbuatnya.

Imam Muhammad al-Rāzi di dalam Tafsir al-Fakh al-Rāzi menyatakan, berkemungkinan terdapat kesusahan ketika dalam pemusafiran sama ada tidak ada penulis atau ada penulis tetapi tiada alat tulis dan tiada saling percaya mempercayai antara satu sama lain, maka hendaklah dilakukan gadaian sebagai langkah berhati-hati.<sup>65</sup>

#### 1.4 Sumber Ḥadith-Ḥadith *Al-Rahn* Di Dalam *Al-Kutub Al-Sittah*

Setelah dilakukan penelitian , penulis mendapati terdapat 31 teks ḥadith mengenai al-Rahn di dalam *al-Kutub al-Sittah*. Penulis telah meneliti Ḥadith-hadith yang berkaitan dengan al-Rahn di dalam *al-Kutub al-Sittah* satu persatu dan juga menggunakan kemudahan cakera padat Maktabah Shāmilah untuk tujuan tersebut. Hadith-hadith tersebut kemudiannya dihimpunkan dan dibahagikan mengikut pecahan *Kutub al-Sittah*.

<sup>64</sup>*Tafsir Mubin*(2009), op.cit. , h. 113.

<sup>65</sup> Muhammad al-Rāzi Fakh al-Dīn Ibn al-‘Allāmah Ḍia al-Dīn ‘Umar(1994), *Tafsir al-Kabīr wa Mafātīh al-Ghaib, Ṭaba ‘ah Jadīdah Mazūdah bi Fahāris*, juz 7, Dār al-Fikr , Beirut: Lubnan, h. 130-131.

Daripada setiap Hadith tersebut, penulis mengkhususkannya kepada bahagian-bahagian tertentu yang dinamakan kitab. Seterusnya dalam setiap kitab, penulis meletakkan tajuk yang berkenaan dengan *al-Rahn* yang dinamakan bab. Untuk memudahkan pemerhatian, maka penulis akan menunjukkan jumlah hadith tersebut di dalam bentuk jadual.

Jadual 1 : Taburan jumlah bilangan hadith-hadith *al-Rahn* yang terdapat di dalam *al-Kutub al-Sittah*

<b>Bil</b>	<b>Al-Kutub al-Sittah</b>	<b>Al-Rahn</b>	<b>Jumlah Hadith</b>
1	Ṣaḥīḥ al-Bukhārī	Kitab al-Rahn	14
2	Ṣaḥīḥ al-Muslim	Kitab al-Rahn	3
3	Sunan Abī Dāwūd	Kitab al-Rahn	1
4	Sunan al-Nasā'ī	Kitab al-Rahn	4
5	Sunan Ibn Mājah	Kitab al-Rahn	6
6	Sunan al-Tirmidhī	Kitab al-Rahn	3
	<b>Jumlah</b>		<b>31</b>

Untuk melihat pecahan ḥadith-ḥadith tersebut dengan lebih terperinci, penulis akan menjelaskannya dalam bentuk jadual bagi setiap kitab dalam *al-Kutub al-Sittah* dengan menyatakan jumlah bab dan bilangan ḥadith bagi setiap bab.

Jadual 2 : Taburan jumlah bilangan ḥadith-ḥadith *al-Rahn* yang terdapat dalam kitab *Ṣaḥīḥ Bukhārī*

<b>Bil</b>	<b>Kitab</b>	<b>Bab</b>	<b>Bilangan Ḥadith</b>
1	Al-Salam	Bab al-Rahn fi al-Salam	1
2	Al-Rahn	Bab fi al-Rahn fi al-Ḥaḍar	1

3	Al-Rahn	Bab Man Rahana Dir'ah	1
4	Al-Rahn	Bab Rahn al-Silāḥ	1
5	Al-Rahn	Bab al-Rahn Markūb wa Maḥlūb	2
6	Al-Rahn	Bab al-Rahn 'inda al-Yahūdī wa ghairihim	1
7	Al-Rahn	Bab Idha ikhtalafa al-Rāḥīn wa al-Murtahin wa naḥwuh	2
8	Al-Maghari	Qatl Ka'ab Ibn al-Ashraf	1
9	Al-Buyū'	Shira' al-Nabiy s.a.w. bi al-Nasiāh	2
10	Al-Jihād wa Al-Siyar	Ma qīla fi Dar'i al-Nabiy s.a.w.	1
11	Al-Musāqah	Man Ishtara bi Dāin wa Laisa 'Indahu Thamanah aw Laisa bi Ḥaḍaratih	1
		<b>Jumlah</b>	<b>14</b>

Dalam kitab Ṣaḥīḥ Bukhārī, terdapat 11 bab yang membicarakan tentang *al-Rahn* yang mengandungi 14 buah ḥadīth.

Jadual 3 : Taburan jumlah bilangan ḥadīth-ḥadīth *al-Rahn* yang terdapat di dalam kitab *Ṣaḥīḥ Muslim*

<b>Bil</b>	<b>Kitab</b>	<b>Bab</b>	<b>Bilangan Ḥadīth</b>
1	Musāqat	Bab al-Rahn wa Jawāzuhu fi al-Ḥaḍarī Ka al-Safar	3
		<b>Jumlah</b>	<b>3</b>

Dalam kitab Ṣaḥīḥ Muslim, terdapat 1 bab yang membicarakan tentang *al-Rahn* yang mengandungi 3 buah ḥadīth.



Jadual 4 : Taburan jumlah bilangan ḥadīth-ḥadīth *al-Rahn* yang terdapat di dalam kitab Ṣunan Abī Dāwūd

<b>Bil</b>	<b>Kitab</b>	<b>Bab</b>	<b>Bilangan Ḥadīth</b>
1	Al-Buyū'	Bab fī al-Rahn	1
		<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

Dalam kitab Ṣunan Abī Dāwūd, terdapat 1 bab yang membicarakan tentang *al-Rahn* yang mengandungi 1 buah ḥadīth.

Jadual 5 : Taburan jumlah bilangan ḥadīth-ḥadīth *al-Rahn* yang terdapat di dalam kitab Ṣunan Nasā'ī

<b>Bil</b>	<b>Kitab</b>	<b>Bab</b>	<b>Bilangan Ḥadīth</b>
1	Al-Buyū'	Bab al-Rahn fī al-Ḥaḍarī	1
2	Al-Buyū'	Bab al-Rajul Yashtarī al-Ṭā'ām Ilā Ajal	1
3	Al-Buyū'	Mubāya'ah Ahl al-Kitāb	2
		<b>Jumlah</b>	<b>4</b>

Dalam kitab Ṣunan Nasā'ī, terdapat 3 bab yang membicarakan tentang *al-Rahn* yang mengandungi 4 buah ḥadīth.

Jadual 6 : Taburan jumlah bilangan ḥadīth-ḥadīth *al-Rahn* yang terdapat di dalam kitab Ṣunan Ibn Mājah

<b>Bil</b>	<b>Kitab</b>	<b>Bab</b>	<b>Bilangan Ḥadīth</b>
1	Al-Ahkām	Bab al-Ruhūn	4
2	Al-Ahkām	Bab al-Rahn Markūb wa Maḥlūb	1
3	Al-Ahkām	Bab Lā Yaghlaq al-Rahn	1
		<b>Jumlah</b>	<b>6</b>

Dalam kitab Sunan Ibn Mājah, terdapat 3 bab yang membicarakan tentang *al-Rahn* yang mengandungi 6 buah ḥadīth.

Jadual 7 : Taburan jumlah bilangan ḥadīth-ḥadīth *al-Rahn* yang terdapat di dalam kitab Sunan Al-Tirmidhī

<b>Bil</b>	<b>Kitab</b>	<b>Bab</b>	<b>Bilangan Ḥadīth</b>
1	Al-Buyū' 'An Rasūlillah	Bab Mā jāa Fi al-Rukhsah Fi al-Shirā' Ilā Ajal	2
2	Al-Buyū' 'An Rasūlillah	Bab Mā jāa Fi al-Intifā' Bi al-Rahn	1
		<b>Jumlah</b>	<b>3</b>

Dalam kitab Sunan al-Tirmidhī, terdapat 2 bab yang membicarakan tentang *al-Rahn* yang mengandungi 3 buah ḥadīth.


Bagi menentukan darjah ḥadīth, penulis akan merujuk kepada kitab Sharḥ al-Ḥadīth seperti kitab *Tuḥfah al-Aḥwādīh bi Sharḥ Jami' al-Tirmidhī*, karya Al-Ḥāfiẓ Abī al-'Ulā Muhammad 'Abd al-Raḥman Ibn 'Abd al-Raḥīm al-Mubārakfūrī. Penulis juga akan merujuk kepada kitab *Jarḥ Wa Ta'dīl* seperti kitab *Tahdhīb al-Kamāl fi Asmā' al-Rijāl*, *Al-Kāshif*, *Tahdhīb al-Tahdhīb* dan *Taqrīb al-Tahdhīb*. Di samping itu, penulis juga akan merujuk kepada penilaian yang dibuat oleh Muhammad Naṣir al-Dīn al-Albānī. Seterusnya penulis akan menggunakan kemudahan cakera padat dan internet seperti al-Maktabah al-Shāmilah dan Sonnhonlines.com.

Oleh yang demikian, penulis telah melakarkan jadual yang dapat menunjukkan darjat Ḥadīth-hadīth *al-Rahn* di dalam *al-Kutub al-Sittah*.

Jadual 8 : Taburan darjat ḥadīth-ḥadīth *al-Rahn* dalam *al-Kutub al-Sittah*


Bil	Al-Kutub al-Sittah	Sahih	Hasan Sahih	Hasan	Daif	Jumlah
1	Bukhārī	14	0	0	0	14
2	Muslim	3	0	0	0	3
3	Abī Dawūd	1	0	0	0	1
4	Nasā'ī	4	0	0	0	4
5	Ibn Mājah	5	0	0	1	6
6	Tirmidhī	0	3	0	0	3
	<b>Jumlah</b>	27	3	0	1	<b>31</b>

Rajah 1 : Darjat hadith-hadith *al-Rahn* dalam *al-Kutub al-Sittah*



Rajah 1 memberi gambaran peratusan darjat hadith-hadith *al-Rahn* dalam *al-Kutub al-Sittah*

Rajah 2 : Darjat hadith-hadith *al-Rahn* keseluruhan dalam *al-Kutub al-Sittah*



Rajah 2 memberi gambaran peratusan keseluruhan darjat hadith-hadith *al-Rahn* dalam *al-Kutub al-Sittah*.

### 1.5 Ulasan

Melalui jadual 2 di atas, terdapat sebanyak 31 teks hadith mengenai *al-Rahn* yang mana sebanyak 27 teks hadith daripadanya adalah hadith *ṣaḥīḥ* atau 87.1 % daripada keseluruhan hadith yang ditemui oleh penulis. Manakala terdapat 3 teks hadith *ḥasan ṣaḥīḥ* atau 9.68 % dan hanya 1 teks hadith *ḍa'if* atau 3.22 % daripada keseluruhan hadith yang berkaitan dengan *al-Rahn* di dalam *al-Kutub al-Sittah*.

## 1.6 *Maqāṣid Shari‘ah al-Rahn* Dalam Muamalah

### 1.6.1 Pendahuluan

Membicarakan perkara yang berkaitan dengan *Maqāṣid Shari‘ah* merupakan satu perkara yang amat menarik kerana ia perlu direalisasikan di dalam kehidupan seorang muslim. Kehidupan yang tidak selari dengan panduan sharak maka ianya akan ditolak oleh Allah S.W.T. dan jadilah kehidupan seseorang manusia itu sebagai satu yang sia-sia.

Allah S.W.T. menurunkan al-Quran dan al-Hadith sebagai panduan dan pedoman sepanjang zaman. Undang-undang dan peraturan yang diberikan itu sudah pasti membawa banyak kebaikan dan hikmahnya. Manakala segala tegahan dan larangan itu sudah tentu banyak membawa keburukan dan kemudaratan. Islam sebagai sebuah agama yang syumul menjamin kesejahteraan, keselamatan dan kemakmuran seluruh alam sejagat.

### 1.6.2 Definisi

*Maqāṣid* dari segi bahasa merupakan perkataan jama ‘ kepada *maqṣad*, “ قصد ” yang membawa erti jalan yang lurus, keadilan, pegangan dan punca.<sup>66</sup> *Shari‘ah* berasal dari perkataan “ شرع ” bermaksud sumber air yang tidak pernah putus dan terus mengalir.<sup>67</sup>

---

<sup>66</sup> Ibn Manzūr(1994), *Lisān al- ‘Arab*, j. 3, c. 3, Beirut : Dār Ṣādir, h. 353-354.

<sup>67</sup> Ibid, j. 8, ,h. 175.

*Maqāsid Shari'ah* dari segi istilah menurut Yūsuf al-Qaradāwī ialah sesuatu yang mendatangkan kemaslahatan terhadap manusia dan menolak kemudaratan dan kerosakan darinya”.<sup>68</sup>

Imam al-Ghazali dalam *Shifā' al-Ghalīl* juga menyebut; “ *Maslahah* adalah memberikan manfaat dan menolak kemudaratan. Dalam erti kata yang lain bahawa munasabah (kemaslahatan yang sesuai) itu kembali kepada memelihara perkara yang dimaksudkan (oleh syarak).

Maksud atau tujuan yang ingin dicapai itu ada yang bersifat keagamaan dan ada yang bersifat keduniaan. Setiap satu dari keduanya ada yang untuk memperolehnya dan ada yang untuk mengekalkannya. Untuk memperolehnya, sering disebut dengan mendatangkan masalah dan untuk mengekalkannya sering disebut dengan menolak kemudaratan.<sup>69</sup>

Menurutnya lagi, apa yang dikehendaki oleh syarak adalah pemeliharaan terhadap agama, jiwa, akal, alat kelamin dan harta. Seterusnya beliau telah membahagikan *maqāsid* kepada tiga peringkat iaitu *al-ḍarūrāt*, *al-ḥājāt* dan *al-ṭahṣīn*.<sup>70</sup>

Dalam kitabnya *al-Mustafā*, beliau hanya menyatakan pengertian masalah di samping memberikan penegasan bahawa apa yang dimaksudkan dengan masalah ialah memelihara tujuan syarak. Beliau turut mengulangi tentang hal-hal berkenaan secara lebih jelas dan mantap.

---

<sup>68</sup> Yūsuf al-Qaradāwī(1986), *Fiqh al-Zakāt*, c. 16, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 31.

<sup>69</sup> Al-Ghazali(1999),*Shifā' al-Ghalīl fi Bayān al-Shabah wa al- Mukhīl wa masālīk al-Ta 'līl*, c. 3, Beirut :Dār al-Kutub al- 'Imiyyah, h. 79.

<sup>70</sup> *Ibid.*, h. 80.

Beliau menyatakan bahawa penjagaan terhadap agama sebagai objektif paling utama bagi hukum. Istilah “alat kelamin” seperti mana yang disebut dalam *Shifā’ al-Ghalīl* telah digantikan dengan istilah “keturunan”. Kemudian beliau menegaskan bahawa lima kepentingan asas sepertimana yang disebutkannya itu terdapat dalam semua agama.<sup>71</sup>

Imam al-Shāṭibi pula menyatakan, “Objektif syarak merujuk kepada pemeliharaan objektifnya terhadap makhluk (manusia). Objektif tersebut terbahagi kepada tiga iaitu *ḍarūriyyāt, hājīyyāt dan taḥsīniyyāt*”.<sup>72</sup>

Menurut kajian terperinci (*al-Istiqrā’*), al-Shatibi telah membahagikan *al-ḍaruriyyāt*<sup>73</sup> kepada lima iaitu agama, jiwa, akal, alat kelamin dan harta. Menurut beliau lagi semua agama memandang bahawa perkara ini sebagai kepentingan asas. Shariat Islam memelihara *al-ḍaruriyyāt al-khams* (lima kepentingan asas) ini melalui dua cara iaitu ;

- a) Secara positif iaitu dengan menentukan hukum yang boleh mewujudkan serta mengekalkan kewujudannya.
- b) Secara negatif iaitu dengan menghalang apa yang boleh menghapus, merosak atau mengganggu kepentingan tersebut.<sup>74</sup>

---

<sup>71</sup> Al-Ghazali(t.t),*al-Mustasfā min ‘Ilm al-Uṣūl*, j. 1, c. 1, Beirut : Dār al-Ahyā’ al-Turāth al- ‘Arabi, h. 286-288.

<sup>72</sup> Abū Ishāq al-Shāṭibi (1999),*al-Muwāfaqāt fi Uṣūl al-Sharī‘ah*, j.2, Beirut: Dar al-Ma‘rifah, h. 324.

<sup>73</sup> Al-Ḍaruriyyāt ialah sesuatu yang amat diperlukan bagi mencapai masalah (kebaikan) agama dan dunia. Tanpanya, sistem hidup akan terganggu dan kebajikannya tidak akan diperolehi.

<sup>74</sup> Al-Shāṭibi, op. cit., h. 324 - 326

Apabila berbicara mengenai *maqāsid shari'ah* maka apa yang dimaksudkan di sini ialah pembahagian masalah yang hendak dijaga oleh syariat Islam.<sup>75</sup>

Berdasarkan kepada pengertian *maqāsid syari'ah* di atas, sekiranya dihubungkan dengan *al-Rahn* maka kita mendapati terdapat banyak masalah yang kita perolehi hasil dari pensyariatannya dalam muamalah. Contohnya dari sudut kemaslahatan terhadap agama, jaminan terhadap nyawa, jaminan masalah terhadap harta dan menolak kemudaratan terhadap keturunan.

Dari sudut kemaslahatan terhadap agama, Allah S.W.T. telah mewajibkan pelaksanaan rukun Islam yang lima. Bagi memeliharanya, Islam telah mewajibkan jihad terhadap golongan yang ingin keluar dari agama (murtad).<sup>76</sup>

Hadith yang diriwayatkan daripada 'Aishah r.a., bahawa nabi s.a.w. membeli makanan daripada seorang Yahudi bagi satu tempoh dan menggadainya dengan baju besi membuktikan bahawa agama Islam membenarkan hubungan muamalah dengan orang kafir yang bertujuan untuk memelihara agama Islam dari pandangan negatif penganut agama lain. Hadith di atas lebih khusus kepada keharusan melakukan gadaian dengan orang kafir dan cara pelaksanaannya.

Hadith yang seterusnya iaitu hadith yang diriwayatkan oleh Sufyan daripada Jabir bin Abdullah r.a. telah bersabda Rasulullah s.a.w. "Siapa yang akan membunuh Ka 'ab bin al-Ashraf yang telah mengganggu Allah dan Rasul-Nya?" Muhammad bin Maslamah berkata, " Saya akan pergi menemuinya (Ka 'ab) dan berkata, "Tolong

---

<sup>75</sup> Mahmood Zuhi Hj Ab Majid et.al. (2004), *Pengantar Pengajian Syariah*, K.L : Al-Baian Corporation Sdn. Bhd., h. 187, Wahbah al-Zuhayli (2001), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmi*, j. 2, c. 2, Damshiq : Dar al- Fikr, h. 1056 – 1057.

<sup>76</sup> Abd al-Wahhab Khalāf(tt), *‘Ilm Uṣūl al-Fiqh*, c. 7, Lubnan : T.p., h. 164.



sekarang kamu pinjamkan kepada kami seekor atau dua ekor unta yang dimuatkan dengan makanan. Ka'ab berkata; “ Gadaikan isteri-isteri kamu kepadaku”. Mereka berkata; “ Bagaimana mungkin kami menggadaikan isteri-isteri kami kepadamu padahal kamu adalah orang Arab yang paling tampan?” Ka'ab berkata, “Kalau begitu gadaikan anak-anakmu kepadaku.”

Mereka berkata, “ Bagaimana mungkin kami menggadaikan anak-anak kami kepadamu kerana mereka akan dihina oleh orang ramai dengan berkata bahawa si fulan digadaikan untuk seekor unta bermuatan makanan. Keadaan ini akan meletakkan kami di dalam kehinaan. Kami akan menggadaikan senjata kami kepadamu”. Muhammad bin Maslamah dan sahabatnya berjanji kepada Ka'ab bahawa mereka akan datang kembali kepadanya. Maka mereka membunuhnya. Setelah itu mereka pergi memberitahu Nabi s.a.w.

Hadith ini menjadi bukti bahawa Islam menjamin keselamatan agama dan pengikutnya dengan memberi kebenaran untuk membunuh dan memerangi orang yang sentiasa memusuhi dan mengganggu orang Islam.

Manakala bagi memastikan pemeliharaan keturunan maka dishariatkan perkahwinan. Demi memelihara kesuciannya pula, Islam mengharamkan zina, menuduh orang lain melakukan zina tanpa mendatangkan saksi (qazaf), menggugurkan kandungan serta menjatuhkan hukuman terhadap orang yang melakukannya agar tidak berlakunya percampuran nasab dan dapat memelihara kemuliaan dan kehormatan manusia.<sup>77</sup>

---

<sup>77</sup> Zaidān (1996), *al-Wajīz fi Uṣūl al-Fiqh*, c.5, Beirut : Muassasah al-Risalah, h. 380.

Di dalam hadith yang sama yang diriwayatkan oleh Sufyan daripada Jabir b. Abdullah berkenaan dengan pembunuhan Ka'ab b. al-Ashraf ada menyatakan tentang tawaran daripada Ka'ab supaya sahabat nabi s.a.w. menggadaikan isteri-isteri mereka bagi mendapatkan seekor unta yang dimuatkan dengan makanan.

Namun begitu, tawaran tersebut ditolak dan ditukarkan dengan menggadaikan senjata. Ini menunjukkan bahawa Islam amat menjaga kesucian keturunan. Bagi mencegah dari kehancuran generasi umat Islam, maka Islam mewajibkan kesuciannya dipertahankan. Dibenarkan musuh Islam diperangi dan halal darah mereka ditumpahkan.

Dari sudut kemaslahan jiwa, untuk memeliharanya maka Islam menshariatkan perkahwinan mengikut peraturan yang telah ditetapkan Islam dan diharamkan zina agar berkekalan generasi manusia dengan jalan yang sah.

Selain dari itu, Allah s.w.t. memerintahkan manusia agar memelihara dirinya dengan cara menyediakan makanan dan minuman yang secukupnya juga pakaian dan tempat tinggal.<sup>78</sup> Bagi menghalang serta menolak kemudaratan yang boleh mengancam ketenteraman jiwa maka diwajibkan hukuman *qisas*, *diyāt* dan *kaffārah* terhadap mereka yang melakukan sebarang kecederaan atau pembunuhan ke atas orang lain.<sup>79</sup>

Berhubung dengan hadith berkaitan dengan kajian bahawa hadith yang diriwayatkan oleh 'Āmir daripada Abu Hurairah r.a. berkata; Nabi s.a.w. bersabda binatang yang digadai, boleh ditunggang dan diminum susunya sekiranya ia membiayai

---

<sup>78</sup> Al-Shāṭibi, op.cit., h. 325.

<sup>79</sup> Hassan Hj. Ahmad (2001), "*Maqāsid Syari'ah : Konsep Dan Pengaruhnya Dalam Pembentukan Hukum*", dalam Abdul Karim Ali et. al. (ed.), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, c.2, K.L : Unit Penerbitan API, UM, h. 64.

perbelanjaan ternakan tersebut, membuktikan bahawa agama Islam menjamin keselamatan diri dan keluarga penganutnya daripada mendapat kemudaratan. Manfaat yang diperolehi dari binatang yang digadai seperti susunya dapat digunakan untuk diminum oleh pemegang gadai dan ahli keluarganya.

Begitu juga hadith yang diriwayatkan daripada Ibn Abbas r.a. sesungguhnya nabi s.a.w. telah memberikan keputusan bahawa orang yang didakwa sama ada dari pihak penggadai atau pemegang gadai adalah berhak untuk membuat sumpah mengenai barang gadaian tersebut dengan tujuan untuk menguatkan kebenaran kenyataan mereka.

Hadith ini membuktikan bahawa agama Islam sentiasa menjamin kemaslahatan diri penganutnya yang mana mereka boleh membela diri dengan memberikan sumpah sekiranya tidak terdapat bukti bagi membantunya menegakkan keadilan.

Dari aspek masalah harta, Islam telah mewajibkan umatnya untuk mencari harta melalui jual beli, sewa-menyewa, hibah, perkongsian (syarikat) dan sebagainya dari sistem muamalat yang lain. Untuk memeliharanya, Islam telah mengharamkan memakan harta orang lain dengan cara mencuri, berjudi, rasuah, khianat dan sebagainya. Hukum potong tangan dan pampasan ganti rugi bagi kerosakan serta kehilangan harta orang lain adalah jalan penyelesaian terbaik untuk mencegah dari berleluasanya perbuatan keji tersebut.<sup>80</sup>

Manakala hadith yang berkaitan dengan kajian iaitu hadith yang diriwayatkan daripada Sa' id b. Musayyab daripada Abu Hurayrah berkata; Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda; "Barang gadaian tidak akan hilang daripada pemiliknya yang

---

<sup>80</sup>Khalāf, op.cit., h. 165.

menggadaikan. Segala keuntungan menjadi miliknya dan segala kerugian ditanggung olehnya”.

Hadith ini menyatakan bahawa pensyariatian gadaian adalah bertujuan untuk menjamin masalah harta benda penganutnya yang mana penggadai tidak akan kehilangan barang gadaian di samping mendapat keuntungan hasil dari gadaian tersebut. Wang yang diperolehi dari gadaian tersebut dapat digunakan untuk memenuhi keperluan diri dan keluarga penggadai atau dijadikan modal perniagaan dan pelaburan.

### **1.6.3 Kesimpulan**

Berasaskan kepada *al-daruriyyāt al-khams* (lima kepentingan asas) seperti mana yang telah dibincangkan di atas maka kajian mendapati bahawa elemen-elemen *maqāsid al-shari'ah* wujud di dalam hadith-hadith yang berkaitan dengan *al-Rahn*. Ianya wujud dari sudut pemeliharaan terhadap kemaslahatan agama, jiwa, keturunan dan juga harta. Namun begitu, kajian ini hanya menyentuh serba sedikit perkara yang berkaitan dengan *maqāsid al-shariah* sebagai pembuka bicara kepada perbincangan tajuk yang seterusnya.

Bab yang seterusnya akan membicarakan tentang *takhrij* secara ringkas beserta dengan definisi dan kaedahnya di samping terjemahan teks hadith-hadith *al-Rahn*.

## BAB 2

### **TAKHRĪJ DAN TERJEMAHAN TEKS ḤADĪTH-ḤADĪTH AL-RAHN**

#### **2.1 Pendahuluan**

Penulis memulakan penilaian dengan membawa definisi takhrīj supaya para pembaca memahami erti dan konsep takhrīj itu sendiri. Seterusnya disajikan faedah mempelajarinya agar menjadi pendorong kepada para pencinta ilmu untuk terus meneroka hadith-hadith terutama perkara-perkara yang berkaitan dengan ilmu *takhrīj* ini.

Penelitian diteruskan lagi dengan mentakhrīj hadith-hadith *al-Rahn* di dalam *al-Kutub al-Sittah*. Penulis merasakan bab ini perlu diketengahkan supaya para pembaca dapat melihat kekuatan sesuatu hadith terutama zaman mutakhir ini yang mana terdapat segelintir manusia yang cuba untuk menyandarkan sesuatu perkara kepada Rasulullah s.a.w. sedangkan ia sebenarnya tidak ada kaitan dengan baginda s.a.w.

#### **2.2. Definisi Takhrīj**

Kalimah *takhrīj* berasal dari perkataan ( خرج ) yang bermaksud keluar, zahir atau muncul. Para *Muhaddithin* merumuskan bahawa takhrīj merujuk kepada pengertian " keluar dari suatu tempat (baik yang kelihatan ataupun maknawi) ke tempat lain tanpa menzahirkan diri atau dengan manzahirkan diri". Maksud inilah yang terdapat dalam firman Allah :

“فخرج منها خائفا يترقب“

Maksudnya;

"Maka keluarlah Musa dari kota itu dalam keadaan cemas sambil mendengar-dengar (berita) mengenai dirinya."<sup>81</sup>

*Takhrij* yang asalnya dari kata kerja tak transitif dari ungkapan (الخروج) bermaksud "asingkan sesuatu dari tempat asalnya dan menzahirkannya di tempat lain," seperti apabila dikatakan : خَرَّجَهُ فِي الْعِلْمِ وَالْأَدَبِ iaitu telah mentakhrijkan hadith-hadith dalam karya .....". Ia bermaksud menyebut balik hadith-hadith yang terdapat dalam karya tersebut dan kemudian mengisyaratkan kepada tokoh hadith yang meriwayatkan hadith tersebut dalam karya mereka dengan sanadnya, disertakan dengan penjelasan mengenai status hadith itu sama ada diterima atau sebaliknya.

Imam Abu Hafs 'Umar bin 'Ali al-Ansāri al-Shāfi'i yang dikenali dengan Ibn Mulaqqin berkata dalam muqaddimah kitab beliau "al-Badr al-Munir fi Takhrij Ahādith al-Syarh al-Kabir" , "saya menyusunnya mengikut susunan Syarh al-Rafā'i ... dengan menyandarkannya kepada orang yang mengeluarkannya pada asalnya , jika hadith atau *athar* itu terdapat dalam kedua-dua kitab Ṣaḥīḥ Abu 'Abdullah Muhammad bin Isma'il al-Bukhāri dan Abu al-Husayn Muslim bin Hajjāj al-Qusyairi atau salah seorang dari kedua-duanya akan disandarkan kepada kedua-duanya atau salah seorang darinya ...."<sup>82</sup>

*Takhrij* dalam pengertian pertama berlaku dalam ruang yang sangat terbatas. Ia hanya sekadar memperturun atau menyebut sesuatu hadith lalu dinyatakan tokoh yang meriwayatkannya, seperti : "Dikeluarkan oleh Imam al-Bukhari dalam sahihnya". Namun begitu, *takhrij* yang masih wujud dan yang dimaksudkan oleh para ilmuan

---

<sup>81</sup> Surah al-Qasas, 28:21.

<sup>82</sup> Umar bin Ali al-Ansari Ibn Mulaqqin, (1414H), "Al-Badr al-Munir fi Takhrij Ahādith al-Syarh al-Kabir" , tahqiq : jamal al-Sayyid, Riyād: Dar al-'Asimah. H. 311.

semasa ialah takhrij dalam pengertian kedua. Ia bermaksud merujuk sesuatu hadith kepada sumbernya dan penjelasan mengenai statusnya bila perlu.

Dr. Mahmūd al-Tahhān selaku peneroka dan pengasas *takhrij* sebagai suatu ilmu telah mendefinisikan *takhrij* sebagai "Menunjukkan tempat adanya hadith dalam sumber utamanya yang dikeluarkan dengan sanadnya, kemudian dijelaskan statusnya ketika diperlukan."<sup>83</sup>

### 2.3. Kaedah *Takhrij* Hadith-hadith *Al-Rahn*

Dalam melakukan sesuatu *takhrij*, beberapa kaedah perlu diikuti agar ia tidak lari dari prinsipnya yang asas. Antara kaedah –kaedah tersebut ialah :<sup>84</sup>

1. *Takhrij* mengikut pangkal ḥadith : Dimaksudkan dengan pangkal Ḥadith ialah huruf atau perkataan yang pertama dalam satu-satu hadith. Kaedah ini sesuai digunakan bagi pengarang kitab yang menyusun kalimah dalam kitab mereka mengikut turutan huruf *Hija'iyah*.
2. *Takhrij* melalui perkataan atau lafaz Hadith : Kaedah ini mengutamakan perkataan yang jarang disebut sama ada kata nama atau perbuatan untuk membuka jalan *takhrijnya*. Menggunakan perkataan yang jarang penggunaannya akan memudahkan tujuan *takhrijnya*. Di bawah perkataan

---

<sup>83</sup> Mahmūd al-Tahhān Dr (t.t), *Uṣūl al-Takhrij wa Dirasat al-Asānīd*. Beirut : Dar al-Quran, h. 12.

<sup>84</sup> Rizalman Bin Muhammad, (2007) *Hadith-Hadith Wasiat Dan Hibah Di Dalam Al-Sunan Al-Sittah : Takhrij Dan Analisis Hukum.*, ( Desertasi Ijazah Sarjana (MASTER) Jabatan Al-Quran Dan Al – Hadith, AKademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 56-57.

tersebut disebutkan nama perawi hadith dan tempatnya dalam kitab-kitab asal hadith.

3. *Takhrij* melalui tajuk hadith: Kaedah ini agak sukar untuk digunakan kerana ia memerlukan keupayaan yang tinggi serta pengetahuan yang luas tentang kitab-kitab hadith dan gaya penulisannya. Kaedah ini agak sukar kerana sesuatu Hadith boleh diberikan pelbagai judul dan diletakkan dalam berbagai bab. Pengkaji harus mencarinya dalam semua tajuk untuk menemui Hadith tersebut.
4. *Takhrij* melalui sifat *sanad* dan *matan*: Cara ini amat terbatas kepada bilangan Hadith yang amat terbatas. Ianya boleh dilakukan kepada Hadith yang mempunyai sifat khusus yang ketara padanya sahaja seperti Hadith *Qudsi*, *Hadith Mursal*, *Hadith Mawḍū‘* dan seumpamanya.
5. *Takhrij* melalui *rawi* yang tertinggi: Cara ini boleh digunakan apabila penyelidik telah mengetahui perawi tertinggi (*A‘la*) bagi sesebuah Hadith. *Rawi* tertinggi yang dimaksudkan ialah samada sahabat atau *tabi‘īn* bagi Hadith *Mursal*. Pengarang yang menggunakan cara ini menyusun Hadith-hadith mengikut perawi yang paling hampir dengan Rasulullah s.a.w. , diletakkan di bawah sahabat atau *tabi‘īn* Hadith-hadith yang diriwayatkan daripada mereka. Apabila sudah mengetahui perawi tertinggi bagi satu-satu Hadith, maka carilah perawi itu dan dan Hadith yang diingini di bawah nama perawi tersebut.



## 2.4 *Takhrij* Hadith-Hadith *Al-Rahn*

Takhrij yang dimaksudkan oleh penulis di sini ialah *takhrij al-Mukhtasar* iaitu *takhrij* ringkas.<sup>85</sup> Untuk melakukan *takhrij* terhadap hadith-hadith mengenai *al-Rahn*, penulis telah menganalisis satu persatu hadith yang terdapat di dalam setiap kitab Hadith kerana terdapat Hadith yang berulang di dalam kitab-kitab tersebut. Setelah itu, penulis mengumpulkan kesemua Hadith-hadith berkenaan. Kaedah yang digunakan adalah dengan menyandarkan sesebuah hadith kepada *al-Rawi al-A'la* (perawi teratas sebelum Rasulullah s.a.w.) atau nama sahabat Rasulullah s.a.w. yang meriwayatkan hadith tersebut.

Jika terdapat perawi yang sama meriwayatkan hadith bagi satu-satu teks hadith yang mempunyai maksud yang sama, maka penulis hanya akan mengambil satu sahaja daripada Hadith-hadith tersebut untuk dilakukan *takhrij*.

Melalui kitab-kitab *Sharḥ Ḥadith* dan *Maktabah Shāmilah*, penulis melakukan *takhrij* dan menentukan darjat Hadith-hadith tersebut. Hadith-hadith berkenaan dengan *al-Rahn* yang telah ditakhrijkan melalui *al-Kutub al-Sittah* adalah ;

---

<sup>85</sup> Lihat Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abādi (2003), *Takhrij al-Hadith Nash 'atuhu wa Manhajiyatuh*, c.3, Selangor : Dar al-Shakir, h. 63-64. Takhrij dalam penulisan ini hanya memasukkan nama karya, nama kitab dan bab di dalamnya serta nombor bagi hadith tersebut.

## 1. Ḥadīth Pertama

حَدَّثَنَا مُعَلَّى بْنُ أَسَدٍ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَاحِدِ حَدَّثَنَا الْأَعْمَشُ قَالَ ذَكَرْنَا عِنْدَ إِبْرَاهِيمَ الرَّهْنِ فِي  
السَّلَامِ فَقَالَ حَدَّثَنِي الْأَسْوَدُ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا  
أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اشْتَرَى طَعَامًا مِنْ يَهُودِيٍّ إِلَى أَجَلٍ وَرَهْنَهُ دِرْعًا مِنْ حَدِيدٍ

### a) Maksud ḥadīth ;

Diriwayatkan daripada al-Aswad daripada ‘Aishah r.a. sesungguhnya nabi s.a.w. membeli makanan daripada seorang Yahudi bagi satu tempoh dan menggadainya dengan baju besi.

### b) *Takhrij* ḥadīth ;

Kedudukannya di dalam *al-Kutub al-Sittah*; **Ṣaḥīḥ Bukhārī** oleh Imam Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, *Kitab Al-Buyū‘, Bab Shir‘ al-Nabiy (s.a.w.) bi al-Nasī‘ah*,<sup>86</sup> *Kitab Al-Salām, Bab Al-Rahn Fi Al-Salām*,<sup>87</sup> *Kitab Al-Musāqāt, Bab Man Ishtara bi dain wa laisa ‘indah thamanuh aw laisa bi ḥaḍaratih*,<sup>88</sup> *Kitab Al-Rahn, Bab Al-Rahn fi Al-Ḥaḍar*,<sup>89</sup> *Kitab Al-Rahn, Bab Man Rahana Dir‘ah*,<sup>90</sup> *Kitab Al-Rahn, Bab Al-Rahn ‘inda Al-Yahudi wa Ghairihim*,<sup>91</sup>.

**Ṣaḥīḥ Muslim** oleh Imam Abu Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Kitab al-Musāqāt, Bab Al-Rahn wa Jawāzuhu fi Al-Ḥaḍar ka Al-Safar*,<sup>92</sup> ***Sunan Al-Nasā‘ī*** oleh Imam al-Nasā‘ī, *Kitab Buyu‘, Bab Al-Rajul*

<sup>86</sup> al-Bukhārī, op.cit., juz. 7, h. 230, no. hadith 1926

<sup>87</sup> ibid., juz. 8, h. 3, no. hadith 2093.

<sup>88</sup> ibid., juz. 8, h. 213, no. hadith 2211.

<sup>89</sup> ibid., juz. 8, h. 277, no. hadith 2325

<sup>90</sup> ibid., juz. 8, h. 425, no. hadith 2326

<sup>91</sup> ibid., juz. 8, h. 432, no. hadith 2330

<sup>92</sup> Muslim, ibid., juz. 8, h. 306, no. hadith 3008 dan 3009

*Yashtari Al-Ta'am ila Ajal,*<sup>93</sup> **Sunan Ibn Mājah** oleh Al-Ḥāfiẓ Abū 'Abd Allah Muḥammad bin Yazīd al-Qazwinī, *Kitab Al-Ahkām, Bab Al-Ruhūn.*<sup>94</sup>

Selain daripada matan ḥadīth di atas, terdapat juga matan daripada ḥadīth yang lain yang terdapat beberapa penambahan dan pengurangan di dalam matan ḥadīth tersebut. Antaranya ialah penambahan perkataan “مَعْلُومٍ وَارْتَهَنَ مِنْهُ” di dalam Ṣaḥīḥ Bukhārī, *Kitab Al-Salam, Bab Al-Rahn Fi Al-Salam.*<sup>95</sup>

### c) Darjat Ḥadīth :

Ḥadīth ini ṣaḥīḥ. Ia diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī (W. 256 H) dalam kitab ṣaḥīḥnya.

## 2. Ḥadīth Kedua

حَدَّثَنَا أَبُو نُعَيْمٍ حَدَّثَنَا زَكَرِيَّا عَنْ عَامِرٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ  
عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ كَانَ يَقُولُ الرَّهْنُ يُرْكَبُ بِنَفَقَتِهِ وَيُشْرَبُ لَبْنُ الدَّرِّ إِذَا كَانَ مَرَهُونًا

### a) Maksud Ḥadīth ;

Diriwayatkan oleh 'Āmir daripada Abu Hurairah r.a. berkata; Nabi s.a.w. bersabda binatang yang digadai , boleh ditunggang dan diminum susunya sekiranya ia membiayai perbelanjaan ternakan tersebut.

### b) *Takhrij* Ḥadīth;

<sup>93</sup> Al-Nasa'i, ibid., juz. 14, h. 176, no. hadith 4530

<sup>94</sup> Ibn. Majah, ibid., juz. 7, h. 284, no. hadith 2427 dan 2429

<sup>95</sup> al-Bukhārī , op.cit., juz. 8, h. 3, no. hadith. 2093.

Kedudukannya di dalam *al-Kutub Al-Sittah*; **Ṣaḥīḥ Bukhārī** oleh Imam Bukhārī, *Kitab Al-Rahn, Bab Al-Rahn Markūb wa Maḥlūb*,<sup>96</sup>; **Sunan Abī Dāwūd** oleh Sulayman bin Ash‘ath al-Sajistānī al-Azdī Abū Dawūd, *Kitab Al-Buyu‘, Bab Al-Rahn*,<sup>97</sup>; **Sunan Al-Tirmidhī** oleh Abū ‘Isā Muhammad bin ‘Isā bin Sūrah al-Tirmidhī,<sup>98</sup> *Kitab Al-Buyu‘ ‘An Rasūlillāh, Bab Ma Jāa fī Al-Intifa‘ bi Al-Rahn*, **Sunan Ibn Mājah** oleh Al-Ḥāfiẓ Abū ‘Abd Allah Muhammad bin Yazīd al-Qazwinī, *Kitab Al-Ahkam, Bab Al-Rahn Markūb*.<sup>99</sup>

Selain daripada matan hadith di atas, terdapat juga matan daripada hadith yang lain yang terdapat penambahan di dalam matan hadith tersebut iaitu oleh **Imam Bukhārī**, *Kitab Al-Rahn, Bab Al-Rahn Markūb wa Maḥlūb*,<sup>100</sup> dan **Sunan Ibn Mājah** oleh Al-Ḥāfiẓ Abū ‘Abd Allah Muhammad bin Yazīd al-Qazwinī, *Kitab Al-Aḥkām, Bab Al-Rahn Markūb*<sup>101</sup> berbunyi ;

وَعَلَى الَّذِي يَرْكَبُ وَيَشْرَبُ النَّفَقَةَ

Di dalam **Sunan Abī Dāwūd** oleh Sulayman bin Ash‘ath al-Sajistānī al-Azdī Abū Dawūd, *Kitab Al-Buyu‘, Bab Al-Rahn*.<sup>102</sup> berbunyi;

وَعَلَى الَّذِي يَرْكَبُ وَيَحْلِبُ النَّفَقَةَ

### c) Darjat Hadīth :

<sup>96</sup> Al-Bukhari, op.cit., juz. 8, h. 429, no. hadith 2328 dan 2329.

<sup>97</sup> Abi Dawud, op.cit., juz. 9, h. 403, no. hadith 3059.

<sup>98</sup> Al-Tirmidhi, op.cit., juz. 5, h. 43, no. hadith 1175.

<sup>99</sup> Ibn Majah, op.cit., juz. 7, h. 289, no. hadith 2431.

<sup>100</sup> Al-Bukhari, op.cit., juz. 8, h. no. hadith 2329.

<sup>101</sup> Al-Bukhari, op.cit., juz. 8, h. no. hadith 2329.

<sup>102</sup> Abi Dawūd, op.cit., juz. 9, h. 403, no. hadith 3059.

Hadīth ini ṣaḥīḥ. Ia diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī (W. 256 H) dalam kitab ṣaḥīḥnya.

### 3. Ḥadīth Ketiga

حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ يَحْيَى وَأَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَمُحَمَّدُ بْنُ الْعَلَاءِ وَاللَّفْظُ لِيَحْيَى  
قَالَ يَحْيَى أَخْبَرَنَا وَقَالَ الْآخِرَانِ حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ عَنِ الْأَعْمَشِ عَنِ إِبْرَاهِيمَ عَنِ  
الْأَسْوَدِ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ اشْتَرَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ يَهُودِيٍّ  
طَعَامًا بِنَسِيئَةٍ فَأَعْطَاهُ دِرْعًا لَهُ رَهْنًا

#### a) Maksud Ḥadīth;

Diriwayatkan daripada Al-Aswad daripada Aishah r.a. beliau berkata; Rasulullah s.a.w. telah membeli makanan daripada seorang Yahudi dengan cara menanggung bayaran. Maka baginda s.a.w. memberi kepadanya baju besi sebagai gadaian.

#### b) *Takhrij* Ḥadīth;

Kedudukannya di dalam *al-Kutub Al-Sittah* ; **Sahih Bukhari** oleh Imam Bukhari, *Kitab al-Buyu'* , *Bab Shira ' al-Nabiy s.a.w. bi al-Nasi 'ah*,<sup>103</sup>  
**Ṣaḥīḥ Muslim** oleh Imam Abu Husayn Muslim bin Hajjaj bin Muslim al-Qushayrī

<sup>103</sup> al-Bukhārī, op.cit., juz 7, h. 277, no. hadith 1954.

*al-Naysābūrī, Kitāb Musāqāt, Bab Al-Rahn wa Jawāzuhu,*<sup>104</sup> *Sunan Nasā’i oleh Imam al-Nasā’i, Kitāb Al-Buyū’, Bab Mubāya’ah Ahl Al-Kitāb.*<sup>105</sup>

Selain daripada sanad ḥadīth di atas, terdapat juga sanad daripada ḥadīth yang lain tetapi mempunyai matan yang sama. Sebagaimana yang dinyatakan di dalam Sunan Nasā’i melalui riwayat Ahmad b. Ḥarb berbunyi ;

أَخْبَرَنَا أَحْمَدُ بْنُ حَرْبٍ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ عَنِ الْأَعْمَشِ عَنِ إِبْرَاهِيمَ عَنِ الْأَسْوَدِ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ  
اشْتَرَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ يَهُودِيٍّ طَعَامًا بِنَسِيئَةٍ وَأَعْطَاهُ دِرْعًا لَهُ رَهْنًا

### c) Darjat Ḥadīth :

Ḥadīth ini ṣaḥīḥ. Ia diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī (W. 256 H) dalam kitab ṣaḥīḥnya.

## 4. Ḥadīth Keempat

حَدَّثَنَا مُسْلِمٌ بْنُ إِبْرَاهِيمَ حَدَّثَنَا هِشَامٌ حَدَّثَنَا قَتَادَةُ عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ  
وَلَقَدْ رَهَنَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دِرْعَهُ بِشَعِيرٍ وَمَشَيْتُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
بِخُبْزِ شَعِيرٍ وَإِهَالَةٍ سَنَخَةٍ وَلَقَدْ سَمِعْتُهُ يَقُولُ مَا أَصْبَحَ لِآلِ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَّا  
صَاعٌ وَلَا أَمْسَى وَإِنَّهُمْ لَتَسَعَهُ أَيْبَاتٍ

### a) Maksud Ḥadīth ;

Diriwayatkan daripada Qatādah daripada Anas berkata; Sesungguhnya Nabi s.a.w. telah menggadai baju besinya dengan gandum dan aku telah menemui Nabi

<sup>104</sup> Muslim, op.cit., juz. 8, h. 305, no. hadith 3007.

<sup>105</sup> Nasa’ i, op.cit., juz. 14, h. 242, no. hadith 4571.

s.a.w. dengan membawa roti gandum yang disapu dengan lapisan lemak di atasnya. (Anas mendengar perihal itu) dan berkata, “Rumah tangga Muhammad s.a.w. tidak memiliki satu sa’ pun tepung untuk makan malam padahal beliau memiliki sembilan isteri”.

b) **Takhrij Ḥadīth ;**

Kedudukannya di dalam *al-Kutub Al-Sittah* ; **Ṣaḥīḥ Bukhārī** oleh Imam Bukhārī, *Kitab Al-Rahn, Bab Al-Rahn fī Al-Ḥaḍār*,<sup>106</sup>, *Kitab al-Buyū’* , *Bab Shirā’ al-Nabiy s.a.w. bi al-Nasi ‘ah*<sup>107</sup> dan *Kitab Al-Jihād wa al-Siar, Bab Ma Qīla fī Dar‘in Al-Nabiy (s.a.w.)*,<sup>108</sup> **Sunan Nasā’i** oleh Imam al-Nasā’i, *Kitab Al-Buyu’*, *Bab Al-rahn fī Al-Ḥaḍār*,<sup>109</sup> dan *Bab Mubāya‘ah Ahlu Al-Kitab*,<sup>110</sup> **Sunan Ibn Mājah** oleh Al-Ḥāfiẓ Abū ‘Abd Allah Muhammad bin Yazīd al-Qazwinī, *Kitab Al-Ahkām, Bab Al-Ruhun*,<sup>111</sup> **Sunan Al-Tirmidhī** oleh Abū ‘Isā Muhammad bin ‘Isā bin Sūrah al-Tirmidhī *Kitab Al-Buyū’ ‘An Rasūlillāh, Bab Ma Jāa fī Al-Rukhṣah fī Shirā’ ilā Ajal*.<sup>112</sup>

Selain daripada matan ḥadīth di atas, terdapat juga matan daripada ḥadīth yang lain yang terdapat penambahan di dalam matan ḥadīth tersebut. Di dalam Sahih Bukhari *Kitab Al-Jihād wa al-Siar, Bab Ma Qīla fī Dar‘in Al-Nabiy (s.a.w.)*,<sup>113</sup>

<sup>106</sup> al-Bukhari, op.cit., juz. 8, h. 423, no. hadith 2325.

<sup>107</sup> Ibid., juz 7, h. 231, no. hadith 1927.

<sup>108</sup> Ibid., juz. 10, h. 57, no. hadith 2700.

<sup>109</sup> al-Nasa’ i, juz. 14, h. 178, no. hadith 4531

<sup>110</sup> Ibid., juz. 14, h. 243, no. hadith 4572.

<sup>111</sup> Ibn Majah, juz 7, h. 285, no. hadith 2428 dan h. 287 , no. hadith 2430

<sup>112</sup> al-Tirmidhi, op.cit., juz. 4, h. 480, no. hadith 1136.

<sup>113</sup> al-Bukhārī, op.cit., juz. 10, h. 57, no. hadith 2700.

*Sunan Nasā'i Kitab Al-Buyu', Bab Mubāya'ah Ahlu Al-Kitab,*<sup>114</sup> dan *Sunan Ibn Mājah Kitab Al-Ahkām, Bab Al-Ruhun,*<sup>115</sup> terdapat penambahan perkataan "بثلاثين صاعا من شعير"

**c) Darjat Hadīth :**

Hadīth ini ṣaḥīḥ. Ia diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī (W. 256 H) dalam kitab ṣaḥīḥnya.

**5. Hadith kelima**

حَدَّثَنَا خَلَادُ بْنُ يَحْيَى حَدَّثَنَا نَافِعُ بْنُ عُمَرَ عَنْ ابْنِ أَبِي مُلَيْكَةَ قَالَ كَتَبْتُ إِلَى ابْنِ عَبَّاسٍ فَكَتَبَ إِلَيَّ إِنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَضَى أَنَّ الْيَمِينَ عَلَى الْمُدَّعَى عَلَيْهِ

**a) Maksud Hadith;**

Diriwayatkan daripada Ibn Abbas r.a. Nabi s.a.w. telah memberikan keputusan bahawa orang didakwa harus membuat sumpah.

**b) Takhrij Hadith;**

Kedudukannya di dalam *al-Kutub Al-Sittah* ; **Ṣaḥīḥ Bukhārī** oleh Imam Bukhārī, *Kitab Al-Rahn, Bab Idha Ikhtalafa al-Rahin wa al-Murtahin.*<sup>116</sup>

<sup>114</sup> al-Nasā'i, op.cit., juz. 14, h. 243, no. hadith 4572.

<sup>115</sup> Ibn. Mājah, op.cit., juz. 7 h. 287, no. hadith 2430.

<sup>116</sup> al-Bukhārī, op.cit., juz 8, h. 434, no. hadith 2331.



### c) Darjat Hadīth :

Hadīth ini ṣaḥīḥ. Ia diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī (W. 256 H) dalam kitab ṣaḥīḥnya.

## 6. Ḥadīth Keenam

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ قَالَ عَمْرُو سَمِعْتُ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ لِكَعْبِ بْنِ الْأَشْرَفِ فَإِنَّهُ قَدْ آذَى اللَّهَ وَرَسُولَهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ مُحَمَّدُ بْنُ مَسْلَمَةَ أَنَا فَآتَاهُ فَقَالَ أَرَدْنَا أَنْ تُسَلِّفَنَا وَسُقَا أَوْ وَسَقَيْنَ فَقَالَ ارْهَنُونِي نِسَاءَكُمْ قَالُوا كَيْفَ نَرْهَنُكَ نِسَاءَنَا وَأَنْتَ أَجْمَلُ الْعَرَبِ قَالَ فَارْهَنُونِي أَبْنَاءَكُمْ قَالُوا كَيْفَ نَرْهَنُ أَبْنَاءَنَا فَيُسَبُّ أَحَدُهُمْ فَيُقَالُ رُهْنٌ بَوْسُقٍ أَوْ وَسَقَيْنَ هَذَا عَارٌّ عَلَيْنَا وَلَكِنَّا نَرْهَنُكَ اللَّأَمَةَ قَالَ سُفْيَانُ يَعْنِي السَّلَاحَ فَوَعَدَهُ أَنْ يَأْتِيَهُ فَفَقَتَلُوهُ ثُمَّ أَتَوْا النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَخْبَرُوهُ

### a) Maksud Hadīth;

Diriwayatkan oleh Sufyan daripada Jabir bin Abdullah r.a. telah bersabda Rasulullah s.a.w. “Siapa yang akan membunuh Ka‘ab bin al-Ashraf yang telah mengganggu Allah dan Rasul-Nya?” Muhammad bin Maslamah berkata, “ Saya akan pergi menemuinya (Ka ‘ab) dan berkata, “Tolong sekarang kamu pinjamkan kepada kami seekor atau dua ekor unta yang dimuatkan dengan makanan. Ka’ab berkata; “ Gadaikan isteri-isteri kamu kepadaku”. Mereka berkata; “ Bagaimana mungkin kami menggadaikan isteri-isteri kami kepadamu padahal kamu adalah orang Arab yang paling tampan?” Ka’ab berkata, “Kalau begitu gadaikan anak-anakmu kepadaku.” Mereka berkata, “ Bagaimana mungkin kami menggadaikan anak-anak kami kepadamu kerana mereka akan dihina oleh orang ramai dengan berkata bahawa si fulan digadaikan untuk seekor unta bermuatan makanan. Keadaan ini akan meletakkan kami di dalam

kehinaan. Kami akan menggadaikan senjata kami kepadamu”. Muhammad bin Maslamah dan sahabatnya berjanji kepada Ka’ab bahawa mereka akan datang kembali kepadanya. Maka mereka membunuhnya. Setelah itu mereka pergi memberitahu Nabi s.a.w.

**b) Takhrij Hadith;**

Kedudukannya di dalam *al-Kutub Al-Sittah* ; **Ṣaḥīḥ Bukhārī** oleh Imam Bukhārī, *Kitab Al-Rahn, Bab Rahn al-Silah*,<sup>117</sup> dan kitab *al-Maghazi, bab Qatl Kaab b. al-Ashraf*.<sup>118</sup>

**c) Darjat Hadīth ;**

Hadīth ini ṣaḥīḥ. Ia diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī (W. 256 H) dalam kitab ṣaḥīḥnya.

**7. Ḥadīth Ketujuh**

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ حُمَيْدٍ حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ الْمُخْتَارِ عَنْ إِسْحَقَ بْنِ رَاشِدٍ عَنِ الزُّهْرِيِّ عَنْ سَعِيدِ بْنِ  
الْمُسَيَّبِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ  
أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا يَغْلِقُ الرَّهْنَ

**a) Maksud Ḥadīth;**

Diriwayatkan daripada Sa’id b. Musayyab daripada Abu Hurayrah berkata; Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda; “Barang gadaian tidak akan hilang

<sup>117</sup> al-Bukhari, juz. 8, h. 428, no. hadith 2327,

<sup>118</sup> al-Bukhari, juz 12, h. 429, no. hadith 3731.

daripada pemiliknya yang menggadaikan. Segala keuntungan menjadi miliknya dan segala kerugian ditanggung olehnya”.

**b) Takhrij Hadīth;**

Kedudukannya di dalam *al-Kitab Al-Sittah*; **Sunan Ibn Mājah** oleh Al-Ḥāfiẓ Abū ‘Abd Allah Muhammad bin Yazīd al-Qazwinī, *Kitab Al-Ahkām, Bab Lā Yaghlaq Al-Rahn*.<sup>119</sup>

**c) Darjat Hadith**

Busayri berkata di dalam kitabnya *Al-Zawāid*, sanad hadith ini adalah ḍaif iaitu pada Muhammad b. Hamid al-Rāzi. Sekiranya thiqah pada Ibn Mu ‘ayyan dalam satu riwayat, namun ḍaif pada riwayat yang lain. Ahmad, Al-Nasāie dan Al- Jawzajāni juga mengatakan ḍaif. Ibn Ḥibbān berpendapat bahawa sifat beliau adalah thiqah al-maqlubah iaitu kebolehpercayaan pada diri Muhammad b. Hamid yang berbolak-balik (tidak tetap).<sup>120</sup> Begitu juga Muhammad Naṣir-al-Dīn al-Albāni menyatakan hadith ini ḍaif.<sup>121</sup>

---

<sup>119</sup> Ibn Mājah, op.cit., juz. 7, h. 291, no. hadith 2432.

<sup>120</sup> Lihat Abi Hasan al-Hanafi(1996), *Sunan Ibn Majah*, j. 3, Dar al-Ma‘rifah, Beirut: Lubnan,h. 161, Shihab al-Din Abu ‘Abbas Ahmad Bin Abi Bakr Bin Ismail Bin Salim(1436),*Miṣbāh al-Zujājah fi Zawāid Ibn Mājah*, al-Ṭaba ‘ah : al-Miṣri, h. 242 dan Abi Muhammad Abdul Rahman b. Abi Hatim Muhammad b. Idris b. Munzir al-Razi (1952), *al-Jarah wa al-Ta’dil*, j.7, c.1, Dar al-Kutub al- Ilmiyyah : Beirut, Lubnan, h. 232-235.

<sup>121</sup> Muhammad Naṣir-al-Dīn al-Albāni((1408 H), *Dai ‘if Sunan Ibn Mājah*,c.1, Maktabah al-Tarbiyyah al- ‘Arabiyyah li duwal al-Khalīj al-Riyāḍ, Beirut, h. 190.

## 2.5 Kesimpulan

Memang tidak dapat dinafikan bahawa *takhrij* merupakan salah satu cabang ilmu hadith yang sukar untuk dilaksanakan kerana ia memerlukan penelitian yang mendalam terhadap satu-satu hadith. Ini bertujuan bagi menentukan kesahihan hadith tersebut dan dapat mengelakkan dari berlakunya penyelewengan terhadap sumber hadith. Oleh kerana itu, pengkajian mengenai ilmu *takhrij* perlu diperkembangkan dan diperluaskan pada setiap peringkat institusi pengajian tinggi.

Di dalam bab seterusnya, pengkajian akan berkisar kepada analisis hukum hadith-hadith *al-Rahn* yang mana hadith-hadith yang telah ditakhrij, akan dijadikan sebagai hujah di dalam meneruskan topik perbahasan.

## BAB 3

### ANALISIS *FIQH* ḤADITH –ḤADITH *AL-RAHN*

#### 3.1 Pengenalan

Bab ini merupakan intipati daripada kajian yang dijalankan oleh penulis. Oleh yang demikian, perbincangan lebih ditumpukan di dalam bab ini yang mana penulis akan membawakan nas dari al-Hadith terlebih sebelum membicarakan lebih lanjut berkenaan dengan hukum fiqh yang berkaitan dengannya. Ini bertujuan agar kajian tidak menyimpang dari landasan asal untuk menjadikan nas al-Hadith sebagai akar tunjang dalam mengeluarkan sesuatu hukum muamalat.

#### 3.2 Analisis Hukum Hadith-Hadith *Al-Rahn*

##### 3.2.1 Keharusan Melaksanakan *Al-Rahn*

اشْتَرَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ يَهُودِيٍّ طَعَامًا بِنَسِيئَةٍ فَأَعْطَاهُ دِرْعًا  
لَهُ رَهْنًا<sup>122</sup>

1. Berdasarkan hadith di atas, jelas menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah melakukan gadaian dengan seorang Yahudi.
2. Imam Shāfi'e, Mālik, Abū Ḥanīfah dan Ahmad dan semua ulama' menyatakan bahawa harus mengadakan mu'amalah dengan gadaian .

---

<sup>122</sup> Teks keseluruhan hadith ini boleh dilihat di halaman 56, hadith ketiga.

3. Mujāhid dan Dawūd mengatakan bahawa tidak harus melakukan gadaian melainkan ketika musafir dengan berdasarkan dalil al-Quran dari surah al-Baqarah , ayat 283 .<sup>123</sup> yang berbunyi;

وَإِنْ كُنْتُمْ عَلَىٰ سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوا كَاتِبًا فَرِهْنَ مَقْبُوضَةٌ

Maksudnya;

Jika kamu dalam perjalanan (dan bermu'amalah tidak secara tunai) sedang kamu tidak memperoleh seorang penulis, maka hendaklah ada barang tanggungan yang dipegang.

4. Ulama' juga telah bersetuju bahawa ayat di atas merupakan dalil bahawa kehadiran penulis ( كاتب ) tidaklah menjadi perkara yang wajib.
5. *Jumhur* ulama' dan Imam Bukhari berkata, bermukim merupakan isyarat bahawa perkataan *safar* (bermusafir) dalam ayat di atas adalah dalam konteks yang umum berdasarkan keterangan hadith yang mensyari'atkan gadaai ketika bermukim. Mereka berhujah dari segi makna bahawa gadaai disyari'atkan sebagai suatu yang dijadikan pegangan atas suatu hutang.
6. Ulama' juga berpendapat bahawa syarat gadaian tidak perlu diadakan sekiranya penggadaai dan pemegang gadaian saling percaya mempercayai. Ini berdasarkan firman Allah s.w.t. di dalam surah al-Baqarah ayat 283 yang berbunyi;

فَإِنْ أَمِنَ بَعْضُكُم بَعْضًا فَلْيُؤَدِّ الَّذِي أُؤْتِمِنَ أَمْنَتَهُ

---

<sup>123</sup> al-Nawawi(t.t.),*Ṣaḥīḥ Muslim*, juz 10, h. 40.

Maksudnya;

Akan tetapi jika sebahagian kamu mempercayai sebahagian yang lain, maka hendaklah yang dipercayai itu menunaikan amanatnya (hutangnya).

7. Mujāhid dan Adh-Dakhāk berbeza pendapat sebagaimana dinukil oleh Al-Ṭobari dari keduanya yang mana mereka berkata, “gadai tidak disyariatkan kecuali ketika musafir dan tidak ada seorang penulis”.<sup>124</sup>

8. Imam Ahmad menambahkan dari jalur Syaibān dengan hadith berbunyi;<sup>125</sup>

فما وجد النبي صلى الله عليه وآله وسلم ما يفتكها به حتى مات

Maksudnya; Beliau s.a.w. tidak menemukan penebusnya hingga wafat.

Di sini terdapat dalil bahawa maksud sabda Nabi s.a.w. pada hadith Abu Hurairah “نفس المؤمن معلقة بدينه حتى يقضى عنه” bermaksud (jiwa seorang mukmin tergantung kerana hutangnya hingga dilunasi hutang tersebut) adalah selain dari para nabi. Ini kerana jiwa mereka tidak tergantung dengan hutang dan ini merupakan keistimewaan mereka.

9. Hadith tersebut telah disahihkan oleh Ibn Hibbān dan selainnya dengan lafaz من لم يترك عند صاحب الدين ما يحصل له به الوفاء " bermaksud (Barangsiapa tidak meninggalkan pada pemberi wang sesuatu yang boleh melunasi hutang ....) Pendapat ini menjadi kecenderungan Al-Māwardi.<sup>126</sup>

---

<sup>124</sup> Ibn Hajar al-Asqalani(2007), op.cit., h. 139-140.

<sup>125</sup> Ibid.h.140

<sup>126</sup> Ibid. h. 140

Sementara itu Ibn Al-Ṭala' dalam kitab Aqḍīyyah Al-Nabawīyyah,<sup>127</sup> menyebutkan bahawa Abu Bakar menebus baju besi yang dimaksudkan itu setelah Nabi s.a.w. wafat. Tetapi Ibn Sa'ad meriwayatkan dari Jābir bahawa Abu Bakar memenuhi keperluan isteri-isteri Nabi s.a.w. dan Ali melunasi hutangnya.

Ishāq bin Rahawaih dalam musnadnya meriwayatkan dari Al-Sha'bi secara *mursal* berbunyi;<sup>128</sup> “ ان ابا بكر افتك الدرع وسلمها لعلي بن ابي طالب ” maksudnya (Sesungguhnya Abu Bakar menebus baju besi lalu menyerahkannya kepada Ali bin Abi Talib). Pendapat mereka yang mengatakan bahawa Nabi s.a.w. menebusnya sebelum wafat adalah bertentangan dengan hadith 'Aishah r.a.

### 3.2.2 Jenis Barang Gadaian

وَلَقَدْ رَهَنَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دِرْعَهُ بِشَعِيرٍ وَمَشَيْتُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِخُبْزِ شَعِيرٍ وَإِهَالَةٍ سَنَخَةٍ وَلَقَدْ سَمِعْتُهُ يَقُولُ مَا أَصْبَحَ لِآلِ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَّا صَاعٌ وَلَا أَمْسَى وَإِنَّهُمْ لَتَسْعَةُ أَبْيَاتٍ<sup>129</sup>

1. Hadith di atas menyatakan bahawa nabi s.a.w. telah menggadaikan baju besinya untuk mendapatkan gandum.
2. Imam Ahmad telah menjelaskannya melalui jalur Abbān Al-Aṭār dari Qatādah dari Anas bahawasanya seorang Yahudi memanggil Rasulullah s.a.w. maka beliau memenuhi panggilannya. Orang Yahudi yang

<sup>127</sup> Ibid., h. 146.

<sup>128</sup> Ibid.

<sup>129</sup> Teks keseluruhan hadith ini boleh dilihat di halaman 58, hadith keempat.



dimaksudkan adalah Abu Shahm seperti dijelaskan oleh Imam Shafi'i dan Al-Baihāqi dari jalur Ja'far bin Muhammad dari bapanya berbunyi;

ان النبي صلى الله عليه وسلم رهن درعا له عند ابي الشحم اليهودي رجل من  
بني ظفر في شعير

Maksudnya; Sesungguhnya Nabi SAW menggadaikan baju besi miliknya kepada Abu Shahm yaitu seorang Yahudi dari bani Zufri sebagai jaminan menghutang sha'ir (gandum).

3. Jumlah sha'ir yang dihutang oleh Nabi s.a.w. adalah sebanyak 30 šā'. Begitu juga Imam Ahmad, Ibn Mājah, Al-Ṭabrāni dan lainnya meriwayatkan dari jalur Ikrimah dari Ibn Abbās. Imam Al-Tirmidhī dan Nasā 'ī juga meriwayatkan dari jalur yang sama dengan lafaz " بعشرين " (dua puluh).

تُوفِّي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَدِرْعُهُ مَرْهُونَةٌ عِنْدَ يَهُودِيٍّ بِثَلَاثِينَ صَاعًا  
مِنْ شَعِيرٍ

Maksudnya;

Daripada 'Aisyah r.a. berkata, Rasulullah s.a.w. telah wafat sedangkan baju besinya digadaikan pada seorang Yahudi sebanyak 30 sha'ir gandum.

4. Berkemungkinan jumlah sebenarnya adalah kurang dari 30 šā'. Kemudian dalam riwayat Ibn Hibbān dari jalur Syaibān dari Qatādah , dari Anas disebutkan bahawa harga makanan itu adalah satu dinar.<sup>130</sup>

Ringkasnya, pada masa nabi s.a.w. masih hidup baginda telah melakukan gadaian dengan gandum. Namun begitu ini tidak bermakna hanya gandum

---

<sup>130</sup> Ibn Hajar al-Asqalani (2007), op.cit., h. 139-141.

sahaja yang boleh dijadikan barang gadaian. Mengikut hukum fiqh, barang tersebut hendaklah disyaratkan mempunyai nilai harta.

Shaikh Muhammad al-Khaṭīb al-Sharbīnī menyatakan tidak harus menggadaikan sesuatu yang bukan harta seperti bangkai, binatang buruan ketika berihram dan sebagainya.. Juga tidak sah menggadai manfaat sesuatu benda seperti menggadai manfaat kediaman rumah selama setahun kerana ia bukan benda dan ia semakin lenyap yang tidak boleh dijadikan cagaran hutang.<sup>131</sup> Begitu juga tidak sah gadai hutang yang telah sedia ada walaupun kepada orang yang memberi hutang kerana ia bukan benda dan tidak dapat diserahkan kepada pemegang gadai.

Tidak sah menggadai dua biji beras kerana dua biji beras tidak mempunyai nilai di pasaran. Begitu juga barang yang berbentuk najis seperti arak dan babi. Namun begitu bagi golongan ahli *dhimmah* boleh mengadaikan arak dan babi di antara sesama mereka kerana pada mereka barang tersebut adalah barang yang mempunyai nilai.<sup>132</sup>

---

<sup>131</sup> al-Sharbīnī, *Mughni al-Muhtāj*, op.cit., j. 2, h. 122.

<sup>132</sup> al-Bājuri, *Hashiyyah al-Bajuri*, op.cit., j. 1, h. 360.

### 3.2.3 Tempoh Gadaian

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اشْتَرَى طَعَامًا مِنْ يَهُودِيٍّ إِلَى أَجَلٍ وَرَهْنَهُ  
دِرْعًا مِنْ حَدِيدٍ<sup>133</sup>

1. Hadith di atas menyatakan bahawa nabi s.a.w. membeli makanan daripada seorang Yahudi dengan menggadaikan baju besinya dan menebusnya kembali hingga waktu yang ditentukan.
2. Di dalam Sahih Ibn Hibbān dari jalur Abdul Wahid bin Ziyad dari Al A'masy menjelaskan batas waktunya ialah satu tahun.<sup>134</sup>
3. Hadith di atas juga diperkukuhkan lagi dengan hadith yang diriwayatkan daripada Al-Aswad daripada 'Aisyah berbunyi ;

اشْتَرَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ يَهُودِيٍّ طَعَامًا بِنَسِيئَةٍ فَأَعْطَاهُ  
دِرْعًا لَهُ رَهْنًا

Daripada hadith di atas jelas menunjukkan bahawa nabi s.a.w. pernah membeli makanan dengan cara menanggungkan bayaran tetapi menjadikan baju besinya sebagai cagaran.

### 3.2.4. Hukum Menggunakan Manfaat Daripada Barang Gadaian

عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ كَانَ يَقُولُ الرَّهْنُ يُرْكَبُ بِنَفَقَتِهِ وَيُشْرَبُ  
لَبْنُ الدَّرِّ إِذَا كَانَ مَرْمُونًا<sup>135</sup>

<sup>133</sup> Teks keseluruhan hadith ini boleh dilihat di halaman 56, hadith ketiga.

<sup>134</sup> Ibid., h. 145.

<sup>135</sup> Teks keseluruhan hadith ini boleh dilihat di halaman 54, hadith kedua.

1. " الرهن يركب بنفقته " yang bermaksud haiwan yang digadaikan, ditunggangi sesuai dengan biayanya. Pada semua riwayat, ayat yang tercantum adalah dalam bentuk pasif iaitu ditunggangi. Begitu juga dengan perkataan “diperah”. Kalimah-kalimah tersebut membawa maksud perintah. Namun begitu, tidak dijelaskan dengan pasti apa yang diperintahkan.<sup>136</sup>

2. Dalam sebuah hadith yang lain menyatakan haiwan yang digadai boleh ditunggangi atau diambil susunya sesuai dengan biaya yang telah dikeluarkan terhadap haiwan tersebut.

وَقَالَ مُغِيرَةُ عَنْ إِبْرَاهِيمَ تُرْكَبُ الصَّالَّةُ بِقَدْرِ عِلْفِهَا وَتُحْلَبُ بِقَدْرِ عِلْفِهَا وَالرَّهْنُ مِثْلُهُ

Maksudnya;

Mughirah berkata dari Ibrahim, “ Haiwan tersesat/hilang ditunggangi sesuai dengan kadar (biaya) makanannya, diperah sesuai kadar (biaya) makanannya dan gadai juga seperti itu.

3. Dalam riwayat Al-Kashmihāni disebutkan dengan lafaz “ بقدر عملها “ bermaksud (sesuai dengan biaya pekerjaannya). Namun begitu versi pertama lebih tepat. Sa’id bin Manshur meriwayatkan athar ini dengan sanad yang maṣūl dari Hushaim dari Mughīrah.<sup>137</sup>

---

<sup>136</sup> Ibn Hajar al-Asqalani(2007), op.cit., h. 151.

<sup>137</sup> Ibid.

4. “ هل ثم نهرل او ” bermaksud (dan gadai sama seperti itu) iaitu sama dari segi hukum yang disebutkan. Lafaz ini disebutkan dengan sanad yang *mauṣul* oleh Sa'id bin Manṣur melalui jalur seperti di atas dengan lafaz,

" الدابة اذا كانت مرهونة تركب بقدر علفها, واذا كان لها لبن يشرب بقدر علفها "

bermaksud, ( Haiwan tunggangan apabila digadaikan maka ditunggangi sesuai dengan kadar/biaya makanannya dan apabila ia memiliki air susu maka air susu itu diminum sesuai dengan kadar/biaya makanannya).

Hammād bin Salamah dalam kitabnya *Al-Jamī'* meriwayatkan dari Hammād bin Abi Sulayman dari Ibrahim dengan lafaz yang jelas,

" اذا ارتهن شاة شرب المرتهن من لبنها بقدر ثمن علفها, فاذا استفضل من اللبن بعد ثمن العلف فهو ربا "

Maksudnya; (Apabila seekor kambing digadaikan maka pemegang gadai boleh meminum air susunya sesuai dengan kadar/biaya makanan kambing itu. Apabila ia mengambil air susu lebih dari harga makanan kambing itu maka itu adalah *riba*).<sup>138</sup>

#### 3.2.4.1 Penggunaan Barang Gadaian Oleh Penggadai

1. Imam Shāfi'ī berkata, “ Kemungkinan yang dimaksudkan hadith di atas itu adalah barangsiapa yang menggadaikan haiwan yang memiliki air susu atau haiwan tunggangan, maka pemiliknya tidak boleh dilarang untuk

---

<sup>138</sup> Muhammad b. 'Alī b. Muhammad al-Shaukāni(t.t), h. 264.

mengambil air susu atau menunggangnya. Maka haiwan itu tetap diperah dan ditunggangi oleh pemiliknya seperti halnya sebelum digadaikan.”<sup>139</sup>

2. Pernyataan ini disanggah oleh Al-Ṭahawī seperti yang diriwayatkan oleh Husyaim dari Zakaria dengan lafaz, " إذا كانت الدابة مرهونة فعلى المرتهن علفها " yang bermaksud, (Apabila haiwan digadaikan, maka pemegang gadai wajib menanggung makanannya). Menurut beliau, yang dimaksudkan oleh hadith adalah pemegang gadai, bukan orang yang menggadaikan.<sup>140</sup>
3. Seterusnya beliau mengatakan hadith di atas berlaku sebelum turunnya pengharaman riba'. Setelah diharamkan riba', maka seluruh bentuknya juga diharamkan seperti menjual air susu dari haiwan tersebut. Hukum yang membolehkan bagi pemegang gadai untuk mengambil manfaat dari barang yang digadaikan dihapuskan. Begitu juga dengan hutang yang mendatangkan manfaat bagi pemberi hutang.<sup>141</sup>
4. Pendapat ini disanggah kerana penghapusan suatu hukum tidak dapat ditetapkan berdasarkan kemungkinan dan untuk mengetahui mana di antara kedua dalil itu yang lebih utama tidak mungkin dapat dipastikan .
5. Jalur periwayatan Husyaim yang disebutkan di atas telah didakwa oleh Ibn Hazm bahawa Ismail bin Salim Al-Sha'igh telah menyendiri dalam menukil “keterangan tambahan” dari Husyaim dan hal ini merupakan kekeliruannya

---

<sup>139</sup> Ibn Hajar al-Asqalani(2007), op.cit., h. 153.

<sup>140</sup> Ibid.

<sup>141</sup> Ibid.

yang mencampuradukkan hadith. Namun begitu pendapat ini dikritik bahawa Imam Ahmad telah meriwayatkannya dalam Musnadnya dari Husyaim.<sup>142</sup>

6. Sementara itu Al-Auzā'i, Al-Laith dan Abu Thaūr bahawa hadith di atas berlaku apabila pemilik gadai enggan membiayai perawatan sesuatu yang digadaikan. Maka ketika itu pemegang gadai diperbolehkan untuk mengeluarkan biaya perawatan haiwan yang digadaikan. Selain daripada itu, dia juga diperbolehkan untuk mengambil manfaat dengan menunggangi atau meminum air susu haiwan itu sebagai imbalan nafkah (biaya) yang dikeluarkan dengan syarat manfaat yang diambil tidak melebihi biaya yang dikeluarkan.<sup>143</sup>

7. Secara kesimpulannya, para 'ulama' berselisih pendapat mengenainya kepada dua pendapat ;

i) Pendapat kebanyakan 'ulama' selain 'ulama' mazhab Shafi'ie iaitu tidak harus penggadai mengambil manfaat dengan barang gadaian.

'Ulama' mazhab Hanafi berpendapat tidak harus penggadai mengambil manfaat dari barang gadaian kecuali dengan keizinan pemegang gadaian. Alasan mereka ialah penahanan barang gadaian adalah hak pemegang gadaian secara berterusan dan ini menghalang penarikan balik barang gadaian oleh penggadai. Penggadai tidak boleh mengambil manfaat dari barang gadaian kecuali dengan keizinan pemegang gadaian.

---

<sup>142</sup> Ibid.

<sup>143</sup> Ibid., h. 154.

Jika penggadai mengambil manfaat dari barang gadaian yang berbentuk hangus tanpa izin pemegang gadaian, seperti memakan buah pohon yang digadai, maka wajib ia mengganti nilainya dan dikira sebagai sebahagian daripada barang gadaian. Manakala manfaat dari barang gadaian berbentuk tidak hangus yang diguna tanpa izin pemegang seperti mendiami rumah maka penggadai perlu dipaksa menyerahkan barang gadaian kepada pemegang gadaian. Pendapat ini juga disokong oleh mazhab Hanafi..<sup>144</sup>

Ulama' mazhab Maliki mempunyai pendapat yang lebih ketat dari pendapat ulama' mazhab Hanafi dan Hanbali kerana mereka berpendapat bahawa tidak harus penggadai mengambil manfaat dari barang gadaian dan keizinan pemegang gadaian untuk bermanfaat dengan barang gadaian adalah membatalkan gadaian kerana keizinan itu memberi erti bahawa pemegang gadaian mengenyepikan haknya terhadap gadaian.<sup>145</sup>

- ii) *Jumhur* ulama' mengatakan harus pemilik (penggadai) untuk mengambil manfa'at dari barang gadaian tetapi ia perlu memberi nafkah atau membiayai kos penyelenggaraannya kerana maksud daripada hadith bahawa *al-rahn* itu jangan dicuai atau ditangguhkan manfa'atnya.<sup>146</sup>

'Ulama' mazhab Shafi'ie berpendapat harus penggadai mengambil manfaat dengannya selama mana ia tidak membawa kepada kekurangan barang gadaian seperti mengenderai kereta, mendiami rumah, memakai

---

<sup>144</sup> Ibn Qudāmah, op.cit.,j. 4, h. 390.

<sup>145</sup> al-Dardir (t.t.), *al-Sharḥ al-Kabīr*, juz 3, Mesir: Matba'ah al-Babi al-Halabi, h. 244.

<sup>146</sup> al-Ḥafīz Abi Abdullah Muhammad b. Yazid al-Qazwayni(t.t), *Sunan Ibn Majah*, j. 16, h. 816.



barang kemas dan memuatkan muatan ke atas binatang atau kereta kerana segala manfaat barang gadaian dan hasilnya adalah milik penggadai dan tidak berkait hutang dengannya.

Jika sekiranya penggunaan barang gadaian boleh menimbulkan kekurangan nilainya seperti dibina bangunan di atas tanah gadaian, maka penggadai tidak boleh menggunakannya kecuali setelah mendapat keizinan dari pemegang gadaian kerana meraikan haknya.<sup>147</sup>

Setelah diteliti dari pelbagai hujjah, penulis berpendapat bahawa penggadai harus menggunakan manfa'at daripada barang gadaian dengan syarat ia memberi nafkah atau membiayai kos penyelenggaraannya.

#### **3.2.4.2 Penggunaan Barang Gadaian Oleh Pemegang Gadaian**

1. Harus bagi pemegang gadai menggunakan manfaat sekiranya ia telah mengeluarkan belanja bagi membiayai barang gadaian tersebut.
2. Hammād bin Salamah dalam kitabnya Al-Jami' meriwayatkan dari Hammād bin Abi Sulayman dari Ibrahim dengan lafaz yang jelas,<sup>148</sup>

" إذا ارتهن شاة شرب المرتهن من لبنها بقدر ثمن علفها, فإذا استفضل من اللبن بعد ثمن العلف

فهو ربا "

Maksudnya; (Apabila seekor kambing digadaikan maka pemegang gadai boleh meminum air susunya sesuai dengan kadar/biaya makanan kambing

---

<sup>147</sup> al-Sharbini al-Khatib (t.t.), op.cit., juz 2, h. 131.

<sup>148</sup>Ibid.

itu. Apabila ia mengambil air susu lebih dari harga makanan kambing itu maka itu adalah riba.

3. Maksud perkataan *ar-rahn* pada rangkai kata hadith, "الرهن يركب" "ذ ف ق ت ه" seperti di dalam hadith di atas adalah al-marhun (yang digadaikan). Hal ini telah pun dijelaskan pada hadith yang bermaksud, "Punggung haiwan itu ditunggangi sesuai dengan biayanya apabila digadaikan". Begitu juga dengan hadith, "وعلى الذي يركب ويشرب ل ذ ف ق ت ه", "bagi yang menunggang dan meminum wajib menanggung biayanya" iaitu sesiapa pun orangnya dan ini adalah makna zahir dari hadith.<sup>149</sup>
4. Ahmad dan Ishāk membolehkan pemegang gadai untuk mengambil manfaat dari apa yang digadaikan apabila dia mengeluarkan biaya atau untuk merawatnya walau pun tidak diizinkan oleh pemilik barang..<sup>150</sup>
5. Sebahagian ulama' berpendapat pemegang gadai boleh memanfaatkan haiwan gadaian dengan cara menunggangi atau memerah susunya sesuai dengan biaya makanannya dan tidak boleh mengambil manfaat selain dari dua cara itu berdasarkan makna yang difahami dari hadith tersebut.<sup>151</sup>
6. Dakwaan yang mengatakan lafaz itu bersifat *mujmal* (global) menunjukkan tentang keharusan mengambil manfaat sebagai imbalan biaya yang dikeluarkannya. Namun begitu hal ini khusus kepada pemegang gadai sahaja walau pun hadith itu bersifat global. Pemanfaatan orang yang menggadaikan

---

<sup>149</sup> Ibid.

<sup>150</sup> al-Hafiz Abi al-'Ula Muhammad 'Abdul Rahman b. 'Abd al-Rahim al-Mubarakfuri(t.t.), *Tuhfah al-Ahwadhi bi Sharh Jami' al-Tarmidhi*, juz 4, Madinah: Muhammad 'Abd. Al-Muhsin al-Katabi, h. 461.

<sup>151</sup> Ibid.

terhadap barang yang digadaikan adalah kerana dia pemiliknya berbeza dengan pemegang barang yang digadaikan.<sup>152</sup>

7. Jumhūr ulama' berpendapat bahawa pemegang gadai tidak boleh mengambil manfaat apapun dari barang yang digadaikan. Mereka mentakwilkan hadith di atas kerana menyalahi qias dari dua segi iaitu ;

**Pertama**, membolehkan kepada selain pemilik untuk menunggang dan minum tanpa izin pemiliknya.

**Kedua**, mengharuskan untuk mengganti manfaat itu dengan nafkah, bukan dengan harga.

8. Ibn Abdil Barr berkata, “Hadith ini menurut majoriti ahli feqh adalah tertolak dengan kaedah dasar yang telah disepakati serta *athar* yang tidak diperselisihkan tentang kesahihannya bahkan hadith ini *mansukh* (dihapuskan hukumnya) berdasarkan hadith Ibn Umar yang telah disebutkan pada perbahasan tentang perbuatan aniaya yang berbunyi, “ لا تحلب ما شذية امرئ بغير اذنه ” yang bererti (Tidak boleh memerah haiwan ternak seseorang tanpa izinnya).<sup>153</sup>

9. Sebahagian ulama' mengatakan bahawa hikmah penggunaan perkataan al-darr dan tidak menggunakan perkataan al-laban<sup>154</sup> adalah sebagai isyarat bahawa apabila pemegang gadai itu memerah susu haiwan tersebut maka ia diharuskan kerana al-darr adalah air susu yang keluar terus dari sumbernya.

---

<sup>152</sup> Ibn Hajar al-Asqalani(2007), op.cit., h. 152.

<sup>153</sup> Ibid.

<sup>154</sup> Perkataan darr dan laban kedua-duanya bermakna air susu, cuma al-darr digunakan untuk air susu yang masih dalam kantong susu haiwan manakala laban digunakan untuk yang masih dalam kantong susu atau pun yang telah diperah.

Berbeza dengan air susu yang berada di dalam wadah (bekas) lalu digadaikan maka keadaan seperti ini tidak diharuskan mengambil manfaat darinya walau sedikitpun.<sup>155</sup>

10. Al-Muwaffiq berhujjah dalam kitab Al-Mughni bahawa nafkah haiwan adalah wajib. Pada masa yang sama pemegang gadai memiliki hak pada haiwan yang digadaikan itu. Pemenuhan haknya terlaksana dengan memelihara dan menjaga haiwan yang digadaikan. Kemudian pekerjaannya ini diberi imbalan dengan mengambil manfaat dari haiwan yang digadaikan. Perkara ini diharuskan seperti mana apabila suami enggan memberi nafkah kepada isteri maka isteri boleh mengambil harta suami tanpa izinnya.<sup>156</sup>

11. Ulama' mazhab Hanafi berpendapat bahawa tidak harus pemegang gadaian bermanfaat dengan barang gadaian seperti mengenderai, mendiami, memakai dan membaca barang gadaian kecuali setelah mendapat keizinan dari penggadai kerana pemegang gadaian hanya mempunyai hak menahan barang gadaian sahaja dan tidak berhak bermanfaat dengannya. Oleh kerana itu jika ia menggunakan barang gadaian tanpa izin penggadai dan meyebabkan kerosakannya hendaklah ia membayar nilainya.

Jika sekiranya penggadai memberi izin kepadanya untuk menggunakan barang gadaian, para ulama' mazhab Hanafi berselisih pendapat mengenainya iaitu;

- i) Harus menggunakannya.

---

<sup>155</sup> Ibid., h.154.

<sup>156</sup> Ibid.

- ii) Tidak harus kerana ia adalah riba atau menyerupai riba. Keizinan tidak menghalalkan riba dan yang menyerupainya.
- ii) Jika pemegang gadaian mensyaratkan boleh mengambil manfaat dengan barang gadaian di dalam akad, maka ia adalah haram kerana ia adalah riba dan jika tidak disyaratkannya di dalam akad maka ia adalah harus kerana ia merupakan *tabarru'* dari penggadai kepada pemegang gadaian.<sup>157</sup>

12. Ulama' mazhab Maliki berpendapat harus pemegang gadaian mengambil manfa'at dengan barang gadaian jika diizinkan oleh penggadai atau pemegang gadaian mensyaratkan bahawa ia boleh mengambil manfa'at dengannya jika sekiranya hutang itu disebabkan jual beli atau sebagainya dan ditentukan masa bermanfa'at dengan barang gadaian kerana ia merupakan jualbeli dan sewa .

Jika hutang tersebut adalah dengan sebab berhutang (*Qard*), maka tidaklah harus sama sekali pemegang gadaian memanfa'atkan barang gadaian tersebut samada disyaratkan atau tidak atau sama ada diizinkan oleh penggadai atau tidak atau sama ada ditentukan masa memanfa'atkannya atau tidak kerana ia merupakan hutang yang memberi manfa'at kepada empunya hutang dan ia termasuk di dalam riba.<sup>158</sup>

13. Ulama' mazhab Shafi'e berpendapat tidak harus pemegang gadaian mengguna atau memanfa'atkan dengan barang gadaian kerana segala bentuk manfa'at adalah termasuk di dalam lebihan atau hasilan barang gadaian. Jika

---

<sup>157</sup> Ibn Abidin(t.t.), *Hashiah Rad al-Mukhtar*, juz 5, Mesir: Matba'ah al-Babi al-Halabi, h. 342.

<sup>158</sup> al-Dardir(t.t.), op.cit., juz 3, h. 246.

pemegang gadaian mensyaratkan sesuatu yang memudharatkan penggadai di dalam akad hutang seperti disyaratkan hasil atau manfa'at barang gadaian adalah haknya maka batal syarat kerana syarat itu menyalahi kehendak akad tersebut.

Tetapi jika sekiranya manfa'at gadaian ditentukan kadarnya dan disyaratkan gadai di dalam jual beli, maka harus disyaratkan manfa'at itu bagi pemegang gadaian kerana ia merupakan gabungan di antara jual beli dan sewa di dalam satu akad dan ia diharuskan . Contohnya A berkata kepada B; “ Saya jual kereta ini kepada engkau dengan harga sebanyak RM 10,000 dengan syarat engkau gadaikan rumah engkau kepada saya sebagai cagarannya dan saya mendiaminya selama setahun”.

Akad ini menunjukkan bahawa sebahagian dari kereta tersebut dikira barang jualan dan bakinya dikira sewaan sebagai balasan kepada mendiami rumah tersebut.<sup>159</sup>

14. Ulama' mazhab Hanbali berpendapat jika sekiranya barang gadaian itu bukan dari jenis binatang seperti rumah, tanah dan barang kemas, maka tidaklah harus pemegang gadaian memana'atkannya tanpa izin penggadai kerana barang gadaian dan hasilnya adalah milik penggadai.

Jika penggadai memberi keizinan kepada pemegang gadaian memana'atkan barang gadaian tanpa bayaran sedangkan gadaian disebabkan oleh memberi hutang (*Qard*), maka tidak harus pemegang gadaian memana'atkan

---

<sup>159</sup> al-Sharbini al-Khatib (t.t.), op.cit., juz 2, h.121.

dengannya kerana ia merupakan hutang yang memberi manfa'at kepada pemegang gadaian dan ia diharamkan.

Jika sekiranya hutang gadaian itu disebabkan oleh selain daripada memberi hutang seperti harga jualan bertanggung atau bayaran sewa, maka haruslah pemegang gadaian memana'atkannya dengan keizinan penggadai dan harus juga ia memana'atkan dengan barang gadaian dengan bayaran sewa setara samada pada hutang atau lainnya kerana ia hanya memana'atkan dengan sewa , tidak dengan hutang.

Berhubung dengan perkara ini, jika pemegang gadaian memana'atkan barang gadaian itu tanpa izin penggadai, maka hendaklah dipotong kadar bayaran manfa'at dari hutangnya. Jika barang gadaian itu dari jenis binatang maka harus pemegang gadaian memana'atkannya dengan menunggangnya jika ia dari jenis binatang ditunggang atau diperah susunya jika ia dari jenis binatang yang diperah susunya tanpa izin penggadai setimpal dengan perbelanjaan binatang yang dilakukan oleh pemegang gadaian .<sup>160</sup>

Penulis berpendapat pemegang gadai boleh memana'atkan barang gadaian dengan syarat ia perlu meminta izin dari penggadai dan ia perlu memberi nafkah serta membayar kos penyelenggaraan.

---

<sup>160</sup> Ibn Qudāmah (t.t.), op.cit., juz 4, h. 385.

### 3.2.5 Perselisihan Antara Penggadai Dan Pemegang Gadaian

إِنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَضَى أَنَّ الْيَمِينَ عَلَى الْمُدْعَى عَلَيْهِ<sup>161</sup> ِ

1. Di dalam masalah ini, kenyataan dari pemegang gadai adalah diterima selama mana ia tidak melebihi batas apa yang digadaikan kerana gadaian merupakan saksi bagi pemegang gadai.
2. Ibn At-Ṭīn berkata, “Imam Bukhari cenderung berpendapat bahawa gadaian tidak dapat menempati kedudukan saksi”. Terdapat sebuah hadith yang dijadikan sandaran oleh para ulama’ di dalam membicarakan permasalahan ini.

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ حَدَّثَنَا جَرِيرٌ عَنْ مَنْصُورٍ عَنْ أَبِي وَائِلٍ قَالَ قَالَ عَبْدُ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ مَنْ حَلَفَ عَلَى يَمِينٍ يَسْتَحِقُّ بِهَا مَالًا وَهُوَ فِيهَا فَاجِرٌ لَقِيَ اللَّهَ وَهُوَ عَلَيْهِ غَضَبَانُ فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَصْدِيقَ ذَلِكَ { إِنَّ الَّذِينَ يَشْتَرُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَأَيْمَانِهِمْ ثَمَنًا قَلِيلًا فَفَقَرًا إِلَىٰ عَذَابِ أَلِيمٍ } ثُمَّ إِنَّ الْأَشْعَثَ بْنَ قَيْسٍ خَرَجَ إِلَيْنَا فَقَالَ مَا يُحَدِّثُكُمْ أَبُو عَبْدِ الرَّحْمَنِ قَالَ فَحَدَّثَنَا قَالَ فَقَالَ صَدَقَ لَفِيَّ وَاللَّهِ أَنْزَلْتُ كَانَتْ بَيْنِي وَبَيْنَ رَجُلٍ خُصُومَةٌ فِي بئرٍ فَأَخْتَصَمْنَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ شَاهِدَاكَ أَوْ يَمِينُهُ قُلْتُ إِنَّهُ إِذَا يَخْلِفُ وَلَا يُبَالِي فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ حَلَفَ عَلَى يَمِينٍ يَسْتَحِقُّ بِهَا مَالًا وَهُوَ فِيهَا فَاجِرٌ لَقِيَ اللَّهَ وَهُوَ عَلَيْهِ غَضَبَانُ فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَصْدِيقَ ذَلِكَ ثُمَّ اقْتَرَأَ هَذِهِ الْآيَةَ { إِنَّ الَّذِينَ يَشْتَرُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَأَيْمَانِهِمْ ثَمَنًا قَلِيلًا إِلَىٰ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ }

<sup>161</sup> Teks keseluruhan hadith ini boleh dilihat di halaman 59, hadith kelima.



Maksudnya;

Dari Abu Wa'il dia berkata : Abdullah RA berkata, "Barangsiapa melakukan sumpah yang dapat menentukan hak pemilikan terhadap harta padahal sumpahnya itu palsu maka dia akan bertemu dengan Allah dalam keadaan Allah murka kepadanya. Kemudian Allah membenarkan tentang hal tersebut, "Sesungguhnya orang-orang yang menukar janji (nya dengan) Allah dan sumpah-sumpah mereka dengan harga yang sedikit- beliau membaca hingga ayat- adhab yang pedih." <sup>162</sup>

3. Rasulullah s.a.w. bersabda, "Barangsiapa melakukan sumpah yang dapat menentukan hak pemilikan terhadap harta padahal sumpahnya itu palsu, maka dia akan bertemu Allah dalam keadaan Allah murka kepadanya". Kemudian Allah membenarkan atas perkara tersebut. Kemudian dia membaca ayat, " Sesungguhnya orang-orang yang menukar janji (nya dengan) Allah dan sumpah-sumpah mereka dengan harga yang sedikit – hingga – adhab yang pedih".
  
4. Hadith Abdullah b. Mas'ud dan Asy'ats di atas telah menyebutkan "Dua orang saksimu atau sumpahnya" yang mana dalam kalimah ini terdapat keterangan yang menyatakan keharusan bagi pemegang gadai untuk mendatangkan bukti. <sup>163</sup>

---

<sup>162</sup> Āli 'Imrān , ayat 77.

<sup>163</sup> Ibn Hajar Al-Asqalāni (2007), *Fath al-Bāri-Penjelasan Kitab Sahih al-Bukhari*, buku 14, cet. 3, Jakarta: Pustaka Azzam, h. 157-158.

5. Pada kebiasaannya, perselisihan antara penggadai dan pemegang gadaian berlaku pada beberapa perkara. Antaranya ialah;
- i) Perselisihan berlaku mengenai jumlah wang yang dihutang. Dalam hal ini, *Jumhur Ulama'* mengatakan percakapan penggadai adalah diterima beserta dengan sumpah kerana ia telah mengingkari jumlah wang yang lebih seperti disebut oleh pemegang gadaian.<sup>164</sup> Contohnya penggadai berkata kepada pemegang gadaian; Aku telah menggadaikan barang kepada kamu dengan harga (hutang) RM 2,500.00 tetapi pemegang gadaian menjawab bahawa ia adalah untuk harga RM 3,000.00.
  - ii) Perselisihan berlaku disebabkan kehilangan barang gadaian. Para ulama' bersetuju bahawa percakapan pemegang gadaian diterima kerana kedudukannya sebagai pemegang amanah dan hendaklah disertakan dengan sumpah.<sup>165</sup> Contohnya pemegang gadaian berkata; “Barang tersebut telah hilang “ (tanpa disebut sebab kehilangan).
  - iii) Perselisihan berlaku mengenai jenis barang gadaian. Dalam masalah ini, pengakuan pemegang gadaian adalah diterima kerana dialah yang telah menerima gadaian.<sup>166</sup> Misalnya penggadai berkata; “Gadaian bukannya barang ini”. Pemegang gadaian menjawab ; “Inilah ia barang yang kamu gadaikan pada saya”.

Penulis berpendapat bahawa pihak yang mendakwa sama ada penggadai atau pemegang gadai perlu membawa bukti yang berupa saksi atau sumpah atau kenyataan lain yang berbentuk qarinah untuk menyokong dakwaannya.

---

<sup>164</sup> al-Kasani (1976), *Badāi' al-Sanāi'*, op.cit.,j. 6, h. 174.

<sup>165</sup> Ibid., h. 154.

<sup>166</sup> Ibn Abidin (t.t.), *Al-Durr al-Mukhtār Wa Hashiyyatuh*, j.5, h. 34.

### 3.2.6 Penggadaian Senjata

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ لِكَعْبِ بْنِ الْأَشْرَفِ فَإِنَّهُ قَدْ آذَى اللَّهَ  
وَرَسُولَهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ مُحَمَّدُ بْنُ مَسْلَمَةَ أَنَا فَاتَاهُ فَقَالَ أَرَدْنَا أَنْ  
تُسَلِفَنَا وَسُقَّا أَوْ وَسَقَيْنَ فَقَالَ ارْهَنُونِي نِسَاءَكُمْ قَالُوا كَيْفَ نَرَهْنُكَ نِسَاءَنَا وَأَنْتَ  
أَجْمَلُ الْعَرَبِ قَالَ ارْهَنُونِي أَبْنَاءَكُمْ قَالُوا كَيْفَ نَرَهْنُ أَبْنَاءَنَا فَيَسِبُ أَحَدُهُمْ  
فَيُقَالُ رُهْنٌ بِوَسْقٍ أَوْ وَسَقَيْنَ هَذَا عَارٌ عَلَيْنَا وَلَكِنَّا نَرَهْنُكَ الْأُمَّةَ قَالَ سَفِيَانُ  
يَعْنِي السَّلَاحَ فَوَعَدَهُ أَنْ يَأْتِيَهُ فَقَتَلُوهُ ثُمَّ أَتَوْا النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
فَأَخْبَرُوهُ<sup>167</sup>

1. Di dalam hadith di atas, Sufyān (perawi hadith tersebut) telah mentafsirkan perkataan “ اللامة ” dengan maksud senjata. Ibn Baṭṭal berkata; Dalam kalimat “ Kami menggadaikan kepadamu allāmah” tidak ada dalil yang menunjukkan tentang bolehnya menggadaikan senjata. Namun begitu, ia termasuk *ta'riq* (mengatakan sesuatu yang memberi makna berbeza dengan apa yang dimaksud) yang dibolehkan dalam situasi perang dan selainnya”.<sup>168</sup>
2. Ibn al-Ṭīn berkata, “ Tidak ada dalam hadith tersebut dalil yang menyokong pendapat tentang gadai senjata kerana maksud mereka mengatakan hal itu hanya sebagai tipu muslihat. Walau bagaimana pun, menjual senjata kepada orang kafir dibolehkan berdasarkan dari hadith mengenai Rasulullah s.a.w. telah menggadaikan baju besinya kepada seorang Yahudi.”<sup>169</sup>

<sup>167</sup> Teks keseluruhan hadith ini boleh dilihat di halaman 60, hadith keenam.

<sup>168</sup> Ibn Hajar al-Asqalani(2007), Fath al-Bari, op.cit.,buku 14, h. 148.

<sup>169</sup> Ibid.

Seterusnya beliau menyatakan menjual senjata atau menggadaikannya menurut kesepakatan ulama', hanya dibenarkan kepada mereka yang berada dalam jaminan keamanan kaum muslimin atau terikat dengan perjanjian damai. Menerusi hadith di atas, walau pun Ka'ab terikat dengan perjanjian damai tetapi beliau telah melanggar perjanjian yang ditetapkan iaitu tidak membantu orang lain yang memusuhi nabi s.a.w. maka perjanjian dengan beliau dianggap batal kerana perbuatannya itu sehingga nabi s.a.w. telah mengumumkan bahawa Ka'ab telah menyakiti Allah dan Rasul-Nya.<sup>170</sup>

Apabila menggadaikan senjata kepada orang-orang yang terikat dengan perjanjian damai sebenarnya bukan sesuatu yang lumrah di kalangan mereka dan tentu mereka tidak akan menawarkannya kepada Ka'ab kerana bila mereka menawarkan sesuatu yang tidak biasa mereka lakukan kepada Ka'ab sudah tentu dia akan curiga dan mereka tidak berhasil melakukan tipu daya. Oleh kerana pada ketika itu mereka sedang menjalankan tipu muslihat, maka mereka menipunya seolah-olah akan melakukan apa yang boleh mereka lakukan kepadanya. Lalu Ka'ab bersetuju atas hal itu kerana dia telah mengenal kejujuran mereka. Maka berjayalah tipu daya mereka untuk membunuh Ka'ab bin Asyrāf.<sup>171</sup>

3. Imam Shāfi'ie, Mālik, Abu Hanīfah dan Ahmad juga bersependapat menyatakan bahawa harus menggadai alat peperangan kepada ahli zimmi. Manakala kepada ahli harbi dilarang sama sekali untuk berjual beli senjata

---

<sup>170</sup>Ibid.

<sup>171</sup>Ibid.,h.149

atau alat peperangan kerana ia dikira membantu mereka untuk menegakkan agama mereka.<sup>172</sup>

Ringkasnya, Islam membenarkan penggadaian senjata kepada orang kafir dengan syarat mereka berada di bawah jaminan keamanan kaum muslimin atau terikat dengan perjanjian damai dengan orang Islam.

### 3.3 Kesimpulan

Perbincangan mengenai gadaian di dalam aspek fiqh al-Hadith adalah luas dan ia tidak terhenti kepada satu-satu aspek sahaja bahkan ia perlu diperkembangkan kepada aspek yang lain seperti penggunaannya dalam sistem perbankan masa kini. Jika dilihat dari sudut realiti, kita akan dapati penggunaannya semakin mendapat tempat di dalam masyarakat lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu pasang surutnya.

Namun begitu, di dalam keghairahan para pengkaji melakukan perbincangan mengenainya, perlu diingat bahawa perkara asas iaitu dalil dari hadith itu sendiri jangan dipinggirkan. Sandaran dari hadith nabi s.a.w. perlu diketengahkan sebelum perbincangan dari aspek hukum fiqh diteruskan. Untuk tujuan itu, di dalam kajian ini beberapa kitab sharah hadith telah dijadikan bahan rujukan. Antaranya ialah kitab *Tuhfah al-Aḥwadhī*, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ Bukhārī*, *‘Awn Ma’būd Sharḥ Abu Dawūd*, *Sunan Al-Nasāi bi Sharḥ al-Ḥafīz Jalal al-Dīn al-Suyūṭī*, *Nayl al-aṭṭar Sharḥ Muntaqa al-Akḥbār dsn Subul al-Salām Sharḥ Bulugh al-Marām* di samping kitab –kitab fiqh yang lain.

---

<sup>172</sup>Ibid.,h.149

Di dalam bab seterusnya, perbincangan akan diperkembangkan dengan melihat kepada penggunaan gadaian di dalam mu'amalah semasa. Perbincangan ini penting agar penggunaan gadaian ini sentiasa relevan dan dapat diaplikasikan dalam masyarakat. Di samping itu isu-isu semasa yang berkaitan dengan gadaian akan disisipkan agar permasalahan yang berhubung dengannya dapat dirungkai dan diperbetulkan.

**BAB 4**

**PELAKSANAAN HUKUM KEHARUSAN *AL-RAHN* DALAM MUAMALAH  
SEMASA DI MALAYSIA**

**4.1 Pendahuluan**

Penulis memulakan bab ini dengan menceritakan sejarah penubuhan skim *al-Rahn* di Malaysia. Aspek ini penting untuk diutarakan kerana para pembaca akan dapat mengetahui mengapa ia diwujudkan dan apakah kepentingannya kepada masyarakat khususnya kepada umat Islam sendiri.

Seterusnya pengkajian diteruskan dengan melihat kepada pelaksanaan skim ini di dalam institusi kewangan, koperasi dan majlis agama Islam di Malaysia. Perbicaraan di dalam bahagian ini adalah berasaskan kepada beberapa aspek yang telah dibahasakan di dalam bab 3 berkenaan dengan analisis hukum hadith *al-Rahn* di dalam *al-Kutub al-Sittah*. Bab ini perlu diketengahkan agar hadith-hadith yang menjadi sumber hukum dapat diaplikasikan di dalam perjalanan sistem muamalat negara.

**4.2 Sejarah Penubuhan Di Malaysia**

Sebenarnya usaha untuk melaksanakan sistem gadaian Islam iaitu *al-Rahn* telah pun bermula pada tahun 1980 an lagi. Usul ini telah dikemukakan kepada Jemaah Menteri yang mana hasilnya pada 30 Januari 1985 kabinet telah bersetuju dengan cadangan tersebut. Namun demikian ia tidak dapat dilaksanakan kerana Majlis Agama Islam tidak berminat sebagai agen pelaksana. Begitu juga Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) tidak dapat menerimanya kerana ia terikat dengan aktanya dan bidang tersebut di luar skop aktiviti perniagaannya.

Walau bagaimana pun usaha untuk merealisasikan cita-cita tersebut akhirnya berjaya dengan penubuhan institusi *al-Rahn* yang pertama di Malaysia yang dipelopori oleh Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Terengganu pada tahun 1991 melalui sebuah institusi yang dikenali sebagai Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT) dengan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Seterusnya Permodalan Kelantan Berhad (PKB) telah menubuhkan Kedai *al-Rahn* pada Mac 1992 dalam usaha untuk menyuburkan lagi sistem kewangan Islam di Malaysia. Kedua-dua institusi ini beroperasi berdasarkan konsep *al-Rahn*, *al-Qard al-Hasan* dan upah simpan.

Pada bulan Oktober 1992, satu laporan mengenai penubuhan institusi *al-Rahn* di seluruh negara melalui Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) telah disediakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) tetapi cadangan ini menghadapi masalah undang-undang berhubung dengan Akta Pemegang Pajak Gadai 1972.<sup>173</sup>

Akhirnya pada 22 Ogos 1993, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah mengumumkan cadangan penubuhan institusi *al-Rahn* melalui kerjasama di antara Bank Rakyat,

---

<sup>173</sup> Unit Skim Al-Rahn, Bank Rakyat (t.t), *Garis Panduan Pelaksanaan Skim Al-Rahn*. Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwat Awam, Bank Rakyat.



YPEIM dan BNM. Susulan daripada rancangan ini, Unit Skim Al-Rahn Bank Rakyat telah dilancarkan pada 27 Oktober 1993 dengan modal RM 5 juta daripada YPEIM.

Seterusnya, pada 11 Oktober 1993, satu memorandum persefahaman antara Bank Rakyat dan YPEIM telah ditandatangani. Mengikut memorandum ini, YPEIM telah bersetuju untuk menjadi pelabur utama dan menjadi penyelaras dana pelaburan manakala Bank Rakyat bertindak selaku pengurus dan pelaksana bagi operasi skim ini.<sup>174</sup>

Pada 16 Julai 1994, bersempena dengan Majlis Pelancaran Skim Al-Rahn peringkat kebangsaan di Alor Setar, 10 majlis dan yayasan agama Islam negeri telah menyerahkan dokumen komitmen penyertaan modal berjumlah RM 10.9 juta. Pelancaran ini diadakan di Wisma Darul-Aman oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Di antara 10 majlis dan yayasan agama Islam negeri yang telah menyerahkan dokumen komitmen ini ialah Majlis Agama Islam Kedah, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Yayasan Islam Negeri Kedah, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Melaka, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam Johor, Majlis Agama Islam Selangor dan Tabung Baitulmal Sarawak. Para pelabur bagi skim ini telah bersetuju untuk membenarkan Bank Rakyat melaburkan modal mereka ke dalam Government Islamic Investment (GII) atau pelaburan yang dibenarkan oleh syara'.<sup>175</sup>

---

<sup>174</sup> Anuar B. Hj. Talib, *Konsep Ar-Rahn: Satu Tinjauan Dari Segi Amalannya Di Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad* (1995), Fakulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, h. 40.

<sup>175</sup> Norsham Firdaus, "Pengurusan Baik Bantu Bank Catat Untung Tinggi", *Majalah Rakyat*, Bil. 3/94. Keluaran Tahun 25; h. 2.

### **4.3 Pelaksanaan *Al-Rahn* Di Malaysia**

#### **4.3.1 Berasaskan Dalil Keharusan *Al-Rahn***

Bertitik tolak dari ayat al-Quran dari surah al-Baqarah ayat 283 dan hadith-hadith nabi berkenaan dengan *al-Rahn* maka Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang diberi tanggungjawab dan tugas dalam hal ehwal agama Islam di Malaysia telah mengadakan satu taklimat berhubung dengan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia berhubung pelaksanaan Skim Pajak Gadai (*Al-Rahn*) di Malaysia.

Taklimat ini akan dijadikan sebagai batu asas ke arah penggubalan Akta Pemegang Pajak Gadai Islam supaya dapat menjadi garis panduan dalam pelaksanaan skim *al-Rahn* di Malaysia. Ia juga sebagai ruang bagi percambahan idea di kalangan pelbagai agensi serta institusi yang menawarkan perkhidmatan skim *al-Rahn* ke arah menyeragamkan pelaksanaan *al-Rahn* di Malaysia.

#### **4.3.2 Jenis Barang Gadaian**

Bank Rakyat selaku peneraju utama di dalam skim *al-Rahn* di Malaysia hanya menerima emas sahaja sebagai barang gadaian. Ini adalah kerana barang kemas tersebut mempunyai nilai yang stabil dan tidak menurun. Namun begitu, ia tidak menerima emas yang bercampur dengan bahan yang lain seperti berlian.<sup>176</sup>

Begitu juga dengan Kedai Al-Rahn Permodalan Kelantan Berhad (PKB) hanya menerima barang-barang emas sahaja. Manakala Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT) pula barang-barang gadaian yang diterima ialah barang-barang emas dan berlian sahaja.<sup>177</sup>

Pihak YPIEM pada masa ini hanya menerima emas sahaja. Usaha sedang dilakukan untuk menerima berlian sebagai barang gadaian. Berlian sebagai barang gadaian merupakan satu langkah proaktif YPEIM untuk memberi perkhidmatan relevan kepada masyarakat. Sebelum daripada ini, hanya jenis emas yang tertentu sahaja yang diterima sebagai barang gadaian. Melalui segmen baru barang gadaian Al-Rahn, mereka yang mempunyai berlian boleh melaksanakan aktiviti gadaian serta mempertingkatkan nilai barang gadaian terutama bagi perhiasan yang menggabungkan emas dan berlian.

Menurut Ketua Pengarah YPEIM, Dr. Abd. Malek Awang Kechil tambahan segmen baru dalam perkhidmatan ditawarkan YPEIM itu memenuhi aspirasi kerajaan mendahulukan kepentingan rakyat dengan memberi manfaat berganda kepada masyarakat. Melalui kepakaran menilai berlian, jumlah pinjaman yang diberikan adalah lebih tinggi.<sup>178</sup>

---

<sup>176</sup> Temu bual bersama Mohd Nazim B. Ismail, Eksekutif Kanan Rakyat Management Services pada 24 Disember 2009 jam 2.30 petang.

<sup>177</sup> Saiful Anuar B. Hambali “*Perlaksanaan Skim Pajak Gadai Islam Di Bank Rakyat : Satu Penilaian*”(1997), Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam , U.M, Kuala Lumpur, h. 75-77.

<sup>178</sup> Berita Harian, 22 Oktober 2009.

Ringkasnya, hanya barang bernilai tertentu sahaja yang diterima di dalam skim gadaian *al-Rahn* di Malaysia seperti emas dan berlian. Ini disebabkan oleh masalah kurang kepakaran dalam membuat penilaian terhadap barang bernilai yang lain dan juga jaminan harga barang gadaian tersebut di dalam pasaran semasa.

### 4.3.3 Tempoh Gadaian

Tempoh maksimum gadaian bagi Bank Rakyat ialah 6 bulan dari tarikh gadaian dibuat. Tempoh minimumnya pula ialah tidak kurang dari 1 bulan. Walau bagaimanapun, pelanggan boleh memohon agar tempoh gadaian dilanjutkan tidak melebihi 3 bulan atas persetujuan pihak bank. Tempoh lanjutan akan berkuatkuasa mulai dari selepas tarikh terakhir gadaian sebelumnya dengan syarat upah simpanan barang gadaian untuk tempoh asal telah dijelaskan.<sup>179</sup>

Sebagai satu strategi baru bagi menarik minat pelanggan, Bank Rakyat telah melanjutkan tempoh pinjaman yang lebih fleksibel selama 6 bulan tanpa had. Tujuannya adalah untuk memberi keselesaan kepada pelanggan dalam merancang kewangan peribadi mereka.<sup>180</sup>

Sementara itu tempoh gadaian asas di YPEIM adalah selama 6 bulan dan ini merupakan tempoh matang dalam melakukan gadaian. Setelah itu pelanggan boleh memanjangkan tempoh gadaian kepada tempoh lanjutan pertama selama 2 bulan dan seterusnya tempoh lanjutan kedua selama 2 bulan.<sup>181</sup>

---

<sup>179</sup> Saiful Anuar B. Hambali "Perlaksanaan Skim Pajak Gadai Islam Di Bank Rakyat : Satu Penilaian, op.cit., h. 47.

<sup>180</sup> Temu bual bersama En. Mohd Nazim B. Ismail, Eksekutif Kanan Rakyat Management Services pada 24 Disember 2009 jam 2.30 petang.

<sup>181</sup> Temu bual bersama Pn. Haslina Arshat, Pengurus Jabatan Pentadbiran & Kewangan YPEIM pada 24 Disember 2009 jam 9.00 pagi.

Tempoh gadaian di MGIT ialah 3 bulan dari tarikh gadaian dibuat. Bagaimanapun penggadai boleh memohon tempoh lanjutan gadaian selama 3 bulan lagi atas persetujuan MGIT. Tempoh lanjutan itu akan berkuatkuasa mulai dari selepas tarikh terakhir gadaian terdahulu.<sup>182</sup>

Di Kedai Al-Rahn PKB, tempoh maksimum gadaian ialah 6 bulan dari tarikh gadaian dibuat. Walau bagaimanapun, penggadai boleh memohon tempoh lanjutan gadaian tidak melebihi 6 bulan di atas pertimbangan pihak pemegang gadai. Tempoh lanjutan tersebut akan berkuatkuasa mulai dari selepas tarikh terakhir gadaian sebelumnya tamat dengan syarat penggadai mesti menjelaskan upah simpanan barang gadaian untuk tempoh 6 bulan sebelumnya.<sup>183</sup>

Manakala di Agro Bank tempoh bayaran balik adalah selama 6 bulan dan kemudian boleh dilanjutkan kepada 3 bulan dan seterusnya ditambah kepada 2 bulan lagi.

Secara kesimpulannya, kebanyakan institusi yang menawarkan skim al-Rahn ini memberi tempoh bayaran balik barang gadaian dalam tempoh tidak lebih dari satu tahun iaitu di dalam lingkungan 9 bulan ke 12 bulan.

---

<sup>182</sup> Saiful Anuar B. Hambali "Perlaksanaan Skim Pajak Gadai Islam Di Bank Rakyat : Satu Penilaian, op.cit., h. 75.

<sup>183</sup> Ibid., h. 78.

#### 4.3.4 Penggunaan Manfaat Daripada Barang Gadaian

Polisi yang dilakukan di institusi kewangan dan koperasi *al-Rahn* di Malaysia yang hanya menerima emas atau berlian sahaja sebagai barang gadaian menyebabkan pihak pemegang gadai tidak dapat menggunakan manfaat daripada barang tersebut. Barang gadaian tersebut adalah milik mutlak penggadai dan akan dikembalikan setelah ianya ditebus .

Pengambilan upah yang dilakukan oleh pihak Bank Rakyat adalah berdasarkan kepada perbahasan hukum yang telah diperbahaskan oleh para ulama'. Berdasarkan kepada kitab *Bahr al-Māzi, Mukhtaṣar Sahih Al-Bukhari* di dalam bab *mājā' fi al-Intifā' bi al-Rahn* , Juhur Ulama' telah mengharamkan penggunaan barang gadaian sama ada emas atau binatang atau tanah atau rumah kerana ia masih milik penggadai. Jika sekiranya ia ingin menggunakannya juga maka wajib ia membayar harganya. Oleh yang demikian, penggadai perlu mengeluarkan nafkah terhadap binatang atau barang tersebut kerana ia adalah miliknya.<sup>184</sup>

---

<sup>184</sup>Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi al-Azhari(1939)*Bahr al-Māzi- Mukhtaṣar Sahih alTirmizī*, Matbaah Mustafa al-Babi al-Halabi, juz 9, h. 170.

Menurut hukum fiqh, para ulama' berselisih pendapat tentang keharusannya. Bagi mazhab Hanafi, upah di dalam perbuatan ketaatan kepada Allah seperti solat, puasa, mengerjakan haji, membaca al-Quran adalah tidak dibenarkan.<sup>185</sup>

Alasan atas larangan tersebut adalah kerana pekerjaan tersebut menyebabkan pahala akan terus diperolehi oleh pelakunya. Sekiranya ia bertujuan untuk mendapatkan harta maka tidak ada pahala untuknya.

Menurut mazhab Maliki, Asy-Syafi'ie dan Ibn Hazm membolehkan mengambil upah sebagai balasan kerana mengajar al-Quran dan ilmu kerana ia termasuk di dalam jenis balasan dari perbuatan yang diketahui dan dengan tenaga yang diketahui. Ibn Hazm menambah dengan mengatakan balasan untuk mengajarkan al-Quran atau ilmu dibolehkan sama ada secara bulanan atau pun sekaligus. Di dalam bidang pengubatan, menulis al-Quran dan menulis buku-buku pengetahuan, juga dibenarkan kerana nas larangannya tidak ada bahkan ada nas yang membenarkannya.<sup>186</sup>

Menurut pendapat Majlis Fatwa Malaysia dibenarkan mengambil upah kerana dapat mengelakkan kemudaratan disebabkan mereka tidak dapat melakukan pekerjaan lain berpunca dari tumpuan terpaksa diberikan kerana mengajar al-Quran atau ilmu agama yang lain.<sup>187</sup>

Menurut Ibn Taimiyyah, jika seseorang menunggang binatang sewaan atau masuk ke bilik mandi umum atau menyerahkan pakaian kepada orang yang

---

<sup>185</sup>Sayid Sābiq, (1990) *Fiqh Sunnah*, alih bahasa oleh H. Kamaluddin A. Marzuki, penerbit Victory Agencie; K.L, juz 13, cet. 2, h.21.

<sup>186</sup>Ibid, h. 22.

<sup>187</sup>Ibid; h. 23

mencucikan pakaian atau menyerahkan makanan kepada orang lain untuk dimasak, maka ia berhak memperoleh upah.<sup>188</sup> Ini berdasarkan kepada firman Allah dalam surah Al-Talaq, ayat 6 berbunyi ;

فان ارضعن لكم فأتوهن اجورهن

Bermaksud; “ Jika mereka menyusukan anakmu maka berikanlah kepada mereka upahnya”.

Berhubung dengan mensyaratkan mempercepat dan menangguhkan upah, menurut mazhab Hanafi ianya adalah sah walaupun dipercepatkan sebahagian upah dan ditangguhkan sebahagian yang lain. Namun begitu, jika tidak terdapat kesepakatan sama ada mempercepat atau menangguhkan upah sedangkan upah itu dikaitkan dengan waktu tertentu maka wajib dibayar upah tersebut setelah berakhirnya tempoh tersebut. Sebagai contoh, jika ia berkait dengan pekerjaan maka kewajipan membayar upahnya adalah setelah berakhir pekerjaannya.<sup>189</sup>

Imam Abū Hanīfah dan Imam Mālik menyatakan sekiranya akad sudah berlangsung tetapi tidak disyaratkan mengenai penerimaan bayaran dan tidak ada ketentuan menangguhkannya maka wajib diserahkan upah tersebut secara ansuran sesuai dengan manfaat yang diterimanya.

Manakala Imam Shafi’ie dan Imam Ahmad berpendapat bahawa jika orang yang menyewakan itu menyerahkan barang (‘ain) kepada penyewa,

---

<sup>188</sup>Ibid; h. 26

<sup>189</sup>Ibid; h. 26



maka ia berhak menerima keseluruhan bayaran kerana penyewa sudah mendapat manfaat.

Sekiranya terdapat kerosakan pada barang tersebut ketika dibawah jagaan orang yang diberi upah maka ia tidak berhak mendapat upah kerana beliau gagal menjaga keselamatan barang atau kerja tersebut. Ini merupakan pendapat mazhab Shafi'ie dan Hambali.<sup>190</sup>

Bagi pihak Bank Rakyat yang mengamalkan prinsip fiqh muamalat Islam di dalam pelaksanaan operasinya, telah menolak peruntukan yang membenarkan pemegang gadaian mengambil keuntungan melalui penetapan bayaran faedah dengan kadar tertentu ini dan menggantikannya dengan hanya mengenakan upah simpanan barang gadaian berasaskan konsep *al-Wadi'ah Yad Dhammanah* yang merujuk kepada simpanan barang berharga dengan jaminan yang mana kadar upah simpanan dikenakan adalah berasaskan kepada nilai sesuatu barang gadaian dan bukannya berasaskan jumlah pinjaman yang diberikan.

Pihak Bank Rakyat misalnya mengambil upah simpanan bagi menampung kos penyelenggaraan yang berdasarkan sistem *Al-Wadi'ah*. Upah simpanan adalah dikira secara bulanan mengikut nilai barang gadaian dalam pembahagian RM 100.

Formulanya ;

$$\text{Upah} = \underline{\text{Nilai Barang} \times \text{Kadar} \times \text{Bulan}}$$

---

<sup>190</sup>Ibid; h. 28

Begitu juga apabila telah tamat tempoh penebusan. Hasil lelongan daripada barang gadaian perlu ditolak pinjaman, upah simpanan dan kos lelongan. Kemudian bakinya akan dikembalikan kepada pemilik atau warisnya.

Upah simpanan yang dikenakan oleh Bank Rakyat ini sebenarnya lebih rendah berbanding dengan kadar faedah yang dikenakan oleh kedai pajak gadaian konvensional.

#### **4.3.5 Perselisihan Antara Penggadai Dan Pemegang Gadaian<sup>191</sup>**

Untuk mengelakkan dari berlakunya perselisihan, maka Bank Rakyat telah menetapkan prosedur yang perlu diikuti oleh penggadai ketika melakukan gadaian. Selepas penyerahan barang gadaian dilakukan, Kerani Kaunter Gadaian akan mencatat segala maklumat mengenai barang gadaian tersebut dan jumlah pinjaman yang dipohon oleh penggadai di dalam Chit Urusniaga. Setelah catatan itu siap, Kerani Kaunter Gadaian akan menyerahkan Chit Urusniaga dan barang gadaian kepada Penilai untuk diketahui nilainya.

Penilai akan membuat penilaian terhadap barang gadaian berdasarkan nilai emas semasa dan mencatatkan nilainya di dalam Chit Urusniaga untuk diserahkan kembali kepada Kerani kaunter Gadaian bersama barang gadaian.

---

<sup>191</sup> Unit Skim Al-Rahn, Bank Rakyat (t.t), *Garis Panduan Pelaksanaan Skim Al-Rahn*, op.cit.

Kerani Kaunter Gadaian akan memaklumkan kepada penggadai nilai barang gadaian dan jumlah pinjaman yang layak diberikan kepadanya.

Selepas persetujuan dibuat, Kerani Kaunter Gadaian akan melengkapkan Surat Gadaian (Surat Akuan Gadaian ) dalam 3 salinan. Salinan pertama akan diserahkan kepada penggadai, salinan kedua kepada Kerani Kaunter Pinjaman dan salinan ketiga bersama barang gadaian kepada Kerani Pentadbiran.

Sekiranya kehilangan surat gadaian berlaku sebelum tarikh matang gadaian, penggadai perlu memaklukkannya kepada pihak bank dengan segera dengan membawa bersamanya kad pengenalan. Kerani Pentadbiran akan membuat semakan mengenai rekod penggadai di dalam komputer atau buku pendaftaran. Selepas rekod tersebut diperolehi, Kerani Pentadbiran akan mendapatkan salinan kedua surat gadaian dan membuat salinan tambahan untuk diberikan kepada penggadai. Walaubagaimanapun, salinan tambahan tersebut mesti disahkan terlebih dahulu oleh Penyelia Unit Skim Al-Rahn (USAR) sebelum ia diserahkan kepada penggadai.

Namun begitu, jika kehilangan surat gadaian itu berlaku pada tarikh matang gadaian, Kerani Pentadbiran akan membuat semakan data bagi mendapatkan rekod penggadai. Kemudian proses penebusan perlu dilakukan.

Jika berlaku kerosakan atau kehilangan barang gadaian semasa di dalam simpanan atau jagaan pemegang gadai maka gantirugi akan diberikan iaitu dengan menetapkan satu syarat tambahan yang mana jika jumlah gantirugi yang dibayar itu tidak memadai dengan nilai barang gadaian, pihak bank akan

menambah sejumlah wang lagi bagi menampung kekurangan tersebut. Ini sesuai dengan konsep pelaksanaan Skim Al-Rahn (SAR) yang diamalkan oleh pihak bank iaitu *al-Wadi'ah Yad Dhammanah* yang merujuk kepada simpanan barang berharga dengan jaminan.

Secara ringkasnya, jika berlaku perselisihan antara penggadai dan pemegang gadai maka pemegang gadai tidak perlu melakukan sumpah kerana segala bukti dan keterangan yang diambil dari penggadai dan pemegang gadai sudah memadai untuk menyelesaikan perselisihan tersebut. Dalam hal ini, pihak Bank Rakyat telah menggunakan kaedah usul fiqh iaitu *علي المدعى* "الإدانة" bermaksud pendakwa (penggadai) perlu mendatangkan bukti dan keterangan sekiranya terdapat perselisihan di antara mereka.<sup>192</sup>

#### **4.4 Kesimpulan**

Setelah dilakukan penelitian terhadap institusi kewangan, koperasi dan Majlis Agama Islam di Malaysia, beberapa aspek yang terdapat di dalam hadith-hadith yang berkaitan dengan *al-Rahn* tidak dapat dilaksanakan. Aspek penggunaan manfaat daripada barang gadaian yang banyak dibahasakan di dalam kitab-kitab sharah hadith misalnya tidak dapat diaplikasikan kerana penerimaan terhadap barang gadaian yang terhad yang tidak melibatkan penggunaan manfaat oleh penggadai dan pemegang gadai.

---

<sup>192</sup> Temu bual bersama Hj. Mohd Zaki Ibrahim, Pengurus Perundingan & Pegawai Syari'ah Bank Rakyat pada 23 Disember 2009 jam 10.00 pagi.

Berkeaan dengan perselisihan antara penggadai dan pemegang gadai, tidak terdapat masalah mengenainya kerana sistem pengurusan moden yang dapat merekod perjalanan skim pajak gadai .Begitu juga dengan penggadaian senjata yang mana ia tidak langsung diperbahaskan kerana dianggap tidak relevan dengan muamalah semasa negara .

## BAB 5

### PERKEMBANGAN *AL-RAHN* DI MALAYSIA

#### 5.1 Situasi *Al-Rahn* Di Malaysia

Memandangkan terdapat sambutan yang menggalakkan dari pihak masyarakat terhadap skim *al-Rahn* maka Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang diberi tanggungjawab dan tugas dalam hal ehwal agama Islam di Malaysia telah mengadakan satu taklimat berhubung dengan Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia berhubung pelaksanaan Skim Pajak Gadai (*Al-Rahn*) di Malaysia.

Taklimat ini akan dijadikan sebagai batu asas ke arah penggubalan Akta Pemegang Pajak Gadai Islam supaya dapat menjadi garis panduan dalam pelaksanaan skim *al-Rahn* di Malaysia. Ia juga sebagai ruang bagi percambahan idea di kalangan pelbagai agensi serta institusi yang menawarkan perkhidmatan skim *al-Rahn* ke arah menyeragamkan pelaksanaan *al-Rahn* di Malaysia.<sup>193</sup>

Di dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-77 yang bersidang pada 10-12 April 2007, Jawatankuasa tersebut telah membuat keputusan seperti berikut;<sup>194</sup>

---

<sup>193</sup>Temu bual bersama Munir B. Hj Md. Salleh, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan JAKIM, temubual pada 15 Julai 2009 jam 10.30 pagi.

<sup>194</sup>*Ibid.*

1. Sumber modal kerja untuk pemegang pajak gadai Islam (*al-rahnu*) hendaklah diperolehi daripada perbankan Islam atau sumber-sumber yang halal dan bebas dari amalan riba, judi, gharar dan aktiviti lain yang tidak selaras dengan kehendak syara' ;
2. Pemegang *al-rahn* hendaklah mengambil perlindungan insurans (takaful) dan tidak boleh terlibat dalam aktiviti insurans konvensional;
3. Sekiranya barang sandaran hilang atau dicuri atau musnah dan sebagainya maka pemegang *al-rahn* hendaklah membayar pampasan bagi baki nilai barang sewaktu ia ditaksirkan ;
4. Pemegang *al-rahn* digalakkan melantik Panel Penasihat Syariah Dalaman bagi memantau operasi dan aktiviti *al-rahn*.

Hujah ;

1. Dalil al-Quran. Allah S.W.T. ada berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 278-279 .
2. Fatwa amalan insurans konvensional telah diputuskan pada Persidangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia bertarikh 15-16 Februari 1979. Muzakarah memutuskan ;  
“ Insurans nyawa sebagaimana yang dikendalikan oleh kebanyakan syarikat insurans yang ada pada hari ini adalah haram dan sebagai suatu muamalat yang *fasid* kerana aqadnya tidak sesuai dengan prinsip-prinsip Islam iaitu :

mengandungi *gharar* (ketidaktentuan) ; mengandungi unsur judi; mengandungi muamalat *riba* .”

3. Konsep *al-Rahn* ialah *wadi'ah* dengan amanah. Disebabkan upah simpan dikenakan, maka konsep tadi berubah kepada *wadi'ah yad dammanah* yang mana sekiranya barang sandaran hilang atau dicuri atau musnah atau sebagainya, maka pampasan perlu dibayar. Dalam konteks pajak gadai Islam (*al-Rahn*), pampasan yang perlu dibayar ialah baki nilai barang sandaran tersebut sewaktu dinilai.

Manakala di dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-78 yang bersidang pada 12 Jun 2007 telah bersetuju menerima cadangan kadar upah simpan barang gadaian untuk skim *al-Rahn* seperti berikut ;

<b>NILAI BARANG GADAIAN</b>	<b>TEMPOH (bulan)</b>	<b>KADAR UPAH YANG DITETAPKAN (% sebulan)</b>
RM 100.00– RM 1,000.00	3 bulan pertama	0.60 % sebulan
	3 bulan berikutnya	0.70 % sebulan
RM 1,001.00 – RM 5,000.00	3 bulan pertama	0.65 % sebulan
	3 bulan berikutnya	0.80 % sebulan
RM 5,001.00 – RM 10,000.00	3 bulan pertama	0.80 % sebulan
	3 bulan berikutnya	0.95 % sebulan



Sekiranya setelah tamat tempoh yang dinyatakan barang gadaian tersebut masih gagal ditebus, persetujuan kedua-dua belah pihak perlu diperolehi bagi menentukan tempoh lanjutan dan kadar yang dikenakan.

Hujahnya;

1. Penetapan kadar upah tidak melebihi 1% ini berdasarkan justifikasi berikut :
  - i. Tidak ada dalil syara' yang menegah pemegang pajak gadai mengambil upah simpan barang gadaian .
  - ii. Kadar upah terpaksa dikenakan kerana pemegang pajak gadai Islam (*al-Rahn*) perlu menanggung kos operasi, sewaan, bayaran balik pinjaman yang diberikan dan lain-lain kos.
  - iii. Kadar maksimum 1% ini adalah munasabah, tidak membebankan dan sedikit untuk margin keuntungan.
  - iv. Kadar ini juga mengambil kira kos insurans yang perlu dibayar oleh pemegang pajak gadai Islam (*al-Rahn*) untuk melindungi barang sandaran.
  - v. Skim *al-Rahn* bertujuan membantu umat Islam mendapatkan pinjaman tunai dengan mudah dan cepat berlandaskan hukum syarak dan mengelak daripada terlibat dengan amalan pinjaman riba dan ketidakadilan dalam sistem pajak gadai konvensional. Oleh itu kadar upah simpan barang gadaian yang dikenakan tidak boleh membebankan umat Islam.

- vi. Kadar yang lebih tinggi bagi upah simpan barang gadaian yang bernilai tinggi adalah berdasarkan justifikasi bahawa risiko dan bebanan yang perlu ditanggung oleh pemegang gadaian juga adalah tinggi.

Di dalam rangka untuk menyebar luaskan sistem pajak gadai Islam maka pihak kerajaan telah membuka beberapa institusi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan skim *al-Rahn*. Institusi tersebut ialah ;<sup>195</sup>

1. **Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)** yang terdiri daripada;
  - a. Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad
  - b. Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad
  - c. Koperasi Kakitangan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun Terengganu (KOKANUN) Berhad
  - d. Koperasi Pengguna Pahang Berhad
  - e. Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad
  - f. Koperasi Permodalan Kelantan Berhad
  - g. Koperasi Kakitangan Universiti Teknologi MARA Berhad
  - h. Koperasi YAPEIM Berhad
  - i. Koperasi UNIKEB Berhad
  - j. Koperasi Jamaiah Orang-orang Melayu Perlis Berhad
  - k. Koperasi Anggota-anggota Kerajaan Batu Pahat Berhad

---

<sup>195</sup> Temu bual bersama Syahnaz Bt. Sulaiman, Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan JAKIM, temubual pada 15 Julai 2009 jam 11.00 pagi.

- l. Koperasi Guru-guru Sekolah Malaysia Berhad
- m. Koperasi Serbaguna Kakitangan MAS Malaysia Berhad
- n. Koperasi Serbaguna Miri Berhad
- o. Koperasi Seruan Emas Berhad
- p. Koperasi Pekebun Getah Jajahan Kota Bharu, Bachok dan Tumpat Berhad
- q. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
- r. Koperasi ANIB Berhad

**2. Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu (MAIDAM) Terengganu**

- a. Muasasah Gadaian Islam – 1
- b. Muasasah Ar-Rahnu MAIDAM – 9

**3. Agro Bank**

- a. E – Gadai

**4. Yayasan Islam Negeri Perlis**

- a. Pajak Gadai Islam

**5. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ)**

- a. arRahnu

## **5.2 Isu-Isu Berkaitan Pelaksanaan Al-Rahn<sup>196</sup>**

### **5.2.1 Kemahiran teknikal staf dan pegawai**

Memandangkan emas merupakan pertimbangan yang utama di dalam skim ini maka tidak dapat tidak, kemahiran amat diperlukan di dalam menilai ketulenan emas tersebut. Ini kerana terdapat pelbagai jenis emas di pasaran masa kini termasuk yang bercampur dengan logam lain atau barangan yang nampak seperti emas tetapi rendah kandungan emasnya.

Oleh yang demikian, latihan yang mencukupi perlu diberikan kepada warga kerja untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam menjalankan tanggungjawab yang diberi. Di samping itu pusingan tugas atau pertukaran cawangan perlu dilakukan agar setiap warga kerja berpeluang menjadi penaksir barangan kemas ini.

### **5.2.2 Sistem, prosedur, kawalan dan keselamatan**

Oleh kerana sambutan yang begitu menggalakkan dari masyarakat terhadap skim ini sehingga mendorong kepada pembukaan institusi *al-Rahn* yang lebih banyak maka sistem operasi, prosedur kerja, polisi produk, prosedur perkhidmatan mesti diwujudkan bagi memberikan keseragaman pelaksanaan dan menjadi panduan warga kerja untuk menjalankan skim *al-Rahn* ini.

---

<sup>196</sup> Kompilasi Prosiding Konvensyen Ar-Rahnu Serantau 2002/2004, c. 2005, YAPEIM: K.L., h. 70

Kesemua garis panduan ini perlu sentiasa dikemaskini agar semua aspek berjalan lancar dan teratur. Ianya diwujudkan sebagai satu kawalan dan mengelakkan dari berlakunya penyelewengan dalaman. Garis panduan ini juga perlulah segera dikemaskini, mudah serta cepat dicapai oleh ke semua warga kerja yang melaksanakan Skim Pajak Gadai Islam ini.

### **5.2.3 Penyampaian maklumat**

Walau pun telah banyak saluran digunakan melalui media cetak dan media elektronik seperti yang telah dilakukan oleh Bank Rakyat, namun masih ramai lagi rakyat Malaysia yang langsung tidak mengetahui akan kewujudan Skim Pajak Gadai Islam ini.

Dengan sebab itu, peranan dari semua pihak amat diperlukan sebagai agen penyampai maklumat kepada orang ramai agar mereka dapat mengubah persepsi mereka dari sistem kewangan konvensional kepada sistem kewangan Islam yang lebih baik dan menjamin kebajikan mereka.

### **5.2.4 Perkembangan produk dan perkhidmatan**

Dengan cita-cita untuk menjadikan skim ini sebagai keperluan di semua lapisan masyarakat iaitu bukan sahaja bagi mereka yang ingin mendapatkan kemudahan tunai yang cepat tetapi juga bagi tujuan-tujuan lain maka produk ini perlu dikembangkan kepada produk yang lain. Contohnya produk Az Zahab yang telah dilaksanakan oleh Bank Rakyat. Az Zahab adalah produk bagi

membolehkan mereka mendapatkan pinjaman dengan lebih besar lagi dan tempoh bayaran balik yang lebih selesa dan panjang.

Begitu juga dari sudut perkhidmatan yang mana pelaksanaan urusan yang lebih kondusif dan privat (private) akan dapat memberi keselesaan kepada pelanggan sewaktu berurusan. Kaedah dan teknologi baru perlu dicari untuk menilai emas agar ia akan lebih diyakini dan menepati kehendak syara'.

### **5.3 Strategi-strategi Untuk Menarik Minat Masyarakat Terhadap Skim *Al-Rahn***

#### **5.3.1 Memperkenalkan Ar-Rahn X 'Change'<sup>197</sup>**

Ar-Rahnu X 'Change' mula beroperasi pada 18 Mei 2009 dengan dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. Rakyat Management Services Sdn. Bhd. (RMS) yang ditubuhkan pada tahun 1975 merupakan salah sebuah anak syarikat milik penuh Bank Rakyat yang bertanggungjawab dalam menjalankan aktiviti yang berteraskan perniagaan emas.

Bagi perniagaan francais *al-Rahn*, RMS bertindak sebagai franchisor dalam menguruskan operasi perniagaan *al-Rahn* menerusi sistem francais. Berhubung dengan perkara ini, RMS akan memindahkan kepakaran dan pengalaman *al-Rahn* Bank Rakyat kepada francais. Pemindahan kepakaran

---

<sup>197</sup> Temu bual bersama Mohd Zaki Ibrahim, Pengurus Jabatan Perundingan & Pengawasan Syariah, temubual pada 23 Disember 2009 jam 10.00 pagi.

tersebut menjamin operasi perniagaan yang lancar, keselamatan dan jaminan risiko yang minimum. Pada masa ini RMS mengurus 15 rangkaian Ar-Rahn X 'Change' dengan tujuh milik Bank Rakyat manakala lapan dikendalikan secara francais.

Bagi mengembangkan lagi perniagaannya, RMS telah mengambil langkah yang agresif dalam perniagaan terasnya seperti menjalankan jual beli emas terpakai, menceburi perniagaan jongkong emas, barang kemas dan seumpamanya. Ia juga bertanggungjawab dalam mengendalikan latihan operasi *al-Rahn* kepada warga kerja Bank Rakyat juga menawarkan kepakaran semakan stok barang kemas dan semakan pematuhan operasi *al-Rahn*.

Seterusnya, RMS sedang melakukan usaha untuk mengembangkan perniagaan ke luar negara dengan beberapa buah syarikat dari luar negara seperti Bangladesh yang telah menunjukkan minat untuk menjalin kerjasama dalam aktiviti perniagaan Pajak Gadai Islam.

### **5.3.2 Melancarkan Produk Al-Rahn X 'Change Genius'<sup>198</sup>**

Skim ini menawarkan alternatif kepada pelanggan untuk menggadai barang kemas yang dimiliki kepada bentuk simpanan secara tunai yang mana ia secara langsung mempelbagaikan cabang fungsi *al-Rahn* kepada produk tabungan dan pelaburan.

---

<sup>198</sup> Berita Harian Joran pada 20 Disember 2009

### **5.3.3 Peningkatan Jumlah Pinjaman<sup>199</sup>**

Sebagai usaha untuk menarik minat masyarakat terhadap Pajak Gadai Islam, maka Bank Rakyat telah meningkatkan jumlah pinjaman maksimum daripada RM 50,000 kepada RM 100,000. Ini adalah bagi memenuhi keperluan pelanggan terutama di kalangan usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

### **5.3.4 Lanjutan Tempoh Pinjaman<sup>200</sup>**

Bank Rakyat telah melanjutkan tempoh pinjaman yang lebih fleksibel selama 6 bulan tanpa had. Tujuannya adalah untuk memberi keselesaan kepada pelanggan dalam merancang kewangan peribadi mereka.

### **5.3.5 Program Rakan Ko-op<sup>201</sup>**

Melalui program ini, Bank Rakyat akan mewujudkan satu cawangan untuk satu koperasi angkat. Melalui skim ini, koperasi boleh menubuhkan cawangan di seluruh Malaysia bagi memperluaskan perkhidmatan *al-Rahn* tanpa lesen daripada majlis setempat.

---

<sup>199</sup> Ibid.

<sup>200</sup> Ibid.

<sup>201</sup> Temu bual bersama Mohd Nazim B. Ismail, Ekskutf Kanan RMS, temu bual pada 23 Disember 2009 jam 2.30 petang.



### **5.3.6 Penerangan dan Penjelasan Untuk Mengubah Persepsi Masyarakat<sup>202</sup>**

Masih ramai yang beranggapan bahawa pajak gadai dilakukan oleh orang yang dalam kesusahan. Penjelasan perlu diberikan kepada mereka bahawa pajak gadai adalah satu jalan yang mudah bagi mendapatkan modal perniagaan. Begitu juga pengetahuan pendidikan perbankan dan pengurusan kewangan Islam perlu didedahkan kepada masyarakat awam.

### **5.3.7 Pakej Mikro Kredit<sup>203</sup>**

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) selaku peneraju *al-Rahn* telah memperkenalkan pakej Mikro Kredit berasaskan skim *al-Rahn* melalui pusat komuniti YAPEIM iaitu termasuk kadar khas kepada golongan miskin dan kurang upaya, Kelab Maya Sahabat Ar-Rahnu, Skim Galakan Usahaniaga Perintis, Skim Anugerah Jejak Jaya dan Skim Sahabat Emas Ar-Rahn.

### **5.3.8 Menubuhkan Sekretariat Ar-Rahnu Serantau<sup>204</sup>**

Pada 12 Oktober 2004, Sekretariat Ar-Rahnu Serantau telah ditubuhkan yang mana Ketua Pengarah YAPEIM sendiri iaitu Dr. Hj. Abd. Malik Bin Awang Kechil telah dilantik sebagai Setiausaha Agungnya. Sekretariat ini dianggotai oleh negara MABIMS (Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura) dan bukan Negara MABIMS yang akan diurusetikan oleh YAPEIM.

---

<sup>202</sup> Ibid.

<sup>203</sup> Utusan Online pada 20 November 2007.

<sup>204</sup> Kompilasi Prosiding Konvensyen Ar-Rahnu Serantau 2002/2004, op.cit., c. 2005, h.7 dan 114.

Sekretariat ini ditubuhkan dengan tujuan untuk menyelaraskan operasi *al-Rahn* dan membantu menyelesaikan masalah-masalah yang berbangkit mengenai skim ini di peringkat negara anggota.

Hasil kerjasama rakan pelaksananya, sistem pajak gadai Islam ini telah berjaya diperluaskan di beberapa negara lain seperti Indonesia, Brunei dan Thailand. Manakala perancangan seterusnya ialah sistem ini secara beransur-ansur berkembang ke negara serantau lain seperti Singapura, Cambodia dan Timor Leste. Sistem ini telah diperakui sebagai instrumen penting dalam sistem kewangan Islam dan secara tidak langsung menggerakkan pertumbuhan ekonomi dan memperbaiki kualiti sosial di negara-negara yang melaksanakannya.

### **5.3.9 Menerima Berlian Sebagai Gadaian<sup>205</sup>**

Berlian sebagai barang gadaian merupakan satu langkah proaktif YAPEIM untuk memberi perkhidmatan relevan kepada masyarakat. Sebelum daripada ini, hanya jenis emas yang tertentu sahaja yang diterima sebagai barang gadaian. Melalui segmen baru barang gadaian *al-Rahn*, mereka yang mempunyai berlian boleh melaksanakan aktiviti gadaian serta mempertingkatkan nilai barang gadaian terutama bagi perhiasan yang menggabungkan emas dan berlian.

Menurut Ketua Pengarah YAPEIM, Dr. Abd. Malek Awang Kechil tambahan segmen baru dalam perkhidmatan ditawarkan YAPEIM itu memenuhi aspirasi kerajaan mendahulukan kepentingan rakyat dengan memberi manfaat

---

<sup>205</sup> Berita Harian, 22 Oktober 2009.

berganda kepada masyarakat. Melalui kepakaran menilai berlian, jumlah pinjaman yang diberikan adalah lebih tinggi.

### **5.3.10 Membuka Kios *Al-Rahn* Di Pejabat Pos Malaysia<sup>206</sup>**

Bagi menarik minat orang ramai agar mengambil muamalah Islam sebagai alternatif yang terbaik maka Bank Muamalat telah memeterai perjanjian dengan Pos Malaysia bagi membentuk kerjasama strategik dalam menawarkan perniagaan Pajak Gadai Islam (*Ar-Rahnu*) di cawangan pos terpilih.

Sebagai permulaan, *Ar-Rahnu @ Pos* telah mula beroperasi di cawangan Pos Malaysia di Bandar Baru Bangi dan Pejabat Pos Besar Kuala Terengganu. Pos *Ar-Rahnu Sdn. Bhd.* akan diperluaskan perkhidmatannya di lima puluh cawangan Pos Malaysia di seluruh Malaysia dalam tempoh setahun.

### **5.3.11 Menerima Jongkong Emas Dan Dinar Emas<sup>207</sup>**

Melihat kepada kecenderongan orang ramai terhadap pelaburan di dalam jongkong dan dinar emas maka pihak *Ar-Rahnu Bank Rakyat* kini telah mula mengambil langkah menerima gadaian dalam bentuk jongkong emas dan dinar emas keluaran Public Gold yang berkuatkuasa pada 01 Oktober 2013. Semua *Ar-Rahnu Bank Rakyat* dan *Ar-Rahnu X 'Change* akan menerima gadaian dalam bentuk emas tersebut sebagai satu strategi meluaskan perkhidmatannya.

---

<sup>206</sup>Berita Harian, 21 Januari 2013.

<sup>207</sup>Jongkongemas . com.

## BAB 6

### PENUTUP

#### 6.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan bahagian yang terakhir di dalam tajuk Analisis Hukum Hadith *Al-Rahn* Di dalam *Al-Kutub Al-Sittah* ini dan adalah rumusan dari bab-bab yang telah dibincangkan sebelum ini. Penulis akan menyentuh beberapa aspek yang dianggap penting agar memudahkan para pembaca mengambil pengajaran dan manfaat daripadanya.

#### 6.2 Rumusan

Setelah dilakukan penelitian dan kajian ke atas tajuk, maka beberapa kesimpulan telah dapat dilakukan antaranya ialah;

1. *Jumhur* ‘ulama’ mengharuskan mu ‘amalah dengan gadaian berdasarkan dalil dari al-Qur’an dan al-Hadith.
2. Skim *al-Rahn* bukanlah satu skim yang baru di negara kita. Namun begitu mutakhir ini terdapat permintaan yang tinggi dari pihak bank-bank untuk melaksanakannya di dalam institusi mereka.
3. Masyarakat mulai sedar bahawa sistem kewangan yang berasaskan Islam adalah yang terbaik yang bebas dari unsur-unsur penindasan.

4. Persepsi masyarakat Islam perlu diubah ke arah yang lebih positif terhadap konsep gadaian. Melakukan gadaian bukanlah satu perkara yang memalukan dan ia merupakan satu cara yang paling mudah untuk mendapatkan wang dengan segera tetapi bebas dari perbuatan riba’.
5. Melalui kajian yang dijalankan, penulis mendapati sebanyak 31 buah hadith di dalam *al-Kutub al-Sittah* yang mana 14 buah hadith terdapat di dalam Sahih Bukhāri, 3 buah hadith di dalam Ṣahīh Muslim, 1 buah hadith di dalam Sunan Abi Dawūd, 4 buah hadith di dalam Sunan Nasā’i, 6 buah hadith di dalam Sunan Ibn Mājah dan 3 buah hadith di dalam Sunan al-Tirmīdhī.
6. Daripada 31 buah hadith yang ditemui, penulis telah membahagikan hadith-hadith tersebut kepada beberapa tajuk. Bagi tajuk keharusan melakukan *al-Rahn*, penulis meletakkan di dalamnya 3 buah hadith, jenis barang gadaian sebanyak 8 buah hadith, tempoh gadaian sebanyak 11 buah hadith, hukum menggunakan manfa’at sebanyak 5 buah hadith, perselisihan antara penggadai dan pemegang gadai sebanyak 1 buah hadith, penggadaian senjata sebanyak 2 buah hadith dan gadaian itu tidak akan hilang dari pemiliknya sebanyak 1 buah hadith.
7. Setelah dilakukan penelitian, terdapat sebanyak 87.09 peratus hadith sahih mengenai *al-Rahn* di dalam *al-Kutub al-Sittah*, 9.67 peratus hadith hasan sahih dan 3.22 peratus hadith ḍaif.
8. Ilmu *takhrij* perlu diperkasakan dengan mengembangkan pengajiannya ke seluruh pusat pengajian tinggi kerana keperluan terhadap ilmu ini semakin mendesak.

9. Melalui analisis terhadap hadith *al-Rahn* di dalam *al-Kutub al-Sittah*, terdapat beberapa hukum yang dapat diperbincangkan iaitu keharusan melaksanakan al-Rahn, jenis barang yang boleh digadaikan, tempoh melakukan gadaian, hukum menggunakan manfa 'at daripada barang gadaian, perselisihan antara pengadai dan pemegang gadai dan penggadaian senjata.
10. Rukun-rukun gadaian dapat dikenalpasti secara tidak langsung melalui hadith nabi yang menyatakan nabi s.a.w. menggadaikan baju besi baginda kepada seorang Yahudi.
11. Para 'ulama' bersepakat bahawa pengadai harus menggunakan manfa 'at dari barang gadaian dengan syarat ia perlu memberi nafkah atau membiayai kos penyelenggaraannya.
12. Harus bagi pemegang gadai menggunakan manfa 'at daripada barang gadaian dengan syarat mendapat keizinan dari pengadai dan beliau membiayai kos perbelanjaan barang gadaian tersebut.
13. Sekiranya berlaku perselisihan di antara pengadai dan pemegang gadai maka pengadai perlu membawa dua orang saksi manakala pemegang gadai pula hendaklah melakukan sumpah bagi membuktikan kenyataannya.
14. Pihak Institusi Kewangan Islam tidak mengambil sebarang manfa 'at daripada barang gadaian kerana barang yang diterima adalah emas dan berlian sahaja yang menjadi milik mutlak pengadai.

15. Tempoh gadaian yang diberikan oleh badan kewangan Islam yang menjalankan skim *al-Rahn* adalah dalam jangka masa setahun.
16. Menjual senjata kepada orang kafir adalah dibenarkan bersandarkan kepada hadith bahawa Rasulullah s.a.w. telah menggadaikan baju besi baginda kepada seorang Yahudi.
17. Lebihan dari hasil lelongan yang dilakukan oleh Institusi Kewangan Islam akan dikembalikan kepada penggadai dan ini tidak dilakukan oleh sistem gadaian konvensional.
18. Segala pernyataan dari maklumat yang diberikan oleh pihak penggadai kepada pemegang gadai (Institusi Kewangan Islam *al-Rahn*) semasa penyerahan barang gadaian merupakan satu bukti telah berlakunya akad antara kedua-dua belah pihak. Ini dapat mengelakkan dari berlakunya perselisihan terhadap barang gadaian.
19. Pihak koperasi dan Institusi Kewangan Islam *al-Rahn* di Malaysia masih belum melaksanakan gadaian senjata memandangkan ia tidak menjadi keperluan masyarakat pada masa ini.

## BIBLIOGRAFI

### Tesis/Kertas Projek/Buku

‘Abduh(1959),*Tafsīr al-Manār*, jil. 3, Qahirah: Maktabah al-Qahirah, ‘Ain Shams.

’Abd al-Wahhāb Khalāf(tt), *‘Ilm Uṣūl al-Fiqh*, c. 7, Lubnan : T.p.

Abdul Ghofur Anshori S.H. M.H(2006), *Gadai Syariah Di Indonesia – Konsep, Implementari Dan Institusionalisasi*, Gadjah Mada University Press.

Abdul Halim al-Muhammadiyah (1991), *"Islam dan Hadith"*, c. 1, K.L: ABIM.

Abi 'Abd Allah Isma'il b. Ibrahim Ja'fi Bukhāri al (1998), *Al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min ḥadīth Rasul Allah s.a.w. Sunnah wa Ayyāmuh*, Riyadh,: Dar al-Salam.

Abi Abd Allah Muhammad b. Yazīd b. Mājah Qazwayni (W.887H), *Sunan Ibn Mājah* .  
Ta'liq : Imam al-Buṣayri, Taḥqīq : al-Shaykh Khalīl Mak'mūn Shiha, Beirut :  
Dar al-hadith.

Abi Abd. Rahmān Ahmad b. Shu'ayb b. Ali Nasā'i al- (W 330 H), *Sunan al-Nāsa'i*,  
*Taḥqīq* : Abd. al-Fatāh Abu Ghuddah, Halab, Maktabah al-Matbu'ah al-  
Islamiyyah.

Abi 'Isa Muhammad 'Isa b. Sūrah al-Tirmīdhī al- (W. 279H).*Al-Jāmi' al-Saḥīḥ atau Sunan Tirmīdhī*.  
Taḥqīq : Mustafa Muhammad Husyn al-Dhahabi, Kaherah, Dar al-Hadith.

Abi Muhammad Abdul Rahmān b. Abi Ḥātim Muhammad b. Idrīs b. Munzir Rāzi al-(1952),  
*al-Jarāḥ wa al-Ta'dīl*, j.7, c.1, Dar al-Kutub al- Ilmiyyah : Beirut,  
Lubnan.

Abū Ishāq al-Shāṭibi (1999),*al-Muwāfaqāt fi Uṣūl al-Sharī'ah*, j.2, Beirut: Dar al-  
Ma'rifah.

Adam Tumiran(1999), *Al-Rahn – Suatu Cadangan di Johor*, Kursus Diploma Undang-undang  
Dan Pentadbiran Kehakiman Islam, Universiti Islam Antarabangsa.

Ahmad Azhar Basyir(1983), *Hukum Islam Tentang Riba' , Utang-Piutang, Gadai*, Al-  
Ma'arif: Bandung.

Ahmad Salāmah(1968), *Al-Rahn Al-Ṭalīq Li al- Manqūl : Dirāsah Muqāranah*, Maṭba'ah Jāmi'ah 'Ain Shams.

Anisah Mohamad(1997), *Perlaksanaan Sistem Gadaian Islam : Kajian Kes Ke atas Kedai Al-Rahn di Kelantan*, Akademi Pengajian Islam ,Universiti Malaya.



- Anuar B. Hj. Talib, *Konsep Ar-Rahn: Satu Tinjauan Dari Segi Amalannya Di Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad* (1995), Fakulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya.
- Azizian Abdul Hamid(t.t.), *Al-Rahn Sebagai Alternatif Sistem Pajak Gadai Di Malaysia*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Dardir al- (t.t.), *al-Sharḥ al-Kabīr*, juz 3, Mesir: Matba'ah al-Babi al-Halabi.
- Fakhr Rādhi al-(1938), *Tafsīr al-Kabīr*, juz 7. Misr:al-Ṭaba'ah al-Bāhiyah.
- Fuād Afrām Al-Bustāmi, (1986), "*Munjid Al-Ṭullāb*", c. 15, Beirut : Dar al- Mashriq.
- Fusayli Al-Ṭaib al-(t.t.), *Majmū'ah Al-Rasāil Al- 'Ilmiyyah – Rahn Al-Safīnah*, Jāmi'ah 'Ain Shams.
- Ghazālī al-(1999), *Shifā' al-Ghalīl fī Bayān al-Shabah wa al- Mukhīl wa masālīk al-Ta'īl*, c. 3, Beirut :Dār al-Kutub al- 'lmiyyah.
- \_\_\_\_\_ (t.t.), *al-Mustasfā min 'Ilm al-Uṣūl*, j. 1, c. 1, Beirut : Dār al-Ahyā' al-Turāth al- 'Arabi.
- H. Salim Bahreisy, H. Said Bahreisy(1988), *Terjemah Mukhtaṣar Ibn Kathir*, j.. 1, cet.1, Victory Agencie, Kuala Lumpur.
- Ḥāfīz Abi 'Ula Muhammad 'Abdul Rahmān b. 'Abd Rahīm Mubārakfūri al- (t.t.), *Tuḥfah al-Aḥwādhi bi Sharḥ Jāmi' al-Tarmīdhi*, juz 4, Madinah: Muhammad 'Abd. Al-Muḥsin al-Katabi.
- Hassan Haji Ahmad(1994), *Kaedah Dan Peraturan Pajak Gadai Mengikut Kehendak Islam*, monograf Syariah, j. 2-3 c. 1 1994, Fakulti Syariah Akademi Islam, UM, Vinlin Press.
- \_\_\_\_\_ (2001), "*Maqāṣid Shar'iah : Konsep Dan Pengaruhnya Dalam Pembentukan Hukum*", dalam Abdul Karim Ali et. al. (ed.), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, c.2 ,K.L : Unit Penerbitan API, UM.
- Ibn 'Abidin (t.t.), *Al-Durr al-Mukhtār Wa Ḥashiyyatuh*, j.5.
- \_\_\_\_\_ (t.t.), *Hāshiah Rad al-Mukhtār*, juz 5, Mesir: Matba'ah al-Babi al-Halabi.
- Ibn Hajar Asqalāni al- (2007), *Fath al-Bāri-Penjelasan Kitab Sahih al-Bukhāri*, buku 14, c. 3, Jakarta: Pustaka Azzam.
- Ibn Manzūr, Imam al-'Allāmah Abi al-Faḍlu Jamaluddin Muhammad b. Makram al- (1968), *Lisan al- 'Arab*, Juz 13, Beirut : al-Ṭaba'ah al-Nashr.
- \_\_\_\_\_ (1994), *Lisān al- 'Arab*, j. 3, c. 3, Beirut : Dār Ṣādir.

- Ibrahim Bajuri al-(t.t.), *Hāshiah al-Bājūri* 'Ala Ibn Qāsim, juz 1. Surabaya dan Singapura : Sulayman Mar'ī.
- Ibrāhīm Dasūqī Abu al-Layl al- (t.t.), *Al-Huqūq al- 'Ainiyyah al-Ta'mīnāt al- 'Ainiyyah : Al-Rahn al-Rasmī – Al-Rahn al-Hiyāzī – Huqūq al-Imtiyāzi*, Jāmi'ah al-Kuwait.
- Imam Yahya B. Abi Al-Khair B. Sālim B. As'ad al-(2002), *al-Bayān fī Fiqh al-Imām al-Shāfi'i*, Juz 7, Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Jurjāni, Sharīf 'Ali al-(t.t), "*Risālah fī Fann Uṣūl al-Hadīth*. Dicitak bersama Jami' Ṭirmīdhī, Delhi.
- Kamarulzaman B. Sulaiman(2001) *Kaedah dan Strategi Pengurusan Ekonomi Islam Di Ar-Rahn Kota Bharu Kelantan*, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kandahlawiy al- (1999), *Awjāz al-masālik Ila Muwaṭṭa' Malik*, Bayrut :Dār al-Kutūb al-Ilmiyyah, juz 1.
- M. Muhammad Abu Zahw (1984), "*Al-Ḥadīth wa Muḥaddithūn*", Beirut : Dar-al-Kitab al-'Arabi.
- Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid et.al. (2004), *Pengantar Pengajian Syariah*, K.L : Al-Baian Corporation Sdn. Bhd.
- Mahmūd Ṭahhān al- (1996), *Uṣūl Takhrij wa Dirāsah al-Asānid*, cet.3, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashar wa al-Tawzi.
- Mālik bin Anas Asbahi Madini al-(t.t.), *Al-Muwatta'*, Taḥqīq : Muhammad Fuad 'Abd al-Bāqī, Kaherah, Dar al-Hadith.
- Mariam Darus Badruzaman S.H.(1979), *Bab-bab Tentang Crediet-verband, gadai & Fiducia*, Penerbit Alumni : Bandung .
- Mohamad Wahīd al-Dīn Suar(1995), *Sharah Al-Qānūn Al-Madanī Al- 'Ainiyyah Al-Tābi'yyah Al-Rahn Al-Mujarrad, Al-Rahn Al-Hiyāzī, Huqūq Al-Imtiyāz, al-Kitāb al- Thālith*, Maktabah Dar al-thaqāfah, Jordon.
- Muhammad 'Aliy Subayhal-Sayis(t.t), *Tafsīr Āyāt al-Ahkām*, Misr : Matba'ah.
- Muhammad Abu Layth al-Khayr Abādi al-(2003), *Takhrij al-Ḥadīth Nash 'atuhu wa Manhajiyatuh*, c.3, Selangor : Dar al-Shakir.
- Muhammad Rāzi Fakh al-Dīn Ibn al-'Allāmah Dīa al-Dīn 'Umar al-(1994), *Tafsīr al-Kabīr wa Mafātīh al-Ghaib*, Ṭaba'ah Jadīdah Mazūdah bi Fahāris, juz 7, Dār al-Fikr , Beirut: Lubnan.
- Muhammad b. Ahmad al-Qurṭubi(t.t), *al-Jamī' ' li Ahkām al-Qurān*, Beirut : Dar al-Turath.

- Muhammad Idrīs Abdul Raūf al-Marbawi Azhari al-(1939)*Baḥr al-Māzi- Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ alTirmīzī*, Matba'ah Muṣṭafa al-Bābi al-Halabi, juz 9.
- Muhammad Mustafa Azami (1989), "*Kajian Metodologi Dan Penulisan Hadith*", K.L : Dewan Bahasa & Pustaka.
- Muhammad Saiful Islami B. Mohd Taher(2006), *Penerimaan Pelanggan Terhadap Skim Pajak Gadai Islam (Al-Rahn) : Kajian Di Kedai Ar-Rahn Bank Rakyat Cawangan Alor Setar, Kedah*, Jabatan Syari'ah Dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Muslim bin Hajjāj Qushairy Naysābūri al-(1998), *Al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ atau Ṣaḥīḥ Muslim atau Ṣaḥīḥ Muslim*. Riyadh : Dar al-Salam.
- Rizalman Bin Muhammad,(2007) ,*Hadith-Hadith Wasiat Dan Hibah Di Dalam Al-Sunan Al-Sittah : Takhrij Dan Analisis Hukum.*, ( Desertasi Ijazah Sarjana (MASTER) Jabatan Al-Quran Dan Al –Hadith, AKademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Rohani Ismail(2002), *Sistem Gadaian Islam : Sambutan Masyarakat Terhadap Skim Ar-Rahn di Bank Rakyat*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Sabiq, Sayyid, (1987), "*Fiqh Sunnah* ", Bandung : Al- Maarif , j. 13 .
- Saiful Anuar B. Hambali (1997), *Perlaksanaan Skim Pajak Gadai Islam Di Bank Rakyat : Satu Penilaian*, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Salahuddin Abdullah, Omar Khalid(2009),*Tafsīr Mubīn*,j.1.DBP Kuala Lumpur.
- Shamsiah Bt. Mohamad(1994), *Perlaksanaan Gadaian Islam Di Institusi Gadaian Islam Di Malaysia. Kajian Kes Di Muassasah Gadaian Islam Terengganu*, Ijazah Sarjana Syariah Akademi Islam, Universiti Malaya.
- Shamsuddin Muhammad b. Abi al-Abbas Ahmad(1938),*Nihāyah al-Muḥṭāj*,juz 4. Misr : Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Bābi al-Halabi.
- Shekh Muhammad Khatīb Sharbiniy al-(t.t.),*Mughni al-Muḥṭāj*, juz 2.Misr:Dar al-Fikr.
- Sudarsono , Heri, (2003), "*Bank & Lembaga Keuangan Syariah, Deskripsi dan Ilustrasi*", Yogyakarta : Ekonisia.
- Sulayman bin Ash'ath Abi Dawūd Sajastāni al-, Taḥqīq : Muhammad May al-Din Abd al-Ḥamīd, Beirut: Dar al-Fikr.
- Syafi'i, Rachmat, (2000), "*Fiqh Mu'āmalah*", Bandung : Pustaka Setia.
- Umar bin Ali Anṣari Ibn Mulaqqīn al-(1414H), "*Al-Badr al-Munīr fi Takhrij Ahādīth al-Syarḥ al-Kabīr* ", taḥqīq : jamal al-Sayyid, Riyad: Dar al-'Asimah.
- Unit Skim Al-Rahn, Bank Rakyat (t.t), *Garis Panduan Pelaksanaan Skim Al-Rahn Kuala Lumpur* : Bahagian Hal Ehwal Awam, Bank Rakyat.

Wahbah Zuhayli al- (2001), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmi*, j. 2, c. 2, Damshiq : Dar al- Fikr.

\_\_\_\_\_ (1989), *al-Fiqh al-Islāmi Wa adillatuhu*, juz 5. Dimashq: Dar al-Fikr.

\_\_\_\_\_ (2007), *Mausū‘ah al-Fiqh al-Islāmi al-Mu‘aṣir*, Juz 4, Al-Ṭaba‘ah al-Ūlā, Dar al-Maktabī, Damshik.

Yūsuf Qaradawī al-(1986), *Fiqh al-Zakāt*, c. 16, Beirut: Mu‘assasah al-Risālah.

Zaidan (1996), *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*, c.5, Beirut : Muassasah al-Risalah.

Zurina Abd. Khalid(1995), *Al-Rahn Dalam Perundangan Islam Dan Perlaksanaannya di Bank Rakyat*, Kursus Diploma Undang-undang Dan Pentadbiran Kehakiman Islam, Universiti Islam Antarabangsa.

## Seminar

Abibullah Hj. Samsudin, Abd. Ghafar Hj. Ismail, Azura Sanusi, Rofirozeli Hj. Ismail, Mohd Hamdan Hj. Adnan, Tn. Hj. Mokhtar Abd. Razak dan Mohd Sharif Baharuddin(2002), dianjurkan oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia pada 27-28 Oktober pada tahun 2002 di Kuala Lumpur.

Ahamad Asmadi B. Sakat & Wan Nasyrudin B. Wan Abdullah ,(2007), *Seminar Al-Sunnah Dan Isu-Isu Semasa Peringkat Kebangsaan*, Bangi : Jabatan Pengajian al-Qur’an & al-Sunnah Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kompilasi Prosiding Konvensyen Ar-Rahnu Serantau 2002/2004

Nik Ramlah Mahmood, *Seminar Undang-undang dan Pengguna*, telah diadakan pada 5 Mac 1984 di Semenyih , Selangor

Prof.Dato Dr. Mahmud Saedon Awang Othman, Hj. Muhamad Nasir Yusuf, Hassan Haji Ahmad dan Haji Abdul Aziz b. Nawi, *Seminar Kebangsaan Pajak Gadai Islam (al-Rahn)* yang telah diadakan pada 13 November tahun 1993 di Kuala Lumpur.

## **Kamus/ Majalah/Jurnal/Surat Khabar/ Laman Web.**

Abū Ṭāhir majd al-Dīn Muhammad b. Ya'qūb b. Muhammad b. Ibrahīm b. 'Amr al-Shirāzi al-Fairūz Abādi al-Shāfi'ie (1313 H), *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, jil 1, Kaherah : Taba'ah al-Maymaniyyah.

As Hornby, *Oxford Advanced Learner's Dictionary*, Penerbitan Edisi 4.<sup>1</sup>

Berita Harian Joran pada 20 Disember 2009

Berita Harian, 22 Oktober 2009.

Berita Harian, 21 Januari 2013.

Jongkongemas.com.

*Munjid Fi al-Lughah Wa al-I'lam*(1986), Beirut: Dar al-Mashriq.

Norsham Firdaus, “*Pengurusan Baik Bantu Bank Catat Untung Tinggi*” , Majalah Rakyat, Bil. 3/94. Keluaran Tahun 25.

Shamsiah Mohamad(1995), *Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 : Suatu Analisa Dari Perspektif Islam*,,Jurnal Syariah 3, Bilangan 2.

Teuku Iskandar (1997), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Utusan Online pada 20 November 2007.

## **Temu bual**

Mohd Zaki Ibrahim, Pengurus Perundingan & Pegawasan Syari'ah Bank Rakyat.  
Temu bual pada 23 Disember 2009 jam 10.00 pagi

Haslina Arshat, Pengurus Jabatan Pentadbiran & Kewangan YPEIM. Temu bual pada 24 Disember 2009 jam 9.00 pagi.

Mohd Nazim B. Ismail, Eksekutif Kanan Bank Rakyat Management Services. Temu bual pada 24 Disember 2009 jam 2.30 petang.

Munir B. Hj Md. Salleh, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan JAKIM.  
Temu bual pada 15 Julai 2009 jam 10.30 pagi.

Syahnaz Bt. Sulaiman, Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan JAKIM. Temu bual pada 15 Julai 2009 jam 11.30 pagi.